AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

ڤليتا برونى

70 TAHUN 1956-2026

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : Seutama-utama manusia di sisiku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat ke atasku". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.45 | MAGHRIB 6.35 | ISYAK 7.47

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 95 | 10 OGOS 2026 / 1448 صفر 26 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN REPUBLIK SINGAPURA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong serta kerajaan dan rakyat Republik Singapura bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura yang Ke-61 Tahun.

SSDP platform melahirkan pemimpin cemerlang

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar bertujuan untuk melahirkan pemimpin yang cemerlang, menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara serta menjadi generasi penerus yang akan membarisi tampuk kepimpinan bagi kepentingan ugama, raja dan negara.

Bagi melengkapkan para graduan Sultan's Scholar dengan pengetahuan dan pengalaman supaya mereka sentiasa siap siaga memikul tanggungjawab dan menempuhi cabaran negara serta global secara positif, berdaya tahan dan berdaya maju, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengendalikan Program Perkembangan Sultan's Scholars atau Sultan's Scholars Development Programme (SSDP).

>> Muka 3

Aktiviti perekonomian di kawasan Pantai Jerudong terus diperkembangkan

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Aktiviti perekonomian di kawasan Pantai Jerudong terus diperkembangkan melalui kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Jerudong 'B'.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, beberapa aktiviti keusahawanan telah diungkayahkan termasuk kerja-kerja pemeliharaan infrastruktur di kawasan berkenaan seperti tandas, surau, jalan raya, termasuk penyediaan tempat perahu berlabuh yang diungkayahkan sendiri oleh MPMK Jerudong 'B' dengan mengenakan sewa yang berpatutan.

>> Muka 8

Kod Etika perkukuh integriti, kewibawaan Ahli MMN

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong sukacita menyambut baik titah dan seterusnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan dan kebijaksanaan baginda yang telah memperkenankan usaha penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli-ahli MMN.

Menurut Yang Berhormat, penggubalan Kod Etika bukan sahaja menyediakan prinsip dan panduan tatakelakuan kepada Ahli-ahli MMN, malah mencerminkan nilai budaya dan jati diri sebuah institusi perundangan negara yang berwibawa.

>> Muka 8

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama

PERTUNJUKAN dron, bunga api meriahkan Sambutan Hari Keputeraan

Muka 14

HARI Keluarga Sekampung eratkan silaturahim, ukhuwah

Muka 15

EKSESAIS Permata Hijau menguji tahap kesiapsiagaan, menyelaras, mengkoordinasi operasi

Muka 17

MASJID Omar 'Ali Saifuddien simbol keagungan syiar Islam NBD, terindah di Asia Tenggara

Muka 28

PELITA BRUNEI

Kerjasama strategik perkukuh ekosistem inovasi melalui Anugerah CIPTA

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

MAJLIS pada hari ini adalah satu penghormatan besar untuk saya sekali lagi merasmikan pelancaran Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota dan kempen tahun ini membawa tema 'Bridge. Innovate. Beyond'. Tema ini mencerminkan kepentingan membina jambatan merentasi disiplin, sektor dan sempadan memupuk inovasi untuk menangani keperluan yang muncul dan melangkaui sempadan konvensional untuk mencipta impak yang bermakna kepada masyarakat.

Pujian wajar diberikan kepada Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Brunei LNG atas komitmen yang tidak berbelah bahagi dan perkongsian yang telah lama terjalin dalam penganjuran pertandingan berprestij ini. Kerjasama berterusan mereka menunjukkan semangat merapatkan kepakaran dan sumber untuk memberi inspirasi kepada inovasi dan kecemerlangan.

Sejak penubuhannya, CIPTA menjadi pentas untuk idea dan perjalanan inovasi. Ia mewakili komitmen untuk membina generasi berdaya tahan yang dilengkapi dengan minda berdaya saing dan asas yang kukuh dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Aspirasi yang terkandung dalam CIPTA adalah bertepatan, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, yang berhasrat menjadikan sebuah negara yang diiktiraf kerana rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, mempunyai kualiti hidup yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menekankan kepentingan pembangunan modal insan yang berkebolehan serta penerapan inovasi bagi memastikan negara kekal kukuh dan makmur dalam dunia yang semakin kompetitif.

Semasa Majlis Konvokesyen UTB Ke-10 pada tahun 2022, UTB menekankan kepentingan menterjemahkan hasil penyelidikan kepada paten dan produk yang dikomersialkan sebagai satu cara untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Baru-baru ini, dalam titah sempena Hari Guru 2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengetengahkan tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi' menekankan peranan penting pendidik dalam memupuk inovasi dan membimbing generasi akan datang ke arah masa depan yang mampan dan berdaya tahan. Aspirasi ini bertepatan dengan objektif CIPTA, yang bertujuan bukan sahaja untuk memberi inspirasi kepada kreativiti dan inovasi, tetapi juga untuk menggalakkan pembangunan penyelesaian yang berkesan dengan potensi untuk menjana nilai ekonomi dan menyumbang kepada kemajuan mampan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau ini.

Kami menyedari bahawa perjalanan mencipta idea baharu dengan sumber yang ada selalunya merupakan perjalanan yang teliti. Ia adalah usaha keras dengan percubaan tanpa jemu, penambahbaikan sehingga lewat malam dan daya tahan untuk mengatasi halangan. Namun, cabaran inilah yang menjadikan hasilnya sangat bermanfaat. Tidak ada kepuasan yang lebih besar daripada melihat kumpulan imaginasi yang berkembang menjadi penyelesaian nyata yang boleh memperbaiki kehidupan dan mendorong masyarakat kita maju ke hadapan.

Kita telah melihat kecemerlangan ini pada pemenang sebelum ini, seperti pencipta 'Novel Filter-Less Single-Source Extendable Switched-Capacitor Boost Multilevel Inverter', yang memperoleh Anugerah CIPTA 2025 untuk kejayaannya dalam elektronik kuasa. Kita juga mengimbas kembali kepintaran 'Mamoru : Accident Prevention Motorcycle Helmet' dari Sekolah Menengah Rimba yang menunjukkan cara belia kita boleh menangani cabaran keselamatan dunia sebenar.

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa berucap pada Majlis Pelancaran Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027 (CIPTA 2027) pada Khamis, 25 Jun 2026 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Jadikan contoh ini sebagai inspirasi kepada awda untuk meningkatkan idea awda dan untuk berdaya saing di peringkat serantau dan global.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG

OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	ISNIN	26	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	SELASA	27	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	RABU	28	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
13	KHAMIS	29	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
14	JUMAAT	1 RABIULAWAL	4.47	4.57	6.17	6.39	12.26	3.42	6.34	7.45
15	SABTU	2	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.42	6.33	7.45
16	AHAD	3	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	34 / 26 °C HAZE	35 / 26 °C HAZE	34 / 26 °C HAZE
Pekan Bangar	34 / 26 °C HAZE	35 / 26 °C HAZE	34 / 26 °C HAZE
Pekan Tutong	34 / 26 °C HAZE	35 / 26 °C HAZE	34 / 26 °C HAZE
Kuala Belait	34 / 26 °C HAZE	35 / 26 °C HAZE	34 / 26 °C HAZE

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

10 OGOS 2026

Mengangkat NBD sempena VBY2027 akan datang

PADA kali ini, Sidang Pengarang ingin menyentuh mengenai Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027 - VBY2027) yang juga telah mendapat perhatian semasa Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN di sini. Dalam sidang ini telah memfokuskan pelancongan bernilai tinggi dengan menarik pelawat yang mempunyai kecenderungan untuk tinggal lebih lama di negara ini, berbelanja lebih tinggi serta menikmati pengalaman yang unik dan berkualiti di negara ini. Justeru beberapa pendekatan utama sedang dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pengunjung ke negara ini seperti penyertaan aktif dalam ekspo dan jerayawara, memperkasakan inisiatif promosi antarabangsa, kerjasama dengan agensi-agensi antarabangsa seperti CNN, Euro News, Al-Jazeera dan lain-lain lagi media promosi di samping pelaksanaan enam kempen digital bersama *online travel agents* seperti Skyscanner, Room2Rio, Trip.com, Klook, Agoda dan Ctrip.

Selain itu, banyak lagi usaha yang dirancang untuk menarik pelancong ke negara ini. VBY2027 ini juga secara tidak langsung memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk meraih pendapatan malah VBY2027 ini dijangka akan meningkatkan lagi permintaan terhadap sektor penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, aktiviti pelancongan serta berpeluang mengenalkan produk tempatan.

Di sebalik usaha-usaha yang giat dilaksanakan, peranan kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini juga perlu untuk menyokong VBY2027 dengan menjaga kebersihan negara agar pelancong mendapat gambaran tentang negara kita yang bersih dan menarik untuk meyakinkan mereka melancong ke negara ini sekali gus dapat mengangkat identiti negara kita.

Dengan bersikap baik, bersopan santun dan hormat kepada pengunjung luar akan memberikan gambaran yang baik bagaimana sikap kita sebagai orang-orang Brunei yang berhemah dan beretika terhadap orang luar sehingga mereka berasa dialu-alukan ke negara ini.

Kita perlu memahami bahawa kebanyakan orang akan menilai kita dari tingkah laku justeru marilah kita perbaiki sikap kita, tunjukkan kepada pengunjung luar bahawa kita orang-orang Brunei penuh dengan sopan santun dan beradat berbudaya.

Akhirnya, kita perlu bersama-sama memainkan peranan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini dan berusaha menjadikan VBY2027 sebagai satu pengalaman yang tidak terlupakan bagi pelancong yang datang ke negara ini.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريبتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SSDP PLATFORM MELAHIRKAN PEMIMPIN CEMERLANG

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup berkenaan (atas dan kiri).

>> Muka 1

Program berkenaan melibatkan para penerima Anugerah Biasiswa Sultan's Scholar yang sedang menuntut dan para alumni yang sedang berkhidmat baik di sektor kerajaan mahupun swasta.

SSDP 2026 kali ini disertai seramai 12 peserta yang terdiri daripada sembilan penuntut dan tiga alumni.

Sehubungan itu, Majlis Penutup SSDP 2026 telah diadakan pagi tadi bertempat di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Acara diteruskan dengan penyampaian taklimat daripada wakil-wakil peserta yang telah pengikuti SSDP 2026 dan penyampaian sijil kepada para peserta oleh tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, para peserta juga berkesempatan untuk mengongsikan pengalaman dan hasil dapatan daripada program yang telah disertai.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Juga hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat serta pegawai-pegawai kanan kerajaan, dan pegawai-pegawai kanan dari YSHHB serta para jemputan khas.

Pada tahun ini, SSDP mengandungi dua komponen, iaitu Fasa NBD dan Fasa Republik Singapura.

SSDP 2026 Fasa NBD telah dijalankan bermula pada Selasa, 28 Julai 2026 hingga Sabtu, 1 Ogos 2026. Program berkenaan melibatkan sesi taklimat dan penerangan oleh agensi-agensi kerajaan bagi memberikan kefahaman kepada para peserta mengenai tugas dan peranan agensi-agensi berkenaan serta isu dan cabaran yang berkaitan.

Manakala SSDP 2026 Fasa Republik Singapura pula telah dilaksanakan dengan kerjasama dari Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura di NBD dan Civil Service College (CSC), Republik Singapura. Program telah berjalan selama lima hari bermula Isnin, 3 Ogos 2026 hingga Jumaat, 7 Ogos 2026.

Belia perlu cekal mendepani cabaran, bina potensi diri

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Sebagai belia, antara cabaran dan ujian yang dihadapi pada masa ini ialah dari segi mendapatkan pekerjaan tetap sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta, namun kita tidak seharusnya berasa sedih, lemah dan berputus asa, kerana rahmat Allah Subhanahu Wata'ala lebih luas daripada cabaran dan ujian yang kita hadapi.

Belia perlu sentiasa menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amal ibadah, berzikir dan berdoa, sentiasa bersangka baik kepada-Nya, mengimani bahawa rezeki yang Allah berikan dalam bentuk pekerjaan bukan hanya terhad dalam sektor kerajaan dan swasta bahkan termasuk juga secara persendirian seperti keusahawanan. Selain itu, belia perlu mengenali potensi dan nilai diri kerana setiap daripada kita mempunyai potensi yang berharga, sentiasa berterusan menaik taraf diri dari semasa ke semasa dengan ilmu ugama mahupun kemahiran yang boleh membantu membina diri, memberikan sumbangan secara aktif dalam bentuk tenaga dan buah fikiran dalam aktiviti kemasyarakatan serta meneroka diri dengan membuat pekerjaan sambilan sementara menunggu pekerjaan tetap.

Dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman yang kita peroleh, kita dapat menyumbang kepada nusa, bangsa dan negara serta tidak mudah berputus asa kerana ada banyak tempat yang boleh kita sumbangkan sebagai belia. Sebagai belia siaga masa depan, kita juga mampu menyumbang bagi pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Di Sebalik Ujian, Ada Harapan: Belia Siaga Masa Depan' yang disampaikan oleh Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Dayang Hajah Siti Nurul Hazwani binti Haji Mohd. Yussof bagi menyerikan Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-38 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-241 pada malam tadi dari Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah.

Menyemarakkan Program Malam Munajat minggu ini ialah para Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Belia Brunei; Ahli Jawatankuasa Kumpulan Belia Masjid Senegara; Kumpulan Akhawatus Sofiyyah, Program Keugamaan Belia di bawah KHEU; Ahli Jawatankuasa Bahagian Belia dan Beliawanis Masjid Daerah Temburong serta muslimah dan jemaah masjid di beberapa buah masjid di seluruh negara.

Turut menyertai, warga kerja wanita di bawah KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Dayang Dalili Bazilah binti Haji Jailani yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Tadbir Pusat Biro Kerohanian dan Keharmonian, Majlis Belia Brunei.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Unit Jaringan dan Kerjasama Strategik, Kumpulan Belia Masjid Senegara, Ahli Jawatankuasa Bahagian Belia dan Beliawanis
Masjid Daerah Temburong, Dayang Nur Afina binti Haji Adam.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Tadbir Pusat Biro Kerohanian dan Keharmonian, Majlis Belia Brunei, Dayang Nuramalnajihah@Zulaikha binti Hanip.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Dayang Nur Afina binti Haji Adam.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Kumpulan Akhawatus Sofiyyah, Program Keugamaan Belia di bawah KHEU, Dayang Tuty Haryati Agustina binti Haji Abu Bakar.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita rafakkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: *http://tiny.cc/munajatkheu.*



ANTARA yang hadir pada Malam Munajat Khas untuk Wanita Ke-38 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-241 dari Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah.

HALUAN

>> Muka 2

Inovasi tidak berlaku secara berasingan. Ia berkembang maju melalui kerjasama dan usaha kolektif kerajaan, ahli akademik, industri dan komuniti. Oleh itu, saya menggalakkan perkongsian yang lebih kukuh dalam kalangan semua pihak berkepentingan, baik di NBD dan di seluruh ASEAN untuk mengukuhkan lagi ekosistem inovasi. Dengan bekerjasama dan memanfaatkan kekuatan kolektif kita, kita boleh memupuk penyelesaian yang bukan sahaja menangani cabaran semasa tetapi juga membentuk masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang. Marilah kita semua memupuk semangat kerja berpasukan dan kecemerlangan yang dijelmakan dalam Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota.

Saya mendoakan kejayaan CIPTA 2027 dan berharap dapat menyaksikan idea dan inovasi luar biasa yang akan muncul daripada edisi pertandingan ini.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan ini merasmikan pelancaran Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2027 (CIPTA 2027).

Terima kasih. *Wabillahit Taufik Walhidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

PELITA BRUNEI

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL MENCERMINKAN NILAI KESOPANAN, PROFESIONALISME DAN RASA TANGGUNGJAWAB

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Dalam era yang serba pantas dan terbuka ini, masyarakat bukan sahaja menilai apa yang diperkatakan dalam Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) malah turut menilai tingkah laku kita di luar dewan.

Oleh itu, Kod Etika dan Tatakelakuan yang dicadangkan ini amat bertepatan kerana ia menetapkan satu piawaian yang jelas mengenai nilai, prinsip dan tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh setiap Ahli MMN.

Kod tersebut bukan bertujuan mencari kesalahan atau menghukum mana-mana pihak, sebaliknya ia berfungsi sebagai panduan bersama dalam memastikan setiap ahli sentiasa membuat pertimbangan yang berasaskan kepentingan negara, bukan kepentingan peribadi.

Perkara tersebut disuarakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' semasa membahaskan Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Antara perkara penting yang diberi perhatian jelas Yang Berhormat ialah mengisytiharkan keperluan kepentingan dan mengelakkan konflik kepentingan. Dalam mana-mana institusi yang mengamalkan tadbir urus yang baik, prinsip ini merupakan asas kepada integriti.

Menurut Yang Berhormat, apabila seorang ahli mempunyai kepentingan yang boleh mempengaruhi pertimbangannya, perkara tersebut hendaklah diisytiharkan secara telus supaya setiap keputusan yang dibuat tidak menimbulkan presepsi negatif.

Walaupun seorang ahli mungkin bertindak dengan jujur, presepsi masyarakat juga perlu diambil kira. Dalam hal ini, ketelusan menjadi benteng utama bagi memelihara keyakinan orang ramai terhadap institusi MMN.

Mengenai peruntukan penerimaan hadiah dan layanan sebagai pemegang amanah awam tegas Yang Berhormat, setiap ahli perlu sentiasa berhati-hati supaya sebarang hadiah atau layanan yang diterima tidak boleh ditafsirkan sebagai mempunyai tujuan mempengaruhi pertimbangan keputusan atau begitu juga dengan penggunaan sumber dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

"Segala kemudahan yang diberikan kepada Ahli MMN merupakan amanah yang perlu digunakan secara berhemat, berintegriti dan hanya bagi tujuan melaksanakan tanggungjawab rasmi. Dalam dunia digital masa kini, satu lagi aspek yang semakin penting ialah penggunaan maklumat dan media sosial. Sebagai Ahli MMN, kita mempunyai akses kepada maklumat yang ada kalanya bersifat sensitif atau sulit."

"Oleh itu, tanggungjawab menjaga kerahsiaan maklumat adalah amat penting bagi melindungi kepentingan negara dan memastikan proses membuat dasar tidak terjejas. Begitu juga dalam penggunaan media sosial, setiap kenyataan atau pandangan yang dikongsikan oleh Ahli MMN boleh memberi kesan kepada persepsi masyarakat. Oleh itu, penggunaan media sosial hendaklah sentiasa mencerminkan nilai kesopanan, profesionalisme dan rasa tanggungjawab sebagai seorang Ahli MMN," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengambil maklum dan menyambut baik bahawa Kod tersebut telah disediakan melalui proses perundangan bersama Ahli-ahli MMN. Ini menunjukkan bahawa kod tersebut bukanlah satu yang dikenakan secara sepihak, tetapi dibentuk melalui semangat musyawarah dan kesepakatan bersama.

Yang Berhormat juga berpandangan bahawa mekanisme pentadbiran, penerimaan aduan, penyiasatan dan pengesyoran tindakan disiplin yang diperuntukkan adalah penting bagi memastikan kod tersebut bukan sekadar menjadi dokumen rujukan, tetapi benar-benar dapat dilaksanakan secara berkesan, adil dan konsisten.

Namun demikian dalam pelaksanaannya nanti, Yang Berhormat berharap pendekatan yang diambil akan lebih menekankan aspek pendidikan, nasihat dan pembudayaan nilai-nilai integriti di samping tindakan yang sewajarnya, sekiranya berlaku perlanggaran yang serius.

"Kaola juga ingin menyentuh mengenai keputusan supaya kod ini dikaji semula seperti secara berkala. Kaola melihat perkara ini sebagai satu langkah yang sangat positif. Dunia sentiasa berubah. Begitu juga cabaran yang dihadapi oleh institusi awam. Isu-isu baharu seperti penggunaan Kecerdasan Buatan, keselamatan siber, komunikasi digital dan hubungan dengan pelbagai pihak kepentingan mungkin memerlukan penambahbaikan kepada Kod ini pada masa akan datang."

"Oleh itu, semakan secara berkala akan memastikan Kod Etika dan Tatakelakuan ini terus relevan, praktikal dan memenuhi kehendak semasa. Kaola percaya bahawa pengesahan Kod Etika dan Tatakelakuan ini bukan sekadar memenuhi satu keperluan pentadbiran, malah merupakan satu komitmen moral dan institusi untuk memperkukuhkan integriti MMN," ujar Yang Berhormat lagi.

Integriti tegas Yang Berhormat bukan hanya diukur apabila seorang berada di bawah pemerhatian, tapi lebih penting apabila amanah itu dilaksanakan dengan jujur walaupun tanpa pengawasan.

Sekiranya setiap Ahli MMN menjadikan Kod tersebut sebagai panduan dalam setiap tindakan dan keputusan, insyaaAllah institusi MMN akan terus dipandang tinggi, dihormati oleh rakyat dan menjadi contoh kepada institusi-institusi lain dalam negara.

Terdahulu, Yang Berhormat merafakkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang sentiasa menitikberatkan nilai integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik dalam pentadbiran negara.

Cadangan tersebut jelas Yang Berhormat merupakan satu manifestasi yang jelas dalam menterjemahkan hasrat baginda supaya institusi MMN terus diperkukuhkan sebagai sebuah institusi yang dihormati, diyakini dan menjadi contoh kepada semua.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.

Kepercayaan rakyat terhadap sebuah institusi tidak hanya bergantung kepada keputusan yang dibuat tetapi juga bagaimana keputusan itu dibuat dan bagaimana individu yang memegang amanah itu berkelakuan.

"Akhir sekali, kaola berharap pengesahan Kod Etika dan Tatakelakuan ini akan menjadi satu legasi yang berterusan, bukan hanya untuk Ahli MMN pada masa ini, malah ia menjadi panduan kepada Ahli-ahli MMN pada masa hadapan."

"Dengan itu, akauntabiliti, budaya ketelusan integriti, dan profesionalisme akan terus subur dalam institusi ini, sekali gus memperkukuhkan kepercayaan rakyat terhadap MMN sebagai institusi yang sentiasa menjunjung amanah dan berkhidmat demi agama, raja dan negara.

"Dengan penuh hormat, kaola menyatakan sokongan terhadap usul ini dan bersetuju supaya Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN diluluskan dan dikuatkuasakan," ujar Yang Berhormat lagi mengakhiri perbahasan.

Memastikan amanah, tanggungjawab selaras dengan nilai negara Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Sebagai sebuah negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), setiap institusi dan individu yang diberikan amanah, mempunyai tanggungjawab untuk memastikan nilai-nilai Islam bukan hanya dizahirkan melalui dasar dan peraturan tetapi turut diterjemahkan melalui akhlak, adab, kejujuran, keadilan, amanah dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Dalam konteks Majlis Mesyuarat Negara (MMN), perkara ini amat penting kerana Yang Berhormat Ahli-ahli MMN mempunyai kedudukan yang besar dalam membawa suara rakyat, membincangkan dasar dan menyumbang pandangan terhadap pembangunan negara.

Maka, amanah tersebut hendaklah dilaksanakan dengan penuh hikmah, kesederhanaan dan rasa tanggungjawab, supaya setiap perbahasan dan perbezaan pandangan tidak menjejaskan keharmonian masyarakat dan kestabilan negara.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat menekankan perkara tersebut ketika membahaskan Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Islam sendiri mengajar kita supaya berlaku adil, berkata benar, menjaga amanah, menghormati sesama manusia. Nilai murni ini pada hemat kaola, amat relevan dalam membentuk etika dan keperibadian Ahli MMN."

"Dalam hal ini, kaola teringat akan beberapa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering menekankan kepentingan calak Brunei sebagai identiti dan jati diri kita, yang antaranya tercermin melalui sifat beradat, bersopan santun, menghormati orang lain dan juga tutur kata dan memelihara keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, calak Brunei ini sangat dekat dengan tuntutan Islam, bukan sahaja menuntut kita melakukan perkara yang benar, tetapi turut mengajar kita supaya, menyampaikan kebenaran itu dengan cara yang baik, beradab dan berhemah.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nahl ayat 125 : "Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang paling baik". Ayat ini memberikan satu penemuan yang jelas, bahawa perbezaan pandangan tidak boleh memisahkan kita daripada adab dan hikmah.

Jelas Yang Berhormat, kita boleh mempunyai pandangan yang berbeza, tetapi perbezaan tersebut hendaklah disampaikan dengan adab dan hikmah.

Tegas Yang Berhormat lagi, kita boleh mengkritik satu dasar, tetapi kritikan hendaklah bertujuan memperbaiki, bukan menjatuhkan dan kita boleh menegur kelemahan, tetapi teguran hendaklah berlandaskan fakta, kejujuran dan niat untuk membawa kebaikan kepada rakyat dan negara.

"Begitu juga, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita dalam Surah Al-Hujarat ayat 11 supaya "Jangan sesuatu kaum, memperolok-olokkan kaum yang lain kerana, boleh jadi mereka yang diperolokkan itu lebih baik daripada mereka". Ini menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan kehormatan, maruah dan hubungan sesama manusia termasuk ketika berlaku perbezaan pandangan".

"Malah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengingatkan bahawa seorang muslim ialah orang yang lain selamat daripada gangguan lidah dan tangannya. Maka pada hemat kaola, prinsip ini amat wajar diserapkan dalam tatakelakuan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kebebasan bersuara hendaklah disertai dengan tanggungjawab, menjaga tutur kata, maruah institusi dan keharmonian masyarakat. Inilah nilai yang kaola percaya dapat menyumbangkan kepada pebentukan sebuah budaya perbahasan yang sihat, matang dan harmoni," tegas Yang Berhormat lagi.

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

>> Muka 5

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

MMN WADAH PENTING KONGSI PANDANGAN ANTARA KERAJAAN, RAKYAT

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Penggubalan Kod Etika dan pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yakni Standing Order menggambarkan keyakinan kepercayaan dan harapan tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap peranan MMN.

MMN merupakan wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat dalam memajukan agenda pembangunan terutamanya dalam membahaskan perkara-perkara utama yang menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata demikian ketika membincangkan dan menyokong Penggubalan Dokumen Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Secara peribadi, Yang Berhormat menjunjung penuh di atas limpah kurnia titah baginda dan percaya sebagaimana juga hasrat baginda Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli-ahli MMN ini akan meningkatkan lagi kewibawaan dan martabat Dewan ini melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan.

>> Muka 6

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Penggubalan Kod Etika, Tatakelakuan Ahli MMN kukuhkan institusi majlis

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) merupakan satu perkembangan yang penting dalam memperkukuhkan institusi majlis.

Kod ini menetapkan satu standard yang jelas mengenai tanggungjawab dan tatakelakuan ahli-ahli yang mana nilai terbesar bukan sahaja terletak kepada standard yang ditetapkan tetapi kepada bagaimana standard tersebut akan membentuk budaya dan perkembangan majlis ini di masa hadapan.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat, berkata demikian ketika membincangkan dan menyokong Penggubalan Dokumen Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Penggubalan Kod Etika itu jelas Yang Berhormat, merupakan satu perkembangan yang penting dalam memperkukuhkan institusi majlis.

"Kod ini menetapkan satu standard yang jelas mengenai tanggungjawab dan tatakelakuan ahli-ahli yang mana nilai terbesar bukan sahaja terletak kepada standard yang ditetapkan tetapi kepada bagaimana standard tersebut akan membentuk budaya dan perkembangan majlis ini di masa hadapan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berpandangan bahawa setiap institusi yang dihormati mempunyai dua perkara yang sentiasa dipelihara iaitu peraturan dan budaya institusi. Peraturan boleh digubal dalam tempoh yang singkat tetapi budaya hanya terbentuk melalui amalan yang konsisten dalam tempoh yang panjang.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat melihat Kod Etika ini sebagai titik permulaan kepada pembentukan budaya tersebut, apabila satu prinsip diamalkan secara berterusan, akhirnya dapat menjadi standard institusi.

Yang Berhormat kemudian menyentuh mengenai kelaziman apabila membincangkan mengenai Kod Etika, perhatian tertumpu kepada persoalan sama ada sesuatu tindakan mematuhi ataupun melanggar peraturan, yang pada pandangan Yang Berhormat, tanggungjawab seorang ahli jauh lebih luas daripada memastikan sesuatu tindakan mematuhi peraturan.

Yang Berhormat seterusnya berpandangan bahawa nilai sebenar kod ini ialah keupayaannya untuk memperkukuhkan kualiti pertimbangan, yang mana kod ini perlu membantu Ahli Yang Berhormat membuat pertimbangan yang bukan sahaja sah dari sudut peraturan, tetapi juga selaras dengan kedudukan dan tanggungjawab sebagai Ahli MMN.

"Semakin tinggi amanah yang dipikul seseorang Ahli Yang Berhormat, semakin besar keperluan untuk setiap keputusan dipandu oleh prinsip dan bukan bergantung kepada apa yang dinyatakan secara khusus dalam sesuatu peraturan," jelas Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat juga melihat bahawa Kod Etika ini membuka ruang kepada pembentukan memori institusi. Keanggotaan MMN akan sentiasa berubah dan ahlinya datang daripada pelbagai latar belakang, pengalaman dan bidang kepakaran, namun identiti MMN tidak boleh berubah mengikut pertukaran keanggotaannya.

Oleh demikian kata Yang Berhormat lagi, pengalaman yang diperolehi daripada pelaksanaan kod ini mempunyai nilai yang besar kepada MMN.

Pada pandangan Yang Berhormat, setiap penelitian terhadap suatu persoalan etika, tafsiran terhadap prinsip yang terkandung dalam kod dan pengalaman diperolehi daripada pelaksanaannya, merupakan pengetahuan institusi yang perlu terus dipelihara.

Dengan pendekatan sedemikian jelas Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja mewarisi sebuah Kod Etika, tetapi turut mewarisi kefahaman institusi mengenai bagaimana prinsip-prinsip tersebut boleh diamalkan sepanjang perkembangan MMN.

Yang Berhormat juga mengambil perhatian bahawa usul berkenaan memperuntukkan semakan berkala terhadap Kod Etika yang pada pandangan Yang Berhormat, semakan tersebut mempunyai nilai yang lebih besar daripada sekadar mengemaskinikan kandungan kod.

Peranan Ahli Yang Berhormat sendiri tambah Yang Berhormat, semakin berkembang di mana Ahli Yang Berhormat bukan sahaja membahaskan dasar di dewan ini tetapi semakin aktif dalam diplomasi antara parlimen, hubungan dengan organisasi antarabangsa, dialog bersama sektor swasta, institusi akademik, badan profesional serta masyarakat.

Dalam masa yang sama ujar Yang Berhormat, perkembangan teknologi turut mengubah cara Ahli Yang Berhormat berkomunikasi, mengurus maklumat dan melaksanakan tanggungjawab mereka. Oleh itu, semakan berkala perlu menjadi ruang untuk MMN menilai bagaimana prinsip yang sama boleh terus dapat digunakan secara konsisten dalam keadaan yang sentiasa berubah.

Menyentuh mengenai pindaan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, supaya draf Kod Etika dan Tatakelakuan dirujuk kepada satu jawatankuasa untuk diteliti dan diperhalusi sebelum dikemukakan semula kepada MMN dalam tempoh enam bulan, Yang Berhormat menjelaskan penelitian lanjut tidak mengubah matlamat utama penggubalan kod berkenaan, sebaliknya, tempoh tersebut boleh memberikan ruang untuk memastikan prinsip-prinsip yang telah digariskan dapat diterjemahkan melalui tatacara yang jelas, difahami bersama dan dapat dilaksanakan secara konsisten.

Yang Berhormat berpandangan bahawa kekuatan sesuatu kod bukan sahaja terletak kepada apa yang tertulis tetapi kepada bagaimana ia difahami dan akhirnya menjadi sebahagian daripada budaya institusi.

Oleh itu, apa yang penting kata Yang Berhormat, ialah hasilnya nanti bukan sahaja sebuah kod yang lengkap dari segi kandungan tetapi sesuatu kerangka yang dapat dilaksanakan dengan baik dan terus relevan dengan perkembangan MMN.

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

>> Muka 4

Kod Etika dan Tatakelakuan jelas Yang Berhormat dapat membantu memastikan bahawa kebebasan bersuara dan hak untuk berbahas sentiasa diseimbangkan dengan tanggungjawab menjaga keharmonian, perpaduan dan kestabilan negara.

Tegas Yang Berhormat, kita tidak mahu perbezaan pandangan menjadi punca perpecahan sebaliknya, kita mahu perbezaan pandangan menjadi sumber kepada perbincangan yang lebih matang dan menghasilkan penyelesaian yang lebih baik.

Sebagai sebuah negara Islam yang berharmoni tekan Yang Berhormat, kita juga mempunyai tanggungjawab untuk menunjukkan kepada generasi muda bahawa perbezaan pendapat bukan alasan untuk menghilangkan rasa hormat dan ketegasan dalam pendirian,tidak semestinya mengorban adab dan kesopanan.

"Apa yang kita tunjukkan di dalam dewan hendaklah menjadi teladan kepada mesyarakat dan generasi muda. Justeru, Kod Etika dan Tatakelakuan ini bukan sekadar mekanisme kelakuan tetapi instrumen pembentukan budaya, nilai dan keperibadian. Ahli-ahli Yang Berhormat, agar institusi MMN terus berlandaskan adab, integriti, khususnya keharmonian serta nilai-nilai Islam dan falsafah MIB".

"Yang Berhormat Yang Di-Pertua, akhirnya matlamat kita bukan sekadar untuk mempunyai sebuah institusi yang berfungsi tetapi sebuah institusi yang mempunyai jiwa, nilai dan keperibadian. Sebuah institusi yang apabila dilihat oleh rakyat, mereka merasakan adanya keyakinan dan kepercayaan".

"Sebuah institusi yang apabila dilihat oleh generasi muda, mereka mendapat contoh tentang amanah, adab dan tanggungjawab dan sebuah institusi yang apabila dilihat oleh masyarakat antarabangsa, mereka dapat melihat wajah NBD sebagai sebuah negara Islam yang aman, harmoni, berbudaya, berintegriti dan menjunjung nilai-nilai kemanusian serta kesejahteraan bersama," kata Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menjunjung kasih Kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas perkenan baginda terhadap penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan bagi Ahli-ahli MMN.

Yang Berhormat menyatakan perkenan baginda ini sebagai satu langkah yang sangat baik dan bermakna dalam memperkukuhkan amanah, integriti, keperibadian, disiplin dan tatakelakuan Ahli-ahli Yang Berhormat selaras dengan nilai-nilai Islam dan falsafah MIB yang jadi landasan kehidupan bernegara.

Yang Berhormat juga menyambut baik usul ini dan melihat penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan perlu dilihat dalam konteks tuntutan dan tanggungjawab kita sebagai sebuah negara Islam yang menjunjung keharmonian, keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat menyifatkan Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan bagi Ahli-ahli MMN ini sebagai satu langkah yang amat baik dalam memastikan amanah, tanggungjawab dan keperibadian Ahli-ahli Yang Berhormat selaras dengan nilai negara Islam yang harmoni berteraskan adab dan akhlak serta mencerminkan calak Brunei yang kita banggakan.

Dengan adanya kod etika ini, Yang Berhormat berharap ia bukan saja menjadi garis panduan tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan tetapi menjadi cermin kepada keperibadian, amanah, maruah setiap Ahli Yang Berhormat serta terus memperkukuhkan kewibawaan institusi MMN.

Dalam perkara tersebut, Yang Berhormat juga ingin menjadikan kesinambungan terhadap pindaan telah dicadangkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin iaitu supaya diberikan tempoh selama enam bulan bagi jawatankuasa yang berkenaan untuk meneliti dan memperhalusi lagi Kod Etika dan Tatakelakuan ini sebelumnya dipakai ataupun dikuat kuasa secara rasmi.

PELITA BRUNEI

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

MEMPERKUKUH BUDAYA INTEGRITI PROFESIONALISME, TADBIR URUS BERETIKA

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Tujuan utama Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ialah sebagai panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai nilai, etika, tatakelakuan dan peraturan bagi memperkukuh budaya integriti profesionalisme dan tadbir urus beretika dalam semua urusan Ahli MMN.

Kod Etika yang dicadangkan merangkumi etika dan tatakelakuan bukan sahaja sewaktu Persidangan MMN tetapi juga bagi muzakarah, sesi dialog, lawatan kerja dan perjumpaan serta bukan sahaja dari segi penyampaian maklumat, pertuturan tetapi juga dari segi pakaian.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata demikian ketika membincangkan dan menyokong Penggubalan Dokumen Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat melihat semua ini adalah sebagai satu usaha pihak MMN untuk memelihara imej Ahli MMN sebagai wakil rakyat yang boleh dipercayai untuk mewakili kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan peribadi ataupun kepentingan satu golongan tertentu.

Dengan adanya kod ini kata Yang Berhormat, orang ramai merasa yakin bahawa setiap Ahli MMN adalah dikawal oleh Kod Etika dan Tatakelakuan dan setiap interaksi dengan orang ramai berlaku secara terbuka tanpa sebarang muslihat dan setiap isu yang diketengahkan akan didengar dan dibincangkan, dibawa ke pihak-pihak yang berkenaan bagi mencari penyelesaiannya.

Pada masa yang sama jelas Yang Berhormat, pihak awam akan menaruh kepercayaan dengan adanya Kod Etika dan Tatakelakuan ini, akan kredibiliti seseorang Ahli MMN itu, bila membahas sesuatu perkara di MMN, muzakarah ataupun dialog atau bila berjumpa sebagai Ahli MMN dengan penjawat awam, tidak diketahui oleh gejala rasuah dan akan didengar dan diberi perhatian oleh mana-mana jua peringkat jentera kerajaan.

Ini kata Yang Berhormat bagi memelihara imej Ahli MMN berkenaan dan integriti Ahli MMN semasa berurus dengan mana-mana pihak kerajaan.

Yang Berhormat menegaskan Ahli-ahli MMN mestilah mempunyai sifat-sifat terpuji untuk menjawat jawatan ini dan dengan adanya Kod Etika dan Tatakelakuan ini akan menjadi garis panduan untuk dipatuhi dan bukan sahaja selagi berkhidmat sebagai Ahli MMN tetapi juga selepas berkhidmat sebagai Ahli MMN.

Pada keseluruhannya, Yang Berhormat melihat Kod Etika dan Tatakelakuan ini sebagai lengkap, walau bagaimanapun beberapa perkara di dalam kod ini perlu dihuraikan, kalau tidak timbul kesangsian dan interpretasi yang berlainan.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat yakin dengan adanya Kod Etika dan Tatakelakuan ini, akan lebih jelas tentang tanggungjawab mereka selaku suara orang awam dan bagaimana masalah-masalah tersebut disampaikan kepada pihak-pihak berkuasa untuk disampaikan kembali kepada orang ramai.

Kod Etika, Tatakelakuan memperkukuh kewibawaan MMN

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. – Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, semasa membincangkan Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, turut menyentuh Perkara 12 mengenai Semakan dan Pindaan Kod Etika.

Yang Berhormat menyambut baik peruntukan supaya kod ini disemak secara berkala oleh MMN dan sebarang pindaan dibentangkan melalui usul. Semakan sedemikian penting supaya kandungan kod terus bersesuaian dengan keperluan dan perkembangan semasa.

Bagi memastikan proses ini dapat dilaksanakan secara teratur, Yang Berhormat mencadangkan supaya tempoh semakan dan pihak yang bertanggungjawab menyelarasnya dinyatakan dengan lebih jelas.

"Semakan berkala, misalnya, boleh dipertimbangkan dan dilaksanakan sekali setiap dua tahun," terang Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun kata Yang Berhormat, semakan lebih awal juga boleh dibuat sekiranya berlaku perubahan undang-undang, perkembangan teknologi atau timbul isu baharu yang memerlukan perhatian segera.

Pandangan ahli-ahli jelas Yang Berhormat lagi, juga wajar diambil kira berdasarkan pengalaman sebenar sepanjang melaksanakan kod ini.

Hasil setiap semakan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

hendaklah dibentangkan di dewan terang Yang Berhormat lagi, di mana sekiranya semakan tersebut melibatkan pindaan terhadap hak, tanggungjawab atau tatacara penguatkuasaan, pindaan berkenaan hendaklah dibahaskan sebelum dimuktamadkan.

Dengan adanya tempoh, tanggungjawab dan proses yang jelas ujar Yang Berhormat, keberkesanan kod dapat dinilai secara berterusan serta ditambah baik berdasarkan pengalaman pelaksanaannya.

Justeru Yang Berhormat menzahirkan harapan agar Kod Etika dan Tatakelakuan ini bukan sahaja diterima sebagai satu standard bertulis, tetapi benar-benar menjadi sebahagian daripada budaya kerja majlis yang berteraskan amanah, integriti, akauntabiliti dan kepentingan rakyat.

Dengan panduan yang jelas serta pelaksanaan yang adil dan konsisten terang Yang Berhormat lagi, mudah-mudahan kod ini dapat memperkukuhkan lagi kewibawaan MMN.

Oleh itu, Yang Berhormat menyokong konsep dan kerangka yang telah disediakan dan berharap agar cadangan - cadangan yang dikemukakan dapat dipertimbangkan sewajarnya.

>> Muka 5

Kerana itu, Yang Berhormat ingin menjunjung kasih di atas kurnia titah baginda atas keutamaan bagi menyediakan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN yang prinsip dan inti patinya ialah untuk menjaga integriti dan amanah yang dipikulkan kepada dewan yang mulia ini berpandukan standard moral dan profesional ahli supaya ia tidak tercemar oleh unsur-unsur yang tidak diingini.

Pada hemat Yang Berhormat, Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN sebagai satu rangka asas yang menjadi panduan kepada Ahli-ahli MMN mengenai nilai etika, tatakelakuan dan peraturan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih efektif, berhemah lagi berintegriti.

Untuk itu, Yang Berhormat ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di atas inisiatif penggubalan kod ini yang diterajui oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Pada pandangan Yang Berhormat, dengan adanya kod ini ianya akan memandu Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk mengukuhkan tadbir urus, kredibiliti, akauntabiliti dan profesionalisme MMN ini.

Yang Berhormat bersetuju pada prinsipnya asas kod ini ialah untuk melindungi dan membentuk kepercayaan awam yakni *public trust* antara Ahli Majlis Mesyuarat dan orang ramai selaras dengan kedudukan ahli sebagai penjawat amanah berkepentingan awam.

Kod ini juga jelas Yang Berhormat, mempunyai peranan mempertahankan imej serta martabat institusi MMN dalam menyempurnakan amanah yang dipikulkan dengan berasaskan kesetiaan pada agama, raja dan negara.

Peluang dan tanggungjawab untuk menyumbang kepada negara dan rakyat ini kata Yang Berhormat perlu dijalankan dengan sebaik mungkin dengan penuh bijaksana dan bertanggungjawab.

Yang Berhormat percaya dengan adanya Kod Etika dan Tatakelakuan, ia sudah setentunya akan mengukuhkan keberkesanan dewan dan akan mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang dihasratkan kerana ia merupakan sebahagian dari dasar dan prosedur rasmi MMN yang diguna pakai sepanjang berkhidmat sebagai ahli memandangkan semua Ahli MMN adalah terikat dan perlu sentiasa mematuhi udang-undang negara.

Yang Berhormat juga bersetuju sepenuhnya terhadap lima teras utama Kod Etika ini, iaitu kesetiaan, integriti, profesionalisme, ketelusan dan hormat menghormati.

Tambah Yang Berhormat, kesetiaan tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja, adalah elemen terpenting dalam mengawal tatakelakuan Ahli-ahli MMN yang sepatutnya dipelihara setiap masa di mana saja kita berada.

Yang Berhormat juga bersetuju sepenuhnya terhadap tanggungjawab Ahli MMN yang digariskan dalam Clause 2.2 dalam Kod Etika itu terutama yang menghendaki ahli-ahli untuk berpegang kepada prinsip tanggungjawab bersama yakni *collective responsibility* kerana ia menghendaki ahli-ahli untuk sentiasa bertindak dengan penuh akauntabiliti, berhemah, lagi lutanan demi memelihara integriti majlis dan memberi keutamaan kepada kepentingan awam dengan jujur, amanah, berpegang teguh kepada prinsip moral, sentiasa mempamerkan sifat, nilai dan kemahiran profesional serta bertindak dengan penuh kejujuran dan mengamalkan sikap hormat menghormati serta semangat kerjasama.

Begitu juga mengenai konflik kepentingan (*conflict interest*) kata Yang Berhormat, yang dimuatkan dalam Clause 6 Kod Etika ini terutamanya yang berkaitan dengan *clause* mengenai penyalahgunaan kuasa dan kedudukan.

"Kaola berpendapat *clause* ini adalah selaras dan bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Jun 2026 yang berkaitan dengan menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan jujur, berintegriti dan beretika dalam sama-sama memastikan jentera kerajaan sentiasa bebas dari sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan kredibiliti kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata Clause 6, 6.1 hingga 6.4 yang berkaitan dengan *conflict interest* dan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan yang terdapat dalam Kod Etika ini adalah bertepatan dengan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Diakhir ucapan, Yang Berhormat secara dasarnya menyokong sepenuhnya prinsip dan inti pati Kod Etika dan TataKelakuan ini sebagai panduan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan tanggungjawab semasa menjadi Ahli MMN ini.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Memastikan jentera kerajaan sentiasa bebas daripada amalan kronisme, nepotisme

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Berkenaan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai tatacara pengendalian maklumat sulit serta keperluan garis panduan dan latihan berkaitan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu berkongsi pandangan dalam kapasiti Yang Berhormat selaku Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN).

Pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat ingin memaklumkan bahawa JKDN sedia dan berbesar hati untuk menyediakan taklimat serta latihan berkaitan pengendalian dan klasifikasi maklumat sulit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya diperlukan bagi memastikan pemahaman yang jelas dan seragam mengenai skop serta had kerahsiaan yang dimaksudkan di dalam Kod Etika ini.

Yang Berhormat juga ingin menjawab kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai peruntukan kerahsiaan di dalam Kod Etika ini, yang mana Yang Berhormat ingin menegaskan bahawa peruntukan tersebut, bukanlah suatu sekatan yang tidak berasas, sebaliknya adalah suatu keperluan asasi bagi memelihara kepentingan jangka panjang kerajaan.

Ahli-ahli MMN, kata Yang Berhormat, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sering kali diberikan capaian ataupun akses kepada maklumat-maklumat sensitif dan terkelas yang melibatkan keselamatan negara dan dasar-dasar kerajaan.

Peruntukan kerahsiaan ini pada hemat Yang Berhormat, bukan saja bertujuan melindungi kepentingan kerajaan malah turut melindungi Ahli-ahli Yang Berhormat itu sendiri daripada sebarang implikasi yang tidak diingini selaras dengan peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Akta Rahsia Rasmi, Official Secrets Act.

Dalam pada itu, Yang Berhormat ingin menambah dengan mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Rang Titah Mukadimah Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Yang ke-92, pada 15 Jun 2026, dalam mana, baginda telah menegaskan kepada Menteri-menteri Kabinet baharu untuk sentiasa menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan jujur, berintegriti dan beretika dalam sama-sama memastikan jentera kerajaan sentiasa bebas daripada amalan kronisme, nepotisme atau sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan kredibiliti kerajaan.

Titah baginda ini pada pandangan Yang Berhormat amat relevan dengan usul yang sedang dibincangkan pada hari ini kerana kronisme dan juga nepotisme yang dibimbangkan oleh baginda adalah antara perkara-perkara yang cuba ditangani secara langsung menerusi mekanisme, pengisytiharan harta, pengurusan konflik kepentingan dan tatakelakuan yang terkandung di dalam Kod Etika ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, baginda juga sebelum ini turut pernah menitahkan penegasan mengenai sifar toleransi terhadap penyalahgunaan kuasa dan gejala rasuah di samping turut menyentuh kepentingan integriti, ketelusan dan akauntabiliti.

Titah-titah baginda kata Yang Berhormat lagi, secara konsisten menzahirkan penegasan bahawa budaya integriti mestilah dihayati merentasi seluruh jentera kerajaan termasuklah MMN sebagai institusi perundangan negara.

"Kaola juga ingin mengaitkan usul ini dengan komitmen antarabangsa Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah United Nations Convention Against Corruption ringkasnya UNCAC.

"Komitmen ini telah dizahirkan menerusi pencapaian signifikan NBD di dalam Corruption Perception Index ataupun CPI bagi tahun 2025 dalam mana negara telah mencatatkan pencapaian yang terbaik setakat ini iaitu kedudukan kedua tertinggi di rantau ASEAN hanya di belakang Republik Singapura," terang Yang Berhormat.

Pada hemat Yang Berhormat, penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN ini bukan saja selaras dengan komitmen negara terhadap UNCAC, malah turut menjadi testimoni kepada penghayatan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik yang telah menyumbang kepada peningkatan kedudukan negara di dalam indeks antarabangsa.

Yang Berhormat juga ingin menyentuh mengenai satu cabaran unik yang dihadapi oleh NBD sebagai sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk yang relatif kecil, iaitu kurang daripada 500,000 orang, di mana dalam sebuah masyarakat yang kecil, erat dan saling berkait rapat melalui hubungan kekeluargaan, perkahwinan serta hubungan sosial adalah suatu hakikat bahawa potensi mengelakkan sepenuhnya sebarang unsur konflik kepentingan merupakan suatu perkara yang amat mencabar, malah hampir mustahil untuk dicapai sepenuhnya.

Namun justeru itu terang Yang Berhormat, kewujudan mekanisme yang jelas seperti Kod Etika ini menjadi lebih penting lagi kerana ia bukan bertujuan untuk menafikan hakikat perhubungan tersebut tetapi untuk memastikan bahawa apa jua bentuk kepentingan yang bertentangan itu dapat dikenal pasti, diuruskan dan diselaraskan secara telus supaya ia tidak menjejaskan kepentingan negara secara keseluruhannya.

"Ini akan menunjukkan kepada dunia bahawa NBD mampu menguruskan cabaran ini secara profesional, matang dan bijaksana.

"Ini juga pada pandangan koala adalah satu lagi bukti kebijaksanaan wawasan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyarankan penggubalan Kod Etika ini," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, baginda telah melihat jauh ke hadapan akan keperluan suatu mekanisme formal bagi menangani cabaran yang timbul dari struktur sosial NBD yang unik sebelum isu-isu berkaitan menjadi lebih kompleks dan sukar untuk ditangani pada masa hadapan.

Justeru, Yang Berhormat dengan penuh keyakinan berpandangan bahawa MMN merupakan wadah yang paling wajar untuk memulakan perlaksanaan Kod Etika seumpama ini. Langkah tersebut diharapkan dapat menjadi contoh teladan dan rujukan kepada institusi-institusi lain di negara ini sama ada di sektor awam ataupun swasta dalam usaha memperkukuh serta membudayakan integriti secara menyeluruh.

Sehubungan itu, Yang Berhormat turut merakamkan sokongan padunya terhadap pindaan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin bagi merujuk draf Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN ini kepada satu jawatankuasa untuk diteliti dan diperhalusi dengan lebih mendalam.

Yang Berhormat dengan tegas menzahirkan sokongan berterusan Yang Berhormat terhadap prinsip-prinsip Kod Etika ini sebagaimana yang telah dihujahkan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II pada Khamis yang lepas dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi.

Yang Berhormat juga menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama memberikan sokongan kepada usul yang mulia ini termasuk pindaan yang dicadangkan sebentar tadi.

MEMPERKUKUH INTEGRITI, AKAUNTABILITI INSTITUSI MMN

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. – Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin semasa membincangkan Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada hari keempat Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, mengemukakan cadangan pindaan.

Yang Berhormat mencadangkan pindaan kepada usul, iaitu 'Memutuskan bahawa Kod Etika dan Tatakelakuan ini berkuat kuasa mulai 26 Safar 1448 bersamaan 10 Ogos 2026M, dan diterima pakai kepada semua Ahli MMN' dipinda kepada 'Memutuskan bahawa Draf Kod Etika dan Tatakelakuan akan dirujuk kepada satu jawatankuasa untuk meneliti, memperhalusi dan mengemukakan Kod Etika dan Tatakelakuan kepada majlis dalam tempoh enam bulan'.

Pada kesempatan itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa pindaan yang dicadangkan ini bukan bertujuan untuk menolak hasrat murni sokongan pihak kerajaan untuk memperkenalkan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN.

Sebaliknya ingin menegaskan bahawa Yang Berhormat menyokong sepenuhnya usaha memperkenalkan satu Kod Etika dan Tatakelakuan yang jelas, menyeluruh dan berwibawa bagi memperkukuhkan integriti, akauntabiliti serta keyakinan orang ramai terhadap institusi MMN.

Memandangkan Kod Etika dan Tatakelakuan ini akan menjadi dokumen asas yang menggariskan piawaian kelakuan, tanggungjawab, kewajipan dan etika ahli-ahli majlis dan mengambil kira beberapa pandangan yang baru sahaja disampaikan oleh rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, maka dengan itu Yang Berhormat berpendapat adalah baik sekiranya ia dapat diberikan penelitian yang lebih mendalam sebelum diterima pakai oleh majlis.

"Kaola berpandangan bahawa Kod Etika dan Tatakelakuan ini bukan sekadar satu dokumen pentadbiran, tetapi merupakan dokumen tadbir urus yang akan menjadi rujukan utama dalam menentukan standard kelakuan ahli-ahli majlis.

"Kaola percaya dengan sebuah jawatankuasa, ini akan mempunyai ruang dan masa yang lebih mencukupi untuk meneliti setiap peruntukan secara terperinci. Antara perkara yang boleh diberikan perhatian ialah prinsip-prinsip etika dan integriti ahli, pengisytiharan kepentingan, konflik kepentingan, kerahsiaan maklumat, tatacara aduan, mekanisme penyiasatan, tindakan disiplin serta mekanisme semakan," terang Yang Berhormat.

Selain itu, kata Yang Berhormat, jawatankuasa juga boleh mendapatkan pandangan atau penerangan tambahan daripada pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara, Biro Kawalan Narkotik dan lain-lain pihak berkepentingan bagi memastikan Kod Etika dan Tatakelakuan ini benar-benar mantap, praktikal dan sejajar dengan undang-undang negara.

Yang Berhormat juga ingin menjelaskan bahawa draf Kod Etika dan Tatakelakuan yang telah dikemukakan kepada majlis bukanlah satu dokumen yang sempurna atau muktamad, sebaliknya, ia telah disediakan dengan niat yang ikhlas sebagai satu cadangan awal bagi membantu majlis memulakan perbincangan mengenai keperluan mewujudkan satu Kod Etika dan Tatakelakuan untuk Ahli-ahli Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat mengaku bahawa draf ini mungkin disediakan berdasarkan penelitian dan kefahaman beliau terhadap amalan-amalan baik yang diamalkan di beberapa parlimen lain, oleh itu, kemungkinan terdapat aspek-aspek yang masih boleh diperbaiki, diperhalusi atau ditambah baik.

"Kaola juga mengakui bahawa penyediaan draf masih perlu banyak lebih melalui proses perundingan yang menyeluruh, termasuk dengan Ahli-ahli Yang Berhormat atau pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

"Namun, kaola amat berbesar hati pihak kerajaan telah menerima pakai draf ini sehingga menyokongnya untuk dibawakan ke dewan yang mulia ini. Terima kasih kaola ucapkan atas kepercayaan ini," ujar Yang Berhormat.

Ke arah itu, Yang Berhormat berharap draf ini dapat dijadikan sebagai satu dokumen asas atau 'working draft' untuk memudah cara perbincangan. Atas pertimbangan tersebut itulah, Yang Berhormat mencadangkan agar draf ini dirujukkan ke jawatankuasa khas mengenai Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli-ahli MMN untuk diteliti secara menyeluruh.

Ahli-ahli Yang Berhormat lain jelas Yang Berhormat, akan berpeluang meneliti setiap peruntukan dengan lebih mendalam, mengemukakan pandangan, mencadangkan penambahbaikan serta memastikan bahawa Kod Etika dan Tatakelakuan yang akhirnya dibentangkan kepada majlis benar-benar mencerminkan pandangan bersama selaras dengan perlembagaan negara, undang-undang yang berkuat kuasa serta amal tadbir yang baik.

PELITA BRUNEI

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Aktiviti perekonomian di kawasan Pantai Jerudong terus diperkembangkan

Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

"Alhamdulillah, setakat ini pelbagai kegiatan telah dilaksanakan termasuk pengoperasian gerai oleh peniaga-peniaga tempatan, Pesta Makan Tahun Pantai Siandang Kampung Jerudong yang telah menghimpunkan kumpulan-kumpulan kebudayaan serta persatuan Puak Kedayan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan penyediaan gelanggang gasing.

"Usaha seumpama inilah yang sepatutnya dilaksanakan oleh setiap MPMK. Pendekatan ini merupakan antara contoh pelaksanaan Whole of Government dan Whole of Nation di mana agensi kerajaan, pemimpin akar umbi dan masyarakat bekerjasama menghidupkan ruang awam serta menjana peluang ekonomi setempat," jelas Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Dalam hubungan ini, tambah Yang Berhormat, kawasan Pantai Jerudong juga dilihat mempunyai potensi untuk dibangunkan secara lebih bersepadu sebagai salah satu destinasi tarikan tempatan.

Kongsi Yang Berhormat, antara inisiatif yang telah diperkenalkan ialah pakej memperkenalkan lawatan cara dengan pembuatan makanan tradisi puak Kedayan termasuk sesi taklimat, demonstrasi dan lawatan ke mini muzium.

Pendekatan ini mengetengahkan bukan warisan sahaja budaya setempat tetapi turut membuka peluang pendapatan kepada pengusaha tempatan, memperkukuh produk 1K1P dan menambah nilai kepada pengalaman pelawat.

Bagi menyokong pembangunan kawasan ini, Yang Berhormat berkata usaha penambahbaikan kemudahan dan prasarana juga akan terus diberikan perhatian termasuk penyediaan meja, kerusi, ruang yang lebih selesa untuk kegunaan pengunjung. Walau bagaimanapun, penyediaan infrastruktur perlu disertakan dengan tanggungjawab bersama.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk menjaga kebersihan, keselamatan dan kemudahan yang disediakan supaya dapat digunakan secara berterusan dalam jangka masa panjang. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) akan terus menyokong pelaksanaan aktiviti memperkukuh ekonomi tempatan, mengaktifkan ruang awam dan menyumbang kepada persediaan Tahun Melawat Brunei 2027.

"Dalam hubungan ini, perbincangan antara Jabatan Daerah Brunei Muara dan Jabatan Kemajuan Pelancongan telah pun dimulakan bagi mengenal pasti peluang kerjasama dalam menyelaras perancangan yang bersesuaian supaya pembangunan Pantai Jerudong dapat dilaksanakan secara lebih teratur, mampan dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat," jelas Yang Berhormat.

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

KOD ETIKA PERKUKUH INTEGRITI, KEWIBAWAAN AHLI MMN

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

>> Muka 1

Keperibadian MMN, jelas Yang Berhormat bukan sahaja dinilai melalui hubungan institusi berkenaan dengan rakyat dan masyarakat di negara ini, bahkan turut mempunyai nilai dan imej tersendiri di peringkat serantau dan antarabangsa.

Setiap Ahli Yang Berhormat, kata Yang Berhormat, bukan sahaja membawa suara rakyat, malah secara tidak langsung membawa nama baik, imej dan kewibawaan Negara Brunei Darussalam apabila berinteraksi atau mewakili negara dalam pelbagai platform, persidangan dan pertemuan antarabangsa.

"Sehubungan itu, kewujudan Kod Etika dilihat mampu membentuk satu standard tatakelakuan yang mencerminkan kematangan, kesopanan, integriti dan profesionalisme Ahli-ahli MMN.

"Perkara tersebut juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN pada 12 Mac 2026, yang menekankan bahawa Persidangan MMN bukan sekadar pertemuan tahunan tetapi merupakan wadah strategik bagi membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi negara dan rakyat berdasarkan penelitian mendalam serta fakta yang kukuh," terang Yang Berhormat semasa membahaskan usul mengenai cadangan penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN yang dicadangkan oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lalilaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan peranan Ahli Yang Berhormat bukan sekadar menyuarakan pandangan, tetapi hendaklah dilaksanakan berlandaskan ilmu, fakta, penelitian dan rasa tanggungjawab terhadap kepentingan rakyat serta negara.

Kod Etika berkenaan juga dilihat berpotensi menjadi salah satu asas dalam membentuk 'Keperibadian MMN Brunei Darussalam' yang tersendiri, berlandaskan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB), menghormati institusi negara, mengutamakan kepentingan rakyat serta sentiasa menjunjung nama baik Negara Brunei Darussalam, ujar Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, kewibawaan sesebuah institusi bukan hanya bergantung kepada peraturan dan undang-undang yang diwujudkan tetapi turut bergantung kepada watak, sikap dan tingkah laku mereka yang menganggotainya.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, penekanan Kebawah DYMM mengenai kepentingan membina budaya kerja yang bersih, beretika, berintegriti serta mempunyai tadbir urus yang cemerlang merentasi sektor kerajaan dan swasta, termasuk usaha berterusan membanteras rasuah dan salah guna kuasa, turut dilihat mempunyai kaitan rapat dengan pembangunan ekonomi negara.

Terang Yang Berhormat, etika dan integriti bukan sekadar berkaitan akhlak individu, malah merupakan sebahagian daripada asas keyakinan sesebuah negara.

Tatakelola yang baik, ketelusan, integriti serta proses membuat keputusan yang berlandaskan fakta dan kepentingan awam diyakini dapat memperkukuh keyakinan rakyat dan sektor swasta, di samping mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi pelaburan, membuka peluang ekonomi dan pekerjaan serta menyokong kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Sehubungan itu, ujar Yang Berhormat, penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan tersebut tidak seharusnya dilihat sekadar sebagai dokumen atau garis panduan, tetapi sebagai satu komitmen bersama dalam membentuk budaya kerja, perbahasan dan perkhidmatan yang lebih matang, berintegriti serta bertanggungjawab.

"Dengan adanya prinsip dan panduan yang jelas, setiap Ahli Yang Berhormat diharap akan sentiasa memahami bahawa kebebasan bersuara datang bersama tanggungjawab, kedudukan datang bersama amanah dan kewibawaan datang bersama keperibadian.

"Perbezaan pandangan, adalah sesuatu yang wajar dalam proses perbahasan, namun hendaklah disampaikan dengan adab dan hikmah. Perbahasan di dalam dewan juga perlu menjurus kepada penghasilan idea, penyelesaian dan dasar yang membawa manfaat kepada rakyat dan negara," tekan Yang Berhormat.

Pendekatan tersebut tambah Yang Berhormat lagi, bertepatan dengan harapan Kebawah DYMM agar MMN membahaskan isu-isu strategik yang berkeutamaan serta menjadi pencetus kepada idea-idea yang bernas, pragmatik dan inovatif, di samping berganding bahu dengan Kerajaan dalam mencari penyelesaian terhadap cabaran masyarakat dan negara.

Kongsi Yang Berhormat, antara amalan yang dilihat mampu memberikan kesan positif kepada kemajuan negara termasuk berbahas berlandaskan fakta, menyampaikan teguran dengan hikmah, memelihara integriti, mengelakkan konflik kepentingan, menghormati perbezaan pandangan, menjaga kerahsiaan apabila diperlukan, tidak menyalahgunakan kedudukan serta sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan peribadi.

"Sekiranya prinsip-prinsip tersebut dapat dijadikan budaya dalam institusi MMN, ia bukan sahaja berupaya membentuk Ahli Yang Berhormat yang lebih beretika, malah turut menyumbang kepada tadbir urus yang lebih baik, dasar yang berkualiti, keyakinan ekonomi yang lebih kukuh serta pembangunan negara yang lebih mampan," jelas Yang Berhormat.

Penerapan nilai-nilai tersebut secara konsisten juga diyakini akan terus memperkukuh kedudukan MMN sebagai sebuah institusi yang dihormati rakyat, diyakini masyarakat serta disegani di peringkat serantau dan antarabangsa terang Yang Berhormat.

Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan itu juga tambah Yang Berhormat dilihat bukan sahaja relevan dengan keperluan semasa, malah merupakan satu bentuk pelaburan institusi bagi generasi Ahli MMN pada masa akan datang.

Lebih penting, usaha berkenaan diharap bukan sekadar meninggalkan sebuah dokumen Kod Etika, tetapi turut membentuk budaya yang dapat menjadi teladan dan terus diamalkan oleh generasi Ahli MMN seterusnya tegas Yang Berhormat.

"Dengan demikian, Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli-ahli MMN diharap dapat menjadi salah satu asas dalam memperkukuh 'Keperibadian MMN Brunei Darussalam' sebagai sebuah institusi yang berintegriti, beradab, profesional dan berwibawa, serta sentiasa menyumbang kepada keamanan, kestabilan, kemajuan ekonomi dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

MEMPERLUASKAN DAKWAH, PENDIDIKAN AGAMA DENGAN CABARAN ERA DIGITAL

Oleh: Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan berkata ruang digital kini menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian. Oleh itu, panduan agama yang sahih dan berautoriti juga perlu mudah dicapai, relevan dan mudah ditemukan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), tambah Yang Berhormat, melaksanakan strategi yang berfokus kepada empat perkara utama, iaitu, memperluaskan kehadiran dakwah digital; menyediakan kandungan agama yang sahih dan berautoriti; menangani penyebaran maklumat agama yang mengelirukan; serta memperkukuhkan pembinaan jati diri belia melalui program yang relevan dengan perkembangan semasa.

"Dari aspek memperluaskan kehadiran dakwah melalui platform digital, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) kini mengendalikan rangkaian dakwah merentasi sembilan platform digital utama dengan jumlah pengikut secara agregat melebihi 63,000. Platform - platform tersebut termasuk Instagram, Facebook, TikTok dan WhatsApp Channel yang digunakan bagi menyampaikan pengisian agama secara lebih mudah diakses oleh masyarakat, khususnya golongan muda.

"Di samping itu, Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam yang menyediakan kemudahan pembacaan Al-Quran secara digital telah mencatat hampir 50,000 muat turun. Manakala Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan turut memperluaskan penyebaran ilmu melalui platform akademik digitalnya," ujar Yang Berhormat bagi menjawab soalan yang diutarakan oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas iaitu memperkukuh bimbingan ugama bagi belia dalam persekitaran digital.

Tambah Yang Berhormat, dari aspek 'penyediaan kandungan ugama yang sahih dan relevan', kementerian memberi tumpuan kepada penghasilan kandungan ugama yang berautoriti dan sesuai dengan pendekatan komunikasi semasa.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah penerbitan e-Poster Infografik Khutbah Jumaat; siri video Kan Tanya Ustaz serta Podcast Da'ie Basanayan yang menyampaikan kefahaman ugama dalam format yang lebih dekat dengan golongan muda.

Kementerian juga, ujar Yang Berhormat, memperkasa keupayaan para pendakwah melalui latihan dan bengkel penghasilan kandungan dakwah digital agar mesej agama dapat disampaikan secara lebih berkesan dan sesuai dengan perkembangan teknologi.

Mengenai 'usaha menangani penyebaran maklumat agama yang tidak sahih di media sosial', selain memperbanyakkan penyediaan sumber rujukan ugama yang sahih dan mudah diakses oleh masyarakat dari platform-platform media sosial rasmi PDI, Bahagian Penguatkuasaan Ugama turut bertanggungjawab memantau dan meneliti aduan dan maklumat khusus mengenai kandungan keugamaan yang berpotensi mengelirukan atau bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah terang Yang Berhormat.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Jika tindakan diperlukan tegas Yang Berhormat, perkara itu turut ditangani bersama agensi berkaitan undang-undang dan bidang kuasa masing-masing.

>> Muka 10

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

KHEU terus perkukuhkan pematuhan terhadap pensijilan halal

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Mengenai pertanyaan 'usaha kementerian menangani permintaan terhadap pensijilan halal yang terus meningkat', Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyedari akan jumlah permintaan yang terus meningkat.

Bagi tempoh bulan Januari hingga bulan Julai 2026 sahaja, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah menerima 1,004 permohonan sijil halal untuk restoran dan permit untuk kilang produk.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan mengongsikan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin berkaitan dengan pensijilan halal, pematuhan halal dan usaha memperkukuhkan budaya pematuhan dalam kalangan pengusaha.

Pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat mengongsikan daripada jumlah itu, 614 permohonan diluluskan, 122 sedang diproses, 190 menunggu keputusan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), 23 diberikan pengecualian dan 55 tidak dapat diluluskan kerana syarat yang ditetapkan belum dipenuhi.

"Bagi menangani peningkatan permohonan ini, Kementerian memperkemaskan semakan dokumen, pemeriksaan dan pemantauan, serta menyediakan panduan mengenai bahan dan ramuan yang telah disahkan halal yang bahkan boleh diakses dalam laman sesawang kementerian.

"Selain itu, bimbingan pra-permohonan turut diperkukuh supaya pengusaha mengemukakan dokumen yang lengkap dan memenuhi keperluan sejak awal. Langkah ini Alhamdulillah, membantu mengurangkan kelewatan yang boleh dikekalkan dalam proses pertimbangan," jelas Yang Berhormat.

Berkaitan dengan itu juga, tambah Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban pada 2 Februari 2023.

Melalui projek Rakan Penyelia Halal, 30 pelajar UNISSA menjalani latihan industri di pusat penyembelihan tempatan, kilang pemprosesan makanan dan restoran bersijil halal. Mereka dimanfaatkan bagi membantu dari aspek bimbingan dan pemantauan pematuhan keperluan pensijilan halal di premis yang ditetapkan terang Yang Berhormat.

"Graduan UNISSA dan individu yang mempunyai kepakaran berkaitan boleh berperanan memberikan khidmat nasihat, bimbingan dan latihan kepada pengusaha, tertakluk kepada kelayakan, kompetensi dan skop tugas yang ditetapkan. Peranan ini adalah pada peringkat persediaan permohonan dan tidak mengambil alih fungsi kawal selia.

"Walau bagaimanapun, pemeriksaan premis, pengawalseliaan proses penyembelihan, penguatkuasaan tetap terus dilaksanakan oleh pihak berkuasa yang ditetapkan. Keputusan akhir mengenai sijil halal dan permit halal pula kekal pada MUIB, menurut perundangan yang berkuat kuasa," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, mengenai program kesedaran untuk membina budaya pematuhan kendiri dalam kalangan pengusaha makanan dan minuman termasuk bukan Islam, di bawah Pelan Strategik KHEU 2025-2029, kementerian melaksanakan beberapa program utama.

Program tersebut ialah Program Pengukuhan Penyeliaan Halal bagi Penyelia Halal; Bengkel Pematuhan Halal bagi pengusaha restoran dan kilang pemprosesan makanan, termasuk pemilik Islam dan bukan Islam; dan Program Kesedaran Mengenai Halal bagi orang awam.

Pada tahun 2025 kata Yang Berhormat, seramai 2,194 peserta mengikuti program-program tersebut. Manakala sejak Januari 2026 hingga 30 Julai 2026 seramai 1,487 telah menyertai dan sasaran penyertaan sehingga Disember ialah 2,974 peserta, iaitu peningkatan sekitar 36 peratus.

Kementerian berpandangan bahawa budaya pematuhan kendiri dapat diperkukuhkan melalui pendekatan pendidikan, kesedaran dan kefahaman yang berterusan.

Sehubungan itu, Bengkel Pematuhan Halal akan terus diperluaskan dengan kerjasama UNISSA bagi meningkatkan kesiapsiagaan pengusaha dalam memenuhi keperluan pensijilan halal jelas Yang Berhormat.

"Mengenai 'mekanisme penilaian bagi mengurangkan kes ketidakpatuhan secara berkesan', kementerian menilai pelaksanaan dan tahap pematuhan melalui beberapa indikator.

"Dua kelompok indikator yang digunakan pada masa ini ialah Indikator Pencegahan, yang merangkumi kadar liputan pemantauan dan penyertaan dalam program kesedaran serta latihan; dan Indikator Penguatkuasaan, yang merangkumi bilangan notis serta arahan pematuhan yang dikeluarkan dan jumlah kes yang disabitkan di mahkamah," kongsi Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam tempoh 2018 hingga Julai 2026, sebanyak lapan kes ketidakpatuhan serius telah disabitkan di mahkamah. Sebahagian besar kes dapat diselesaikan di peringkat notis dan arahan pematuhan tanpa perlu dibawa ke Mahkamah.

Sebagai contoh kongsi Yang Berhormat, sepanjang tahun 2025, sebanyak 720 notis amaran dan arahan pematuhan telah dikeluarkan dan 716 daripadanya dipatuhi tanpa memerlukan tindakan lanjut di mahkamah.

Manakala bagi tahun 2026 sehingga Julai, daripada 510 notis yang dikeluarkan, 509 telah dipatuhi oleh pengusaha tanpa perlu tindakan lanjut di mahkamah. Perlu diambil perhatian, jumlah notis amaran dikeluarkan adalah kepada restoran yang berlainan bukan kepada satu restoran sahaja.

"Kebanyakan kesalahan yang dikeluarkan notis ialah tidak memaklumkan penambahan bahan ramuan atau menu. Kesalahan yang dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan adalah kesalahan serius yang melibatkan penggunaan dari sumber atau kandungan bahan dari khinzir, alkohol dan daging diragui kehalalannya," ujar Yang Berhormat.

PELITA BRUNEI

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

MEMPERKUKUH TATAKELOLA MASJID YANG BERINTEGRITI, EFISIEN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melaksanakan penilaian berkala dan audit dalam yang merangkumi empat aspek utama iaitu tadbir urus kewangan, penyelenggaraan dan kebersihan, pengurusan sumber manusia serta keberkesanan program pengimarahan.

Langkah ini bertujuan memperkukuh tatakelola masjid yang berintegriti dan efisien serta memastikan fungsinya terserlah sebagai institusi pembangunan sahsiah ummah dan sinar perkembangan *siyasah* Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan mengongsikan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang dikemukakan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai penilaian prestasi dan pengukuhan tatakelola pengurusan serta pentadbiran masjid pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Bagi tadbir urus kewangan, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, pemantauan dibuat terhadap pengurusan kewangan masjid termasuk pematuhan kepada peraturan serta penyediaan penyata kewangan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Menurut Yang Berhormat, sehingga Jun 2026, sebanyak 102 daripada 108 buah masjid, surau dan balai ibadat yang mempunyai tabung masjid atau 94.4 peratus, telah menghadapkan penyata kewangan bulanan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala baki enam buah atau 5.6 peratus, adalah penyata yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan.

Yang Berhormat menegaskan, kelewatan walaupun sehari tetap dikategorikan sebagai tidak mematuhi tempoh penghantaran yang telah ditetapkan.

Ke arah itu, JHEM telah menyediakan Pelan Tindakan bagi memastikan tindakan susulan dapat dilaksanakan secara teratur termasuk mengenal pasti punca kelewatan, membuat pemantauan dan mendapatkan penyata yang masih belum diterima, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, wang dalam tabung masjid merupakan amanah para penyumbang dan masyarakat yang mesti diurus dengan penuh ketelusan dan bertanggungjawab. Sebarang penemuan yang melibatkan ketidakpatuhan diambil tindakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

Bagi penyelenggaraan dan kebersihan, kata Yang Berhormat, JHEM melaksanakan Penggredan Tandas Masjid, Surau dan Balai Ibadat setiap tiga bulan berdasarkan aspek persekitaran, penyelenggaraan, kemudahan sanitasi, papan tanda, aktiviti pembersihan dan kemudahan tambahan.

"Kaji Selidik Penilaian Kualiti Tahap Kebersihan Tandas Masjid yang dijalankan pada 2 Februari hingga 25 Mac 2026 pula menunjukkan tahap kepuasan pengguna berada pada 3.3 daripada 5.0, dan dapatan ini telah mengenal pasti beberapa masjid yang memerlukan tindakan penambahbaikan segera," kongsi Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, skor 3.3 daripada 5.0 menunjukkan tahap sederhana dan masih terdapat ruang yang jelas untuk penambahbaikan. Kementerian menjadikannya sebagai garis asas bagi tindakan pembetulan dan pengesahan susulan di masjid yang dikenal pasti.

Menyentuh mengenai pengurusan sumber manusia Yang Berhormat menjelaskan, JHEM memantau kehadiran pegawai masjid dan melaksanakan penilaian prestasi secara berterusan.

"Daripada 348 pegawai masjid di seluruh negara, kira-kira 85 peratus telah mengikuti latihan profesional dalam bidang kepimpinan, tadbir urus, pengurusan kewangan, penyampaian khutbah dan penggunaan teknologi digital dalam tempoh pelaporan tahun 2026.

"Angka ini menunjukkan liputan latihan, kompetensi dan penerapannya di tempat kerja terus dinilai melalui pemantauan prestasi," ujar Yang Berhormat. Bagi keberkesanan program pengimarahan, kata Yang Berhormat, JHEM menetapkan petunjuk prestasi bagi pelaksanaan kuliah ugama secara holistik.

"Pada Suku Tahun Kedua 2026, sebanyak 90 buah masjid telah mencapai petunjuk tersebut berbanding sasaran 70 buah masjid.

"Sebagai pelengkap output pelaksanaan, kaji selidik kepuasan jemaah pada November 2025 mencatatkan skor purata 4.17 daripada 5.0, yang memberikan petunjuk awal penerimaan positif terhadap program-program pengimarahan yang dilaksanakan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, penilaian seterusnya akan menggabungkan ukuran liputan, kualiti dan hasil supaya pencapaian tidak dinilai berdasarkan jumlah aktiviti semata-mata.

Berdasarkan penilaian yang dijalankan, jelas Yang Berhormat, KHEU sedang melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan antaranya memperkukuhkan pemantauan kebersihan berasaskan data, mempercepatkan tindakan penyelenggaraan melalui mekanisme aduan segera, memperluaskan pendigitalan pengurusan masjid serta memperkenalkan semula sistem pengiktirafan prestasi bagi masjid yang cemerlang dalam aspek pengimarahan dan kebersihan.

Melalui pendekatan ini terang Yang Berhormat, kementerian berkenaan akan terus memperkukuhkan tatakelola masjid yang berintegriti, cekap dan berkesan bagi memastikan masjid berfungsi sebagai pusat pembangunan sahsiah ummah dan institusi yang memberi impak positif kepada masyarakat.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Memperluaskan dakwah, pendidikan agama dengan cabaran era digital

Oleh: Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 9

"Sekiranya timbul isu yang memerlukan penjelasan, kementerian akan mengeluarkan penerangan rasmi melalui saluran-saluran yang berautoriti sebagai panduan kepada orang ramai.

"Sebagai contoh, beberapa hari yang lalu, kementerian telah mengeluarkan satu kenyataan media untuk mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada terhadap program keagamaan dan kerohanian yang tidak mendapat kebenaran MUIB, susulan pengesanan aktiviti oleh individu atau kumpulan tertentu yang dipercayai cuba mempengaruhi masyarakat serta menyebarkan ajaran yang meragukan atau bercanggah dengan syariat Islam dan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah," kata Yang Berhormat.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, Khutbah Jumaat turut dimanfaatkan sebagai medium penyampaian dan penjelasan terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan kefahaman agama.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan mengenai 'usaha memperkukuhkan pendidikan agama dan bimbingan belia dalam era digital', kementerian melaksanakan pelbagai program yang menggabungkan pendekatan digital dan bersemuka bagi membina sahsiah, jati diri dan nilai keagamaan dalam kalangan belia.

Antaranya ialah Program Keagamaan Senegara (PKS) yang dilaksanakan secara berkala di sekolah-sekolah Arab dan sekolah-sekolah ugama seluruh negara dengan pengisian yang menyentuh aspek akidah, akhlak, kenegaraan, kekeluargaan, pencegahan gejala sosial serta pembangunan sahsiah.

Selain itu tambah Yang Berhormat, Jabatan Pengajian Islam melaksanakan Program Husnul Khuluqi bagi golongan remaja. Manakala Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara menganjurkan pelbagai program kepimpinan, pembangunan diri, kemahiran digital, kerohanian, kesukarelawanan dan kemasyarakatan bagi menggalakkan penglibatan aktif belia dalam aktiviti masjid dan pembangunan masyarakat.

"Alhamdulillah, berdasarkan rekod sesi 2025-2026, seramai 3,102 orang belia dan beliawanis telah berdaftar di bawah Kumpulan Belia Masjid Senegara. Daripada 120 buah masjid, surau dan balai ibadat yang disenaraikan, sekitar 91 buah mempunyai keahlian belia yang aktif berdaftar.

Di mana pelbagai program telah dilaksanakan, antaranya Program IMPACT, Malam Munajat, Digital Workshop, Team Building Belia, pertandingan video dakwah, program khidmat masyarakat dan lawatan sambil belajar, yang bertujuan membentuk belia berakhlak, berkemahiran dan aktif dalam pengimarahan masjid," kata Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, pendekatan kementerian ialah memanfaatkan platform digital sebagai medium untuk mendekati dan menarik minat belia. Manakala program bersemuka terus diperkukuhkan bagi membentuk akhlak, sahsiah dan penghayatan nilai-nilai Islam secara berterusan.

Melalui pendekatan yang menyeluruh ini terang Yang Berhormat, kementerian akan terus memperluaskan dakwah dan pendidikan agama yang relevan dengan cabaran era digital, di samping memastikan masyarakat, khususnya golongan belia, memperoleh panduan agama yang sahih serta mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi pengaruh maklumat yang mengelirukan, isu moral dan cabaran sosial semasa.

"Ruang digital bersifat terbuka dan cepat berubah. Oleh itu, tumpuan kementerian ialah memastikan sumber yang sahih dan berautoriti mudah ditemukan, di samping membekalkan golongan belia dengan keupayaan menilai kewibawaan sumber, membandingkan maklumat dan mendapatkan penjelasan daripada pihak berautoriti. Namun, peranan ibu bapa dan penjaga juga adalah sangat penting.

"Pendidikan ugama secara formal sedia ada perlu diperkukuh melalui teladan, bimbingan dan amalan yang konsisten di rumah, umpamanya memimpin anak-anak mengerjakan kewajipan sembahyang fardu, menjaga adab pergaulan dan penjagaan aurat dan penggunaan ruang digital secara bertanggungjawab. Kementerian merakamkan sekali lagi penghargaan kepada kedua-dua Yang Berhormat atas soalan yang membina ini," jelas Yang Berhormat.

ANTARA yang hadir Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PELAKSANAAN WAWASAN BRUNEI 2035 PERLU SENTIASA RESPONSIF, SELARAS DENGAN KEPERLUAN

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 telah dikemas kini bagi memastikan ia terus relevan sebagai panduan yang holistik dan bersepadu dalam setiap perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta penilaian ke arah mencapai wawasan berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad memaklumkan perkara tersebut semasa menyampaikan Kenyataan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 : Memperkukuh Penyelarasan Ke Arah Pencapaian Wawasan Brunei 2035 pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Terdahulu, menurut Yang Berhormat, sejak tahun 2007, Wawasan Brunei 2035 merupakan hala tuju jangka panjang negara yang menjadi panduan kepada pembangunan negara dan pada tahun 2016, Kerangka Kerja atau Framework Wawasan Brunei 2035 diwujudkan bagi menyokong dan mengukuhkan pelaksanaan wawasan.

Kerangka Kerja tersebut, jelas Yang Berhormat, dihasratkan menjadi landasan bersama bagi memastikan setiap kementerian, agensi serta pihak-pihak berkepentingan bergerak secara bersepadu ke arah merealisasikan dan mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat, perubahan dan perkembangan di peringkat global serta dalam negara terus mempengaruhi keutamaan pembangunan negara.

"Kita berdepan dengan kemajuan teknologi, perubahan demografi, cabaran perubahan iklim, ketidaktentuan geopolitik dan geoekonomi, kemunculan peluang-peluang ekonomi baharu serta peningkatan jangkaan rakyat dan penduduk terhadap penyampaian perkhidmatan.

"Oleh itu, pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 perlu sentiasa responsif dan selaras dengan keperluan serta keutamaan semasa. Proses mengemas kini Kerangka Kerja ini tidak terhad kepada sektor kerajaan sahaja, malah turut melibatkan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Saranan, maklum balas dan cadangan yang dikemukakan turut dihargai dalam usaha mengukuhkan Kerangka Kerja tersebut," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyambut baik elemen-elemen Kerangka Kerja ini juga telah dijadikan bahan perbincangan dan perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat berkata, keperluan untuk terus memperkukuh pendekatan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 turut ditekankan, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Sesi Khas Wawasan Brunei 2035 pada 18 April 2026, di mana baginda antara lain bertitah :

"Beta ingin menegaskan bahawa penetapan KPI yang tepat sahaja tidak mencukupi. Penyelarasan adalah merupakan elemen yang kritikal kerana ia menentukan sama ada pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation benar-benar terlaksana atau kekal sebagai hasrat di atas kertas. Juga sangat penting ialah untuk memastikan setiap KPI diselaraskan sebagai satu sistem yang bersepadu dan tindakan dapat dikesan sumbangannya dalam pencapaian aspirasi negara".

Sebagai satu panduan strategik, tambah Yang Berhormat, Kerangka Kerja tersebut merangkumi tiga Matlamat yang mencerminkan aspirasi negara, berpandukan lapan Keutamaan Kebangsaan, disokong oleh 13 Hasil Pencapaian Kebangsaan dan diukur melalui 42 Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan. Kejayaan ketiga-tiga Matlamat Wawasan Brunei menjelang 2035 diukur melalui beberapa aspirasi.

"Bagi Matlamat 1, Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, kita menggunakan pengukur Global Talent Competitiveness Index atau GTCI bagi menggambarkan kualiti dan bakat modal insan negara. Sasarannya adalah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) mencapai kedudukan dalam 25 peratus teratas menjelang tahun 2035. Setakat tahun 2025, kita berada di kedudukan 32 peratus negara teratas.

"Bagi Matlamat 2, Kehidupan Rakyat yang Berkualiti Tinggi, kita menggunakan pengukur Indeks Pembangunan Manusia atau Human Development Index di bawah United Nations Development Programme atau UNDP.

"Sasarannya adalah bagi Negara Brunei Darussalam mencapai kedudukan dalam 10 negara teratas menjelang tahun 2035. Setakat tahun 2023, kita berada di kedudukan ke-60, namun secara konsisten negara kita sudah terkandung dalam Kategori Very High Human Development," kata Yang Berhormat.

Bagi Matlamat 3, Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan, tambah Yang Berhormat, negara menggunakan dua pengukur iaitu dari segi Pendapatan Per Kapita, dengan sasaran NBD mencapai kedudukan dalam 10 negara teratas menjelang tahun 2035 serta dalam bentuk kepelbagaian ekonomi dan daya saing pasaran menurut Herfindahl-Hirschman Index (HHI) di mana sasarannya adalah bagi NBD mencatat nilai HHI di bawah 1,500 menjelang tahun 2035.

Setakat tahun 2024, negara telah berada di kedudukan lapan teratas bagi dari segi Pendapatan Per Kapita, manakala, setakat tahun 2025, perkiraan skor HHI negara adalah 2,265, yang menunjukkan konsentrasi pasaran ekonomi masih di tahap yang sederhana tinggi.

Dengan mengambil kira ketiga-tiga Matlamat Wawasan yang saling berhubung dan berkait rapat antara satu sama lain, kejayaan memerlukan pendekatan Whole of Government dengan memperkukuh keberkesanan kerjasama antara kementerian dan agensi.

"Selaras jua dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena rombakan Menteri-menteri Kabinet pada 4 Jun yang lalu, titah baginda telah memberikan mandat kepada Menteri-menteri Penyelaras untuk mengeluarkan arahan yang bersesuaian bagi menyelaraskan tindakan kementerian-kementerian berkenaan dalam menangani isu-isu kepentingan negara yang bersifat *cross-cutting*," kata Yang Berhormat.

Kod Etika bantu membentuk identiti MMN

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dilihat sebagai satu langkah penting dalam memperkukuhkan integriti, disiplin, keperibadian, profesionalisme dan kewibawaan institusi berkenaan selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai berkata bahawa Kod Etika berkenaan bukan sekadar menetapkan peraturan mengenai perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan tetapi merupakan panduan dalam membentuk sikap, akhlak dan keperibadian Ahli-ahli MMN dalam melaksanakan amanah rakyat.

"Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam, baginda telah menekankan bahawa integriti tidak boleh dibiar roboh kerana apabila integriti roboh, runtuh, ia boleh membawa kepada penyelewengan rasuah dan kepentingan peribadi.

"Baginda juga menekankan kepentingan kesaksamaan dan ketelusan dalam semua tindakan. Pada hemat kaola, penekanan baginda ini amat berkait rapat dengan penggubalan Kod Etika MMN kerana integriti bukan hanya diperlukan dalam pentadbiran kerajaan tetapi juga dalam setiap institusi yang membawa amanah rakyat," kata Yang Berhormat ketika membahaskan usul penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, Kod Etika dan Tatakelakuan berkenaan hendaklah menjadi mekanisme bagi memastikan setiap Ahli Yang Berhormat sentiasa mengutamakan amanah, kejujuran, ketelusan serta kepentingan rakyat dan negara, di samping mengelakkan konflik, kepentingan serta penyalahgunaan kedudukan.

Yang Berhormat turut melihat nilai calak kebruneian seperti adab, budi bahasa, kesopanan, kebijaksanaan, amanah, rasa hormat, kesetiaan serta tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara sebagai satu perkara yang wajar diketengahkan melalui Kod Etika tersebut.

Kata Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat perlu berani menyuarakan pandangan dengan beradab dan tegas dalam pendirian, namun tetap menghormati pandangan yang berbeza serta bersikap kritikal dalam perbahasan dengan berpandukan fakta, mengutamakan kepentingan rakyat dan negara; menjaga disiplin dan integriti; serta mengelakkan konflik kepentingan.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, penggubalan Kod Etika tersebut juga dilihat sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan tadbir urus negara dan menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat berkata, sebuah institusi yang mempunyai akauntabiliti, ketelusan, disiplin dan integriti merupakan asas kepada kepercayaan rakyat serta usaha mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat turut mengingatkan, Ahli-ahli MMN bukan sahaja membawa nama diri sendiri ketika menghadiri persidangan, pertemuan atau platform di peringkat serantau dan antarabangsa, tetapi turut membawa nama Negara Brunei Darussalam, imej bangsa tempatan serta nilai-nilai MIB.

Oleh itu, kata Yang Berhormat, setiap tutur kata, tindakan dan tatakelakuan Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi cermin kepada negara.

"Kaola percaya penghayatan Kod Etika ini akan membantu membentuk identiti MMN yang tersendiri, sebuah institusi yang bukan sahaja kukuh dari segi sistem dan tatakelola tetapi juga tinggi dari segi adab, integriti, kematangan dan profesionalisme.

"Kita mahu apabila orang melihat Ahli-ahli MMN Brunei Darussalam, mereka melihat gambaran sebuah negara yang berdaulat, aman, berbudaya, beradab, menjunjung nilai Islam dan menghormati institusi beraja.

"Pada hemat kaola, amanah yang diberi kepada Ahli-ahli MMN adalah satu amanah yang besar, kita bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyuarakan pandangan tetapi juga memastikan setiap pandangan itu berfakta, berhemah dan membawa manfaat kepada rakyat dan negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan, perbezaan pandangan juga tidak seharusnya menjadi punca perpecahan, sebaliknya menjadi ruang untuk mencari penyelesaian terbaik secara matang dan komprehensif.

Mengakhiri perbahasan, Yang Berhormat menyatakan sokongan penuh terhadap penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli-ahli MMN sebagai langkah memperkukuhkan integriti, profesionalisme dan kewibawaan MMN, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, falsafah MIB dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :
www.pelitabrunei.gov.bn
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. – Upacara Penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 telah diadakan hari ini di kawasan lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Pintu Malim, Awangku Haji Muhammad Syukri bin Pengiran Haji Sulaiman.

Upacara diteruskan dengan pergerakan masuk seramai 80 anggota Pasukan Pembawa Bendera NBD yang diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB). Seterusnya, Pasukan Pengibaran Bendera Besar NBD turut bergerak masuk dengan iringan pancaragam yang sama.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan oleh Pasukan Koir Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Kemuncak upacara ialah penurunan dan penyerahan Bendera Besar NBD berukuran 3.7 meter (m) x 7.5m kepada tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80, Tahun 2026 yang terdiri daripada Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan timbalan-timbalan ketua jabatan.

Hadirin lain termasuk penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta para jemputan.

Upacara Penurunan Bendera Besar NBD berkenaan menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera peribadi bagi Pengiran-Pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran serta Bendera NBD bagi orang ramai termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80, Tahun 2026.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas). Sementara gambar kanan, kemuncak upacara ialah penurunan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam.

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, Upacara Menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

TUTONG, Sabtu 8 Ogos. - Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Tutong berlangsung di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Imam Masjid Kampung Lamunin, Awang Abd. Wafi bin Haji Awang.

Upacara tersebut diteruskan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Upacara Menurunkan Bendera NBD oleh Pasukan Polis Diraja Brunei. Upacara Penurunan Bendera NBD ini menandakan berakhirnya pengibaran bendera bagi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun

Daerah Belait

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BELAIT, Sabtu, 8 Ogos. – Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 Peringkat Daerah Belait telah berlangsung di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, petang tadi.

Hadir menyaksikan Upacara Penurunan Bendera berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Hadir sama, Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, bagi Daerah Belait; ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; wakil-wakil daripada pihak swasta serta wakil daripada persatuan-persatuan.

Upacara Penurunan Bendera dimulakan dengan Pasukan Penurunan Bendera NBD bergerak masuk, terdiri daripada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan seterusnya menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Sejurus itu, bendera yang telah berkibar dari 1 Julai 2026 diturunkan oleh Pasukan Penurunan Bendera dan kemudian diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Imam Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan Seria, Awang Mohd. Shahirwandy bin Samsudin.

Dengan penurunan bendera berkenaan menandakan bahawa selesainya pengibaran bendera di jalan-jalan raya utama, premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah di seluruh negara.

Orang ramai, khususnya penduduk di Daerah Belait hendaklah menurunkan bendera mereka serta melipatnya dengan kemas dan rapi serta menyimpannya di tempat bersesuaian dan menjaganya dengan baik. Mana-mana bendera yang telah rosak adalah dinasihatkan untuk menggantikannya.

PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir pada Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar kiri, bendera yang telah berkibar dari 1 Julai 2026 diturunkan oleh Pasukan Penurunan Bendera. Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Asri Awang Haji Abas

ANTARA yang hadir pada Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam di kawasan letak kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar.

TEMBURONG, Sabtu, 8 Ogos. - Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 Peringkat Daerah Temburong telah diadakan di kawasan letak kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, Peringkat Daerah Temburong, Ketua-ketua Cawangan Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Temburong, penghulu mukim, pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Imam Masjid Kampung Puni, Mukim Bangar, Temburong, Awang Muhammad Hafizuddin bin Awang Masri, diikuti dengan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Upacara Penurunan Bendera NBD dan penyerahan bendera tersebut kepada tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Upacara Penurunan Bendera NBD ini menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera di premis-premis kerajaan dan swasta serta rumah-rumah kediaman semua rakyat dan penduduk di NBD sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar atas kiri, Upacara Penurunan Bendera Negara Brunei Darussalam.

PEMBUKAAN 80 KALI KHATAM AL-QURAN SEMPENA PUJA USIA RAJA ISTERI

KUMPULAN Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Bacaan 80 Kali Khatam Al-Quran.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Bersempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu mengadakan Majlis Pembukaan Bacaan 80 Kali Khatam Al-Quran sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih sempena Puja Usia baginda bagi Tahun 2026, petang tadi.

Majlis tersebut berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata (Kawasan 3).

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang dipimpin oleh isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee selaku Ketua Ahli Jawatankuasa Keagamaan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan doa sebelum membaca Al-Quran serta bacaan juzuk pertama secara beramai-ramai. Bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh isteri Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar.

Majlis ini merupakan acara tahunan yang diungkayahkan oleh Kumpulan Isteri sebagai salah satu pengisian keagamaan bersempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Bersempena Sambutan Puja Usia baginda pada tahun ini, majlis tersebut diserikan dengan penyertaan 80 pelajar terpilih yang berumur antara 13 hingga 18 tahun, terdiri daripada anak-anak yatim serta pelajar penerima bantuan di bawah Skim SER yang terpilih dari SUAMPRIPAHS dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Program bacaan Al-Quran ini akan diteruskan sehingga Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat pada 6 Oktober 2026. Penyertaan pelajar-pelajar berkenaan dalam menjayakan bacaan Al-Quran 80 Kali Khatam ini adalah sebagai pesambah doa memohon agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kebahagiaan, kesejahteraan serta kekuatan untuk terus berangkat memayungi rakyat dan negara.

Bacaan doa turut dipanjatkan agar Negara Brunei Darussalam terus dilimpahi rahmat, keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping melambangkan kecintaan terhadap kalam Allah Subhanahu Wata'ala, penyertaan mereka turut mencerminkan usaha berterusan dalam menyemai nilai-nilai keagamaan serta membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kalangan generasi muda.

Penganjuran majlis ini merupakan manifestasi rasa syukur atas limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada negara yang terus menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan di bawah naungan institusi beraja.

Di samping menggalakkan masyarakat, khususnya golongan belia, untuk memperkukuh hubungan dengan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Majlis ini turut mencerminkan komitmen berterusan Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu dalam mendukung usaha memperkasakan Syiar Islam, memupuk kecintaan terhadap Al-Quran serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat melalui penghayatan nilai-nilai Islam di negara ini selaku sebuah Negara Zikir.

Pertunjukan dron, bunga api meriahkan Sambutan Hari Keputeraan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Sabtu, 8 Ogos. - Pertunjukan dron yang menghiasi langit di sekitar Jerudong Park Garden, diikuti dengan pertunjukan bunga api yang penuh warna-warni memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

PERTUNJUKAN dron yang menghiasi langit di sekitar Jerudong Park Garden, diikuti dengan pertunjukan bunga api yang penuh warna-warni (atas kiri dan kiri).

Pertunjukan tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 bagi Peringkat Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd (JPCC); Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam; Imagine Sdn. Bhd. dan Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Berlangsung dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam di Jerudong Park Garden, acara berkenaan berjaya menarik kehadiran orang ramai, termasuk keluarga dan pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat bagi sama-sama meraikan Sambutan Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun ini. Acara ini juga dimeriahkan dengan penyertaan lebih 50 gerai jualan dari pengusaha-pengusaha tempatan serta persembahan pentas.

YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan pertunjukan dron dan bunga api.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Acara sambutan berkenaan bertujuan memeriahkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda di seluruh negara, di samping menyemai semangat perpaduan, kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

JPCC dalam pada itu merakamkan penghargaan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Jawatankuasa Sambutan Perayaan bagi peringkat Daerah Brunei dan Muara, Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, Imagine Sdn. Bhd., Hengyi Industries Sdn. Bhd., Jabatan Penjara, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Balai Polis Sengkurong, Balai Bomba dan Penyelamat Jerudong, pasukan paramedik, para pengusaha gerai, penghibur, rakan-rakan strategik serta orang ramai atas sokongan, kerjasama dan penyertaan dalam menjayakan sambutan berkenaan.

HARI KELUARGA SEKAMPUNG ERATKAN SILATURAHIM, UKHUWAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KAMPUNG MENTIRI, Ahad, 9 Ogos. - Keluarga merupakan asas pembentukan masyarakat yang harmoni. Menyedari akan kepentingan tersebut, Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri mengungkayahkan Program Hari Keluarga Sekampung yang diselaraskan dengan Hari Keluarga Kebangsaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Hari Keluarga Sekampung yang berlangsung di tanah lapang, RPN Kampung Mentiri ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan isteri.

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Mohd. Nizam bin Haji Julaihi yang antara lain menggariskan, kepentingan mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan penduduk kampung serta memupuk semangat kerjasama (gotong-royong) antara generasi tua dan muda.

Di samping itu, tambahnya, bagi mengenali jiran tetangga dengan lebih dekat demi keselamatan dan keharmonian kampung.

Antara acara yang menarik ialah peraduan 'Jaguh Kampung' yang merupakan pertandingan memasak secara berpasangan. Ini bertujuan untuk memupuk dan mengeratkan silaturahim dan hubungan kekeluargaan di samping memupuk kemahiran memasak dan kepentingan pemakanan sihat.

Selain itu, pelbagai acara dan aktiviti disediakan untuk pengunjung seperti vendor jualan minum dan makanan serta Booth Sales; Perlawanan Tarik Kalat antara Ahli Jawatankuasa dan Polis Kejiranan Cawangan Muara dan Sukan Ria bagi semua peringkat umur.

Program ini dirancang untuk mengumpulkan semua lapisan penduduk kampung bgi memperkukuh institusi keluarga, mengeratkan silaturahim dan menyemarakkan semangat perpaduan (muhibah) antara jiran tetangga.

Dengan membawakan tema 'Silaturahim Terjalin, Komuniti Sejahtera', ia membawa maksud, apabila hubungan kasih sayang dan ikatan persaudaraan sesama jiran tetangga itu kuat, maka suasana kehidupan di dalam kampung akan menjadi aman, selamat dan makmur.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok dan isteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Hari Keluarga Sekampung yang berlangsung di tanah lapang, RPN Kampung Mentiri (atas dan bawah kiri).

NBD alami keadaan berjerebu

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini mengalami keadaan berjerebu. Keadaan ini adalah disebabkan oleh sejumlah titik panas akibat daripada kebakaran hutan dan lahan yang berlaku di kepulauan Borneo, dengan ditiup angin perlahan dari Barat Daya (*Southwesterly*) menuju ke NBD.

Imej satelit yang diterima daripada ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) menunjukkan sebanyak 185 titik panas pada 1 Ogos 2026 dan 371 titik panas pada 2 Ogos 2026 di Kalimantan.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan bahawa NBD pada masa ini berada dalam Monsun Barat Daya, di mana angin pada amnya bertiup dari arah Barat Daya di rantau ini.

Berdasarkan ramalan turunan hujan tinjauan bermusim bagi bulan Ogos 2026, jumlah turunan hujan bagi NBD diramalkan 'Sedikit Bawah Normal', dengan jumlah turunan hujan sekitar 20 peratus hingga 40 peratus di bawah nilai normal bulanan bagi bulan Ogos, iaitu 230mm.

DAERAH	KUALITI UDARA	PSI
Brunei Muara	SEDERHANA	52
Belait	SEDERHANA	56
Temburong	BAIK	39
Tutong	BAIK	44

Pada masa yang sama, suhu udara maksimum harian dijangka berada dalam lingkungan 34 darjah celsius hingga 36 darjah Celsius.

Bacaan kualiti udara yang dicatatkan di semua stesen pemantauan kualiti udara PM10 (Bahan Partikulat 10) di keempat-empat daerah bagi NBD adalah tinggi berbanding dengan hari-hari biasa.

Kualiti udara bagi NBD keseluruhannya adalah di tahap baik ke sederhana. Bacaan indeks pencemaran PSI yang tertinggi hari ini (Sabtu, 8 Ogos 2026) sejak pukul 9.00 pagi hingga pukul 4.00 petang, dicatatkan dalam infografik / rajah yang disediakan. Bacaan PSI kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara baik. Bacaan PSI di antara 50 dan 100 adalah sederhana.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan PSI sederhana (di antara 50 dan 100), mereka yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala bagi kanak-kanak, wanita mengandung, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung, atau mempunyai alahan kepada debu adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah.

Orang ramai yang mengalami gejala seperti batuk berpanjangan atau sesak nafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di Pusat Kesihatan terdekat.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) sentiasa terus memantau situasi dari semasa ke semasa. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai dengan kualiti udara melalui stesen-stesen radio RTB, laman sesawang dan Instagram JASTRe.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat di Talian Kecemasan 995 sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering.

Orang ramai boleh menghubungi Hotline Darussalam 123 bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan.

Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang *www.env.gov.bn* dan Instagram *@jastre.bn* manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang *www.moh.gov.bn* atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan. Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* serta mengikuti saluran rasmi di Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather*, Telegram dan WhatsApp *Brunei Weather*.

PELITA BRUNEI

PPPMB ANJUR MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok yang juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei

GADONG, Ahad, 9 Ogos. - Persekutuan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei (PPPMB) mengadakan Majlis Kesyukuran bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 yang berlangsung di Ibu Pejabat HiTUNE Group of Companies, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok yang juga selaku Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh. Turut hadir, Timbalan Presiden Sosial dan Kebajikan, Awang Haji Yahya bin Haji Damit.

Presiden PPPMB, Awang Haji Aminorashid bin Haji Ghazali, melahirkan penghargaan serta harapan agar hubungan kerjasama dan silaturahim antara para peniaga, organisasi dan masyarakat akan terus diperkukuhkan demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

Lebih 70 ahli perniagaan dan rakan kongsi menghadiri majlis berkenaan yang mencerminkan rasa syukur serta kecintaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para peniaga dan rakan kongsi.

NBD berada di Monsun Barat Daya

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada di Monsun Barat Daya, yang lazimnya akan berterusan sehingga hujung bulan September 2026.

Taufan Dolphin yang kini berada di Barat Laut Lautan Pasifik dijangka menarik kelembapan atmosfera dari rantau kita ke arah kawasan tersebut, khususnya di sekitar sistem taufan berkenaan. Oleh itu, cuaca di Borneo dijangka lebih kering berbanding minggu sebelumnya.

Pada hari ini, Sabtu, 8 Ogos 2026, terdapat tiga kawasan telah merekodkan keadaan cuaca panas melampau iaitu Anggerek Desa, Bangar dan Labi manakala terdapat lima kawasan lain yang telah merekodkan suhu cuaca panas luar biasa iaitu Bandar Seri Begawan, Lumapas, Lakiun, Benutan dan Kuala Belait.

Sejak 6 Ogos yang lalu, tiada turunan hujan yang signifikan direkodkan di Stesen Pencerapan Cuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Setakat ini, jumlah turunan hujan yang direkodkan bagi bulan Ogos 2026 adalah sebanyak 101.5mm, iaitu sekitar 56 peratus lebih rendah berbanding jumlah purata normal bagi bulan Ogos, iaitu 231.5mm.

Keadaan cuaca diramalkan panas dan sedikit berjerebu sehingga pertengahan bulan Ogos 2026 dengan aktiviti turunan hujan yang minimum berlaku terutamanya di kawasan pedalaman. Manakala, suhu maksimum harian dijangkakan berada dalam lingkungan 34 darjah celsius hingga 36 darjah celsius.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil perhatian dan seterusnya mengambil langkah-langkah berpatutan berikutan keadaan cuaca panas dan kering yang dijangka berterusan sehingga hujung minggu ini.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather*, Telegram dan WhatsApp *Brunei Weather*.

EKSESAIS PERMATA HIJAU MENGUJI TAHAP KESIAPSIAGAAN, MENYELARAS, MENGKOORDINASI OPERASI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

LATIHAN kecemasan bersepadu Eksesais Permata Hijau yang berlangsung di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) malam tadi melaksanakan satu latihan kecemasan bersepadu Eksesais Permata Hijau yang berlangsung di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), di sini.

Latihan berkenaan melibatkan kawasan jalan raya Jambatan SHOAS serta perairan Sungai Brunei di bawah jambatan berkenaan. Latihan tersebut dilaksanakan untuk menguji Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedures - SOP) setiap agensi dalam menangani insiden kecemasan di Jambatan SHOAS serta sebagai usaha berterusan bagi menguji tahap kesiapsiagaan, menyelaras, mengkoordinasi segala tindakan serta menguji kecekapan operasi dalaman JBP dan kerjasama rentas agensi dalam menghadapi situasi kecemasan sebenar.

Antara senario utama yang dilatihkan adalah kemalangan jalan raya yang melibatkan jentera berat membawa tangki minyak yang seterusnya memerlukan pengendalian insiden bahan berbahaya (HAZMAT).

Latihan berkenaan juga melibatkan unit-unit khas lain seperti Unit Penyelam (Diver Unit) dan Pasukan Special Technical Rescue Assistance (SATREA) bagi pengurusan dan respons kepada operasi kecemasan yang memerlukan kepakaran bidang tugas masing-masing.

Selain itu, aspek pengurusan mangsa ramai (*mass casualty management*) turut dilatihkan bagi menilai keupayaan penyelarasan rawatan, pengasingan serta pemindahan mangsa dalam situasi kecemasan.

Bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan operasi dijalankan dengan teratur dan berkesan, satu Table Top Exercise (TTX) telah diadakan lebih awal pada 27 Januari 2026 sebagai persediaan awal melibatkan semua agensi berkepentingan.

Latihan berkenaan melibatkan kerjasama pelbagai agensi, antaranya Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan Darat, Muara Port Authority Brunei Darussalam serta Brunei Shell Marketing.

Secara keseluruhan, kira-kira 250 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi telah terlibat dalam latihan ini.

Eksesais Permata Hijau berkenaan secara keseluruhannya telah berjalan dengan lancar,

EKSESAIS yang diadakan di Jambatan SHOAS berkenaan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

teratur dan selamat, sekali gus mencapai objektif yang ditetapkan dalam menilai keberkesanan pelan tindakan kecemasan, memperkukuh *interoperability* antara agensi, menilai struktur perintah dan kawalan semasa operasi bersepadu serta mengenal pasti jurang keupayaan bagi tujuan penambahbaikan pada masa hadapan.

Eksesais yang diadakan di Jambatan SHOAS berkenaan telah disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Azmi bin Haji Hafneh; serta pegawai-pegawai kanan daripada agensi-agensi yang terlibat.

JBP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua agensi yang terlibat serta sokongan orang ramai dalam memastikan kelancaran pelaksanaan latihan berkenaan demi mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesiapsiagaan negara.

Memperkukuh peranan masjid sebagai pusat ilmu, aktiviti kemasyarakatan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Ogos. - Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong menganjurkan Program 'Mari Imarahkan Masjid' bersempena Hari Terbuka masjid berkenaan bagi memperkenalkan fungsi masjid sebagai pusat ibadah, ilmu, dakwah dan pembangunan masyarakat, di samping menggalakkan orang ramai serta pelancong mengenali keindahan seni bina dan sejarahnya.

Acara tersebut julung kali diadakan sempena Ulang Tahun Ke-32 Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah sebagai salah sebuah mercu tanda agama, warisan dan kebudayaan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif penganjuran adalah untuk memperkenalkan sejarah serta struktur bangunan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dalam usaha mempromosikannya sebagai destinasi pelancongan Islam, selain memperkukuh peranan masjid sebagai pusat ilmu dan aktiviti kemasyarakatan.

Selain itu, ia bertujuan menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh pihak masjid serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Pelbagai pengisian disediakan sepanjang Hari Terbuka berkenaan antaranya Program Qiyamullail, Bengkel Itqaan Al-Quran, bengkel khat dan bengkel pengurusan jenazah.

Juga diadakan, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, lawatan berpandu ke lokasi-lokasi utama masjid, tayangan video mengenai sejarah dan aktiviti masjid serta pameran yang disertai oleh beberapa agensi kerajaan dan swasta.

Inisiatif tersebut turut memberi peluang kepada masyarakat dan para pelancong untuk mengenali dengan lebih dekat fungsi serta peranan masjid sebagai sebuah institusi yang menyumbang kepada pembangunan ummah, selain menampilkan keindahan dan nilai-nilai ajaran Islam.

Diharapkan penganjuran acara seumpama ini dapat menjadi platform yang berkesan dalammengimarahkan masjid, memupuk rasa cinta terhadap rumah Allah dan memperkukuh hubungan masyarakat dengan institusi masjid.

Pada masa yang sama, usaha tersebut diharap dapat mengetengahkan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sebagai salah sebuah destinasi pelancongan Islam yang unggul di negara ini.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat Hari Terbuka berkenaan (kanan dan bawah kanan).

ANTARA yang hadir mengunjung acara tersebut (kiri).

PELITA BRUNEI

MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU DALAM PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN AWAM

PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Mohd. Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohd. Kassim hadir mengetuai delegasi NBD ke sesi-sesi permesyuaratan berkenaan.

SIEM REAP, KEMBOJA, Sabtu, 8 Ogos. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai sesi permesyuaratan 23rd ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (23rd ACCSM), 8th ASEAN Plus Three Cooperation on Civil Service Matters (8th ACCSM+3) serta Forum on Good Governance yang berlangsung dari 3 hingga 5 Ogos 2026 di Siem Reap, Kemboja.

Bertemakan 'Innovation for Better Service Delivery', sesi permesyuaratan tersebut menghimpunkan Ketua-ketua Perkhidmatan Awam, pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil Negara Anggota ASEAN, Negara Campur Tiga serta Sekretariat ASEAN bagi membincangkan usaha memperkukuh kerjasama serantau dalam pembangunan Perkhidmatan Awam yang berdaya tahan, inovatif dan berpandangan jauh.

Sesi permesyuaratan dimulakan dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (Senior Officials' Meeting - SOM) bagi 23rd ACCSM dan 8th ACCSM+3 yang membincangkan pelaksanaan Pelan Kerja ACCSM dan ACCSM+3 bagi tempoh 2021-2025, penggubalan Pelan Kerja baharu bagi tempoh 2026 2030, perkembangan ASEAN Network of Public Service Training Institutes (PSTIs) serta persiapan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Perkhidmatan Awam.

Pada hari kedua, Forum on Good Governance bertemakan 'Innovation for Better Public Service Delivery' telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perkhidmatan Awam, Kemboja, Tuan Yang Terutama Hun Many.

Forum tersebut menjadi platform perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam bidang inovasi penyampaian Perkhidmatan Awam, transformasi digital sektor awam, pembangunan kapasiti serta pendekatan inovatif dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.

Mewakili NBD, Penganalisa Sistem, Kementerian Kesihatan, Awang Mohammad Eswady bin Brahim / Ibrahim telah membentangkan kertas negara bertajuk 'BruHealth : Transforming Public Healthcare Through Digital Innovation', yang mengetengahkan cabaran, pengajaran yang diperoleh (*lessons learned*), faktor kejayaan serta hala tuju pembangunan berterusan BruHealth sebagai platform digital kesihatan nasional yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kesihatan secara lebih bersepadu, mudah diakses dan berorientasikan rakyat.

Sebelum menghadiri Majlis Pembukaan Mesyuarat Ketua-ketua Perkhidmatan Awam, para ketua delegasi berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet, yang turut mengalu-alukan kehadiran para delegasi ke sesi-sesi permesyuaratan berkenaan.

Kemuncak sesi permesyuaratan ialah Mesyuarat Ketua-ketua Perkhidmatan Awam bagi 23rd ACCSM dan 8th ACCSM+3 yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Hun Many serta turut dihadiri oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn.

Mesyuarat mengesahkan Pelan Kerja ACCSM dan ACCSM+3 bagi tempoh 2026-2030 sebagai panduan pelaksanaan pelbagai inisiatif kerjasama serantau dalam memperkukuh urus tadbir, pembangunan modal insan, transformasi digital, inovasi serta penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap, inklusif dan responsif.

Mesyuarat turut mengesahkan dokumen-dokumen hasil di bawah ACCSM, termasuk ASEAN Statement on Promoting Innovation for Better Public Service Delivery yang diterajui oleh Kemboja.

Mesyuarat turut menyaksikan penyerahan Kepengerusian ACCSM daripada Kemboja kepada Republik Indonesia selaku Pengerusi ACCSM Ke-24 bagi tempoh 2026-2028, serta mengambil maklum penyerahan Convenorship of the ASEAN Network of Public Service Training Institutes (PSTIs) daripada NBD kepada Kemboja bagi tempoh 2027-2028.

Sepanjang sesi permesyuaratan, NBD turut mengongsikan kemajuan pelaksanaan program dan inisiatif yang diterajui negara di bawah Pelan Kerja ACCSM dan ACCSM+3 antaranya pengendalian Workshop on Developing Framework for Measuring Productivity in Public Sector pada 27 hingga 29 April 2026, di Bandar Seri Begawan.

NBD turut menzahirkan komitmen berterusan negara dalam memacu inovasi, memperkukuh pembangunan kapasiti serta menggalakkan perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik demi memperkukuh kerjasama serantau ke arah pembangunan perkhidmatan awam ASEAN yang lebih progresif dan berdaya tahan.

Sesi permesyuaratan diakhiri dengan Majlis Makan Malam Gala yang dianjurkan oleh Kerajaan Kemboja bagi meraikan semua delegasi yang hadir.

Hadir mengetuai delegasi NBD ke sesi-sesi permesyuaratan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Mohd. Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohd. Kassim, yang turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Jabatan Perdana Menteri.

ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM) merupakan badan sektoral di bawah ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) yang berperanan memperkukuh kerjasama dalam pembangunan Perkhidmatan Awam melalui perkongsian pengetahuan, amalan terbaik, pembangunan kapasiti serta pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

NBD telah menjadi Ahli ACCSM sejak tahun 1984 dan terus menyertai pelbagai inisiatif di bawah Pelan Kerja ACCSM sebagai sebahagian daripada komitmennya memperkukuh pembangunan Perkhidmatan Awam di peringkat serantau.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

Mempraktikkan kemahiran pengucapan umum

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Bengkel Teknik Pidato dan Pengucapan Umum bersempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 berlangsung di Bilik Kuliah, Tingkat 1, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Bengkel tersebut dikendalikan oleh Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib selaku fasilitator. Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan kepada teknik asas penyampaian pidato, penggunaan intonasi dan bahasa tubuh yang berkesan serta kaedah membina keyakinan ketika berucap di hadapan khalayak.

Selain memberikan penerangan secara teori, bengkel turut memberi peluang kepada para peserta untuk mempraktikkan kemahiran pengucapan umum melalui latihan dan aktiviti interaktif.

Pendekatan ini bertujuan membantu peserta memperbaiki gaya penyampaian, menyusun idea dengan lebih teratur serta menyampaikan mesej secara jelas dan meyakinkan.

Penganjuran bengkel ini merupakan antara pengisian Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 dalam usaha memperkasa kemahiran insaniah, komunikasi dan kepimpinan dalam kalangan warga UNISSA.

Kemahiran tersebut penting dalam melahirkan generasi graduan yang berilmu, berkeyakinan dan bersedia menyumbang kepada masyarakat serta negara selaras dengan aspirasi UNISSA untuk membentuk Khayra Ummah.

BENGKEL tersebut dikendalikan oleh Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib selaku fasilitator.

PROGRAM SUA MUKA BARIGA ISU SEMASA, DASAR KERAJAAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Sabtu, 8 Ogos. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Daerah Belait, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Perumahan Negara Lorong Tengah Seria dan Pemangku Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan I, Mukim Seria, Daerah Belait bertempat di Dewan Pejabat Daerah Belait Cawangan Seria, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini. Manakala bagi pihak Kampung Perumahan Negara Lorong Tengah Seria dan Kampung Pekan Seria diketuai oleh Awang Muhammad Syaiful Faizal bin Angas selaku Ketua Kampung Perumahan Negara Lorong Tengah Seria Kawasan I dan Pemangku Ketua Kampung Pekan Seria, Mukim Seria, Daerah Belait.

Turut hadir, Penghulu Mukim Seria, Awang Mohammad Zairul Halfi bin Talip, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan juga Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran.

TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka berkenaan.

SEKITAR Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Perumahan Negara Lorong Tengah Seria dan Pemangku Ketua Kampung Pekan Seria Kawasan I, Mukim Seria, Daerah Belait bertempat di Dewan Pejabat Daerah Belait Cawangan Seria.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Dalam ucapan balasnya, ketua kampung menyentuh mengenai kepentingan program ini sebagai wadah untuk beramah mesra, bertukar pandangan serta mendengar secara langsung isu, pandangan dan keperluan masyarakat di akar umbi.

Program juga diisikan dengan penyampaian maklumat kepada penduduk-penduduk kampung daripada Jabatan Penerangan mengenai 'Penyebaran Maklumat Palsu' yang telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Manakala, taklimat daripada Jabatan Tenaga, Huluan dan Hiliran mengenai 'Usaha Kerajaan dalam Memperkenalkan Renewable Energy / Tenaga Baharu (Solar System)' telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Dayang Nurul Hadinah binti Yahaya.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, yang antara lain berkaitan dengan prasarana, keselamatan dan kemudahan awam.

Seorang pelajar NBD sertai APEC STEM Young Researchers Forum

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Sabtu, 8 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Jabatan Pendidikan Khas telah menyelaras penyertaan seorang pelajar Tahun 13 bersama seorang pegawai pengiring bagi menghadiri APEC STEM Young Researchers Forum yang akan diadakan pada 10 hingga 15 Ogos 2026 di Pohang University of Science and Technology (POSTECH) serta Sacheon dan Tongyeong, Republik Korea.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada para delegasi ialah Ketua Perkhidmatan Psikologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Khas, Dayang Hajah Nor Amy Hamimah binti Haji Matamit dan Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pendidikan Khas, Pengiran Omar bin Pengiran Haji Salleh.

Awang Lau Wei Rong, pelajar dari Pusat Tingkatan Enam Belait, telah dipilih untuk menyertai forum berkenaan berdasarkan pemilihan yang dibuat oleh pihak penganjur melalui proses penilaian yang teliti dan kompetitif, susulan penyertaan beliau dalam The 17th APEC Mentoring Research Activity (APEC MRA) yang telah dikendalikan secara dalam talian sejak Januari 2026.

Sepanjang penyertaan ke forum tersebut, Awang Lau Wei Rong akan diiringi oleh Pegawai Pelajaran dari Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Yahuda bin Gelawat.

Forum ini bertujuan untuk melahirkan generasi penyelidik STEM APEC melalui penyediaan peluang menjalankan penyelidikan secara kolaboratif, pertukaran akademik serta pengalaman penyelidikan berasaskan makmal. Di samping itu, forum ini turut bertujuan untuk membina rangkaian kerjasama yang mampan bagi memperkukuh kerjasama saintifik dalam kalangan ekonomi APEC pada masa hadapan.

KETUA Perkhidmatan Psikologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Khas, Dayang Hajah Nor Amy Hamimah binti Haji Matamit dan Ketua Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pendidikan Khas, Pengiran Omar bin Pengiran Haji Salleh hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada para delegasi.

Semasa forum, pelajar dan pegawai pengiring akan berpeluang menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan oleh pihak penganjur, antaranya *co-research idea pitching*, *research proposal presentation and feedback* serta lawatan ke POHANG Accelerator Laboratory, Korea Aerospace Industries Ltd. (Sacheon) dan Gyeongsangnam-do Fisheries Resources Research Institute (Tongyeong).

APEC STEM Young Researchers Forum merupakan kesinambungan kepada The 17th APEC Mentoring Research Activity (The 17th APEC MRA). Forum ini dianjurkan oleh APEC Mentoring Center for the Gifted in Science (AMGS) dan ASIA Pacific Center for Theoretical Physics (APCTP) yang dihoskan oleh Ministry of Science and ICT, Republik Korea.

Forum ini dibiayai oleh Gyeongsangnam-do Province, Kyungnam University, National Research Foundation of Korea (NRF), Korea Foundation for the Advancement of Science and Creativity (KOFAC) dan Pohang University of Science and Technology (POSTECH).

Selain penyertaan delegasi Negara Brunei Darussalam yang diselaras oleh Kementerian Pendidikan, pihak penganjur turut menjemput seorang Alumni EDGE yang juga merupakan lepasan Tingkatan Enam dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, iaitu Dayang Lee Jing Jing untuk menyertai forum berkenaan. Dayang Lee Jing Jing telah memenangi anugerah teratas bagi Award for Future STEM Leader semasa 2025 APEC Youth STEM Conference.

LAWATAN MUHIBAH MRSB PERKUKUH UKHUWAH ISLAMIAH NBD-BINTULU

SERAMAI 70 ahli rombongan dari Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar menyertai lawatan muhibah ke Bintulu, Sarawak yang berlangsung selama tiga hari melalui perjalanan darat.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Ke arah usaha mengukuhkan hubungan persaudaraan Islam merentas sempadan, seramai 70 ahli rombongan dari Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar telah menyertai lawatan muhibah ke Bintulu, Sarawak yang berlangsung selama tiga hari melalui perjalanan darat.

Mengetuai rombongan berkenaan, Lt. Kolonel (B) Haji Nasir bin Haji Momin, dan Kolonel (B) Pengiran Dato Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohammad.

Rombongan turut disertai oleh Penaung-penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Program berteraskan ukhuwah, dakwah dan perkongsian komuniti berkenaan bertujuan untuk mengetengahkan ziarah ukhuwah bersama komuniti Islam di Bintulu yang menjadi wadah mempererat silaturahim, memupuk semangat persaudaraan serta mengukuhkan kerjasama antara institusi masjid di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Sarawak.

Sepanjang lawatan, rombongan berkesempatan mengukuhkan dan membina silaturahim bersama para jemaah Masjid At-Taqwa RPR Sebiew Bintulu dan Masjid Daerah Bintulu, yang diserikan dengan sesi ramah mesra, pertukaran pandangan serta perkongsian pengalaman dalam memperkasa peranan masjid sebagai pusat pembangunan ummah.

Rombongan turut mengadakan lawatan ke Wisma Bintulu, Bintulu Development Authority (BDA) bagi mendapatkan pendedahan mengenai pembangunan dan kemajuan pesat kawasan Bintulu, selain mengunjungi beberapa lokasi menarik yang mempunyai nilai sejarah, ekonomi dan pelancongan.

Lawatan muhibah seumpama berkenaan bukan sahaja memperkukuh hubungan erat antara masyarakat Islam di kedua-dua buah negara, malah menjadi platform untuk memperluaskan jaringan kerjasama dalam pelbagai bidang keagamaan, kemasyarakatan dan pembangunan komuniti.

Program berkenaan turut mencerminkan komitmen MRSB dalam menyemarakkan semangat ukhuwah Islamiah, sekali gus memperkukuh hubungan persahabatan dan persefahaman serantau demi manfaat bersama.

SMSUA perkasa budaya membaca sempena WBD 2026

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Jawatankuasa World Book Day 2026 Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Budaya membaca perlu terus diperkasa sebagai pemangkin kepada pembentukan generasi berilmu, berfikiran kritis dan berakhlak mulia dalam mendepani cabaran dunia yang semakin dinamik.

Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA), Dayang Hajah Rosiah binti Haji Gharif, menegaskan perkara berkenaan ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Sambutan World Book Day - WBD (Hari Buku Sedunia) 2026 yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Menurut Dayang Hajah Rosiah, sambutan berkenaan bukan sekadar acara tahunan, bahkan menjadi wadah penting untuk menyedarkan warga sekolah tentang besarnya peranan buku dalam membina tamadun, memperluas ilmu pengetahuan serta membentuk sahsiah dan nilai murni dalam diri setiap individu.

Tambahnya lagi, walaupun dunia kini berada dalam era digital yang berkembang pesat, buku kekal relevan sebagai khazanah ilmu yang menjadi jambatan kepada pelbagai idea baharu, memperluas perspektif serta meningkatkan keyakinan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Sehubungan itu, pengetua sekolah menyeru agar amalan membaca dijadikan sebagai satu budaya hidup dan bukan sekadar memenuhi tuntutan akademik, kerana setiap bahan bacaan mampu memperkayakan minda, mengasah kemahiran berfikir serta membentuk keperibadian yang lebih matang.

Beliau turut menekankan bahawa sekolah memainkan peranan penting dalam menyemai minat membaca melalui pelbagai program dan aktiviti yang mampu mencetuskan inspirasi kepada para pelajar untuk menjadikan membaca sebagai amalan harian dan pembelajaran sepanjang hayat.

Dalam ucapannya juga turut mengingatkan para pelajar bahawa kejayaan bukan hanya bergantung kepada kecerdasan, malah memerlukan kesungguhan untuk terus menimba ilmu.

Justeru, beliau menggalakkan pelajar menjadikan perpustakaan sebagai pusat rujukan, buku sebagai teman setia dan ilmu sebagai bekalan berharga demi menyumbang kepada kemajuan agama, bangsa dan negara.

Dayang Hajah Rosiah juga merakamkan penghargaan kepada Jabatan Seni Bahasa, Jabatan Bahasa Inggeris dan Bahagian Perpustakaan atas komitmen berterusan dalam memperkukuh budaya literasi di sekolah, sekali gus membuktikan bahawa usaha memupuk minat membaca memerlukan kerjasama semua pihak.

Mengakhiri ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada guru-guru, jawatankuasa penganjur, pustakawan sekolah, para pelajar serta semua yang terlibat dalam menjayakan Sambutan WBD 2026, sambil berharap segala usaha yang dilaksanakan akan menjadi amal kebajikan dan memberi manfaat berpanjangan kepada seluruh warga sekolah.

Acara sambutan kali ini melibatkan hampir 400 penyertaan warga SMSUA termasuk tenaga pengajar, penuntut dan kakitangan sekolah untuk menjayakan WBD 2026 menerusi pelbagai aktiviti dan acara yang diketengahkan.

Aktiviti-aktiviti yang memeriahkan WBD 2026 antaranya Drama Sketsa Keselamatan Jalan Raya : Salah Siapa? oleh penuntut Tahun 9; Deklamasi Puisi : 'Daulat Kata Indah' daripada Awang Md. Aisy Afham (105c1); Deklamasi Sajak Berkumpulan : 'Baca Buku Baca' oleh penuntut Tahun 7; Persembahan Sajak : 'Mimpi' oleh Awang Arsyad Al-Hakim bin Othman (Tahun 8 Barakah); kuiz Hari Buku Sedunia; Best Book Character Costume bagi semua penuntut dan warga SMSUA dan pelbagai acara lain lagi.

SEKITAR Sambutan World Book Day-WBD (Hari Buku Sedunia) 2026 yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan, baru-baru ini.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 046 / 2026

Tajuk:
Provision Of Manpower Services For Project Section Department Of Electrical Services For A Duration Of Twenty Four (24) Months (Retendered)

Tarikh Tutup:
1 September 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Tender Fee:
BN100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Manpower agencies registered with Brunei Labour Department or ROCBN or Consultant companies registered BAPEQ

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 036 / 2026

Tajuk:
General Cleaning And Grass Cutting Of 66KV Substations, Open Yard Stores And Transitions Statewide Over A Period of 36 Months

Tarikh Tutup:
1 September 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Tender Fee:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 3, 4 atau 5 dan mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Sebut Harga :
(10) NDMC / TSH / 2026 - 2027

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Penyewaan, Penghantaran, Pemasangan Dan Pengawalan Sistem Visual Pentas Dan Suara Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 02/2026

Bilangan Sebut Harga:
(11) NDMC / TSH / 2026 - 2027

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Penyewaan, Penghantaran Dan Pemasangan Sistem TV Conference Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 02/2026

Bilangan Sebut Harga:
(12) NDMC / TSH / 2026 - 2027

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Jamuan Bagi Latihan Bencana Kebangsaan Siri 2/2026

Yuran :
Percuma

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPt / TAW / 11 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Temburong Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 15 September 2026.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
049 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025 (RE-QUOTATION)
Supply And Delivery Of Desktop Computers For DHCP Deployment At Schools Under The Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 26 Ogos 2026
2.00 Petang

Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
043 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2026
Supply Of Turnitin Subscription Service For Lecturers And Students At Kolej University Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 26 Ogos 2026
2.00 Petang

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Perkhidmatan Bagi Mencetak, Membekal Dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan Bagi Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tempoh Selama Sepuluh (10) Bulan

Bilangan Sebut Harga:
JMM / JKSH / 2026 / Q&T / 13

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 Ogos 2026

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan : 03 / 2026
Tawaran Untuk Memajukan Tapak Bagi Pusat Pengumpulan Dan Pengedaran Hasil Pertanian Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Mulaut, Daerah Brunei dan Muara

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa tapak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) seperti berikut :

Keterangan Tapak:
Lot K, Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Mulaut Daerah Brunei dan Muara

Keluasan:
2.67 hektar

Syarat:
Pusat pengumpulan dan pengedaran hasil pertanian

Tempoh Iklan:
4 minggu

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(74) INFO / PK / 7 / (2026-2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penggantian Tayar Baharu Bagi Tiga (3) Kenderaan BG Jabatan Penerangan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(75) INFO / PK / 7 / (2026-2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan BG 9638 Nissan X-Trail, Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(76) INFO / PK / 7 / (2026-2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penaiktarafan Ruang Lobi; Drive Thru Pelita Brunei; Dan Ruang Kaunter Sekuriti Serta PABX, Bangunan Asal Jabatan Penerangan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(77) INFO / PK / 7 / (2026-2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Fire Alarm System Fasa II, Jabatan Penerangan.

Yuran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis, 13 Ogos 2026,
Jam 8.00 Pagi

Tarikh Mula Iklan :
Isnin, 10 Ogos 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Isnin, 7 September 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Isnin, 5 Oktober 2026
sebelum jam 3.00 petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tawaran Bilangan:
JDBM / Q / 30 / 2026

Tawaran
Kerja-Kerja Membaik Pulih Flat F15 Dan F30 (Fasa II), Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa,
18 Ogos 2026

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Sebut Harga Bagi :

Membekal Dan Menghantar Peralatan Lampu Dan Perkakas Elektrik
(JBP / TSH / 06 / 2026-2027)

Supply And Delivery Of Door Handle Lockset And Window Lever Handle Lock Left And Right Side
(JBP / TSH / 07 / 2026-2027)

Membekal Dan Menghantar Barang-Barang Pembersih
(JBP / TSH / 08 / 2026-2027)

Membekal Dan Menghantar Alat-Alat Tulis
(JBP / TSH / 09 / 2026-2027)

Membekal Dan Menghantar Bahan Percetakan
(JBP / TSH / 10 / 2026-2027)

Membekal, Memotong Dan Menjahit Pakaian Seragam Bomba
(JBP / TSH / 11 / 2026-2027)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
13 Ogos 2026, (1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Pengambilan Pekerja Sementara Sebagai Pereka Bentuk Bandar

Rakyat dan Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dipelawa untuk memohon jawatan sebagai
PEKERJA SEMENTARA PEREKA BENTUK BANDAR
bagi projek Penyediaan Skim Perancangan di Negara Brunei Darussalam.

Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan:

https://www.jpbd.gov.bn/iklan-iklan-3/?et_fb=1&PageSpeed=off

Borang permohonan berserta lampiran hendaklah dihantar melalui e-mel kepada *komiti.pelan@tcp.gov.bn* tidak lewat
13 Ogos 2026
(Khamis).

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
20 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pencetakan Buku-Buku Terbitan Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup :
Khamis, 13 Ogos 2026

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ012
Quotation For The Supply & Delivery Of Video Conferencing Sets For The Ministry Of Foreign Affairs

Tarikh Tutup :
Rabu, 12 Ogos 2026

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
23 / AUG / 2026 / KKBS / PJK / 16.14

Tajuk Sebut Harga:
Upgrading Work To Existing Lighting At Dewan Digadong, Ministry Of Culture, Youth And Sport Building, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Khamis,
27 Ogos 2026

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 24 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Sistem Hawa Dingin Di Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah (PAPHMWHB) Dan Pusat Dialisis Rimba Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa
11 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Jawatan-Jawatan Kosong Di Islamic University Of Technology, Dhaka, People's Republic Of Bangladesh

Jawatan Kosong:
Associate Professor
Department of Electrical and Electronic Engineering (EEE)

Kekosongan:
1

Jawatan Kosong:
Associate Professor
Department of Mechanical and Production Engineering (MPE)

Kekosongan:
1

Tarikh Tutup:
6 September 2026

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan terus permohonan melalui pautan *(link)* yang disediakan oleh pihak IUT:
https://www.iutoic-dhaka.edu/circular

KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga :
KEPI / LTK / BTI / 01 / 2026 - 2027

Tajuk Sebut Harga:
The Supply And Delivery Of Desktop PC And Laptop For The Ministry Of Economy, Trade And Industry

Tarikh Tutup Sebut Harga :
1 September 2026, Selasa
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 03 / 2026 - 2027

Keterangan:
Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Teks Pelajaran Umum Persekolahan Arab, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2027, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1448H-1449H / 2026M-2027M

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 27 Safar 1448H / 11 Ogos 2026M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 69 / 2026
1.) Clarithromycin 250mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 55 x 1,000's
2.) Milrinone 1mg/ml injection - Qty: 4 x 10's

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 70 / 2026
1) Flucytisine 500mg oral solid preparation preferably tablet - Qty: 10 x 100's

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 71 / 2026
1.) Febuxostat 80mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 350 x 30's
2.) Carbachol 0.01% intraocular solution - Qty: 70 x 12's

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
PPS / QTN / 72 / 2026
1.) Inclisiran 284mg/1.5ml solution for injection in prefilled syringe [for 2-3 deliveries]
- Qty: 8 prefilled syringe
2.) An aqueous base suspending agent as ORA-PLUS or its equivalent - Qty: 80 x 473ml

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
21 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Thirty (30) Units Timer For Resuscitation Trolley At Health Centres, Department Of Health Services

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
20 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Medical Equipment For Resuscitation Trolley At Health Centres, Department Of Health Services
Item 1: Eighty-Four (84) Units Bag Valve Mask (Ambu Bag Size: 1)
Item 2: Eighty-Four (84) Units Bag Valve Mask (Ambu Bag Size: 3)
Item 3: Ninety-Six (96) Units Bag Valve Mask (Ambu Bag Size: 4)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(83) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Remove Existing Tiles, Supply And Install New External Floor Tiles At National Isolation Centre

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(84) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Replacement Of Existing Vav Boxes And Diffusers At Audiology / ORL And Podiatric Clinic, 2nd Floor, PMMPMHAMB Hospital Tutong, Ministry Of Health

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(85) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Supply And Install Of Water Filter System For PMMPMHAMB Hospital Tutong And Cleaning Of Water Filter At National Isolation Centre

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
22 / QTN / JPK / 2026
1.) Supply And Delivery Of Single Use Oxygen Non Rebreather Mask For Health Centres, Department Of Health Services
2.) Item 1: One Thousand And One Hundred (1,100) Pieces Single Use Peadiatric Oxygen Non Rebreather Mask (Size; S)
3.) Item 2: One Thousand And One Hundred (1,100) Pieces Single Use Peadiatric Oxygen Non Rebreather Mask (Size; M)
4.) Item 3: One Thousand And Four Hundred (1,400) Pieces Single Use Oxygen Non Rebreather Mask (Size; L)
5.) Item 4: One Thousand And Four Hundred (1,400) Pieces Single Use Oxygen Non Rebreather Mask (Size; XL)

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(86) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Upgrading Of Passenger Lift No. 1 At Department Of Scientific Services Ministry Of Health

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
BME / A2K / (1710) / 2026 / H1TD (B4)
To Service And Repair One (1) Unit Of HAAG Streit Laser Biometer (Bme18817) At Eye Clinic, RIPAS Hospital, Ministry Of Health

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(27) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / PAEDIATRIC
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Paediatric Department (NICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(26) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OCCUPATIONAL THERAPHY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Wrist & Hand Continous Passive Motion Device For Occupational Theraphy Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(25) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OCCUPATIONAL THERAPHY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Recumbent Exercise Bike For Occupational Theraphy Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(24) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OCCUPATIONAL THERAPHY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Medical Treadmil Machine For Occupational Theraphy Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(23) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSSD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Ultrasonic Cleaner For CSSD, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(22) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSSD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Drying Cabinet For CSSD, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
(21) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / DERMATOLOGY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Hand & Feet Phototheraphy Machine For Dematology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26-27 (11)
Design, Supply, Installation And Maintenance Of Outdoor Billboards For Health Promotion Centre (HPC) Fruits And Vegetables Campaign
At Four Site:
1. Pusar Ulak
2. Traffic Light Kumbang Pasang / Riverside
3. One City Traffic Light Junction
4. Traffic Light

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 26-27 (13)
To Supply And Deliver Printing Services For Healthy Eating For Health Promotion Centre, Ministry Of Health - Clustering

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu
15 Ogos 2026,
jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

MOE / LTK / 27 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Datu Ratna Hj Muhd Jaafar, Kiarong, Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 18
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 28 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Pangkalan Tentera Laut, Serasa, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 61
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 29 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS -2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun
Sekolah Rendah Sungai Siamas
Sekolah Rendah Bendahara Lama
Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / ST1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 30 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Mentiri
2. Sekolah Rendah Tanjong Kindana
Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST4
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 31 / 2026 / 2027 [DA (BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan
Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Kg Perpindahan Mentiri Daerah Brunei Muara. Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 32 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
2. Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Mohd Yusof, Lorong 3 Seria,Daerah Belait Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST7
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 33 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan
Sekolah Rendah Panaga, Daerah Belait. Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST8
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 34 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Panchor Murai
2. Sekolah Rendah Panglima Barudin, Limau Manis
3. Sekolah Rendah Putat Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST10
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 35 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan Sekolah Menengah Awang Semaun Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 36 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan Sekolah Menengah Sultan Hassan Daerah Temburong Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S2
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 37 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan Sekolah Menengah Tanjong Maya Daerah Tutong Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Sebut Harga:
(87) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

Keterangan:
Cadangan Pengubahsuaian Unit 3.04 East Wing Block 2G OSP Bagi Disaster Health Management Unit (DHMU) Dan Infection Prevention Control Unit (IPCU) Kementerian Kesihatan

2. Bilangan Sebut Harga:
340 / CPC / 2026 / IKLAN / LAB

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Automated Blood Collection Monitor And Mixer For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

3. Bilangan Sebut Harga:
338 / CPC / 2026 / IKLAN / LAB

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Incubator For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

4. Bilangan Sebut Harga:
337 / CPC / 2026 / IKLAN / LAB

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Ultrapure Water System For Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

5. Bilangan Sebut Harga:
(88) PSD / QTN / 2026 – (JKPPP)

Keterangan:
Pembekalan Perabot, Peralatan Pejabat Dan Elektronik Bagi Kegunaan Kursus-Kursus Di Pusat Resusitasi Kebangsaan (Non-Clustering)

6. Bilangan Sebut Harga:
(08) PPN / QTN / 2026 (BME)

Keterangan:
Supply And Delivery Dental Slowspeed Handpiece, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

7. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 73 / 2026

Keterangan:
1/ Rivastigmine 4.6mg/24-hour Transdermal Patch
Qty: 200 x 30's

2/ Prednisolone 1mg Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet
Qty: 15 x 1,000's

8. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 74 / 2026

Keterangan:
1/ Clindamycin 150mg Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet
Qty: 55 x 500's

2/ Testosterone Undecanoate 40mg Capsule As Andriol Testocaps Or Its Equivalent
Qty: 90 x 30's

9. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 75 / 2026

Keterangan:
1/ Clotrimazole solution 1%
Qty: 6,500 x 10ml

2/ Estradiol 1mg and Norethisterone Acetate 0.5mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet as Kliovance or Equivalent
Qty: 80 x 100's

10. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 76 / 2026

Keterangan:
1/ Prednisolone 20mg Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet
Qty: 120 x 1,000's

2/ Sodium Valporate Modified Release 200mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet as Epilim Chrono or Its Equivalent
Qty: 100 x 100's

11. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 77 / 2026

Keterangan:
1/ Digoxin 0.25mg/ml injection
Qty: 120 x 5's

2/ Minoxidil topical solution 3%
Qty: 150 x 60ml

12. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 78 / 2026

Keterangan:
1/ Fludrocortisone acetate 100mcg Oral Solid Preparation Preferably Score Tablet
Qty: 200 x 100's

2/ Valsartan 160mg Oral Solid Preparation Preferably Scored Tablet
Qty: 500 x 30's

13. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 79 / 2026

Keterangan:
1/ Hydrogen Peroxide solution 6%
Qty: 1,000 x 500ml

2/ Alfacalcidol 1mcg Oral Solid Preparation Preferably Tablet
Qty: 40 x 100's

14. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 80 / 2026

Keterangan:
1/ Cinnarizine 25mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet
Qty: 100 x 1,000's

2/ Metyrapone 250mg Oral Solid Preparation Preferably Tablet
Qty: 20 x 50's

15. Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 81 / 2026

Keterangan:
1/ Risankizumab 600mg/10ml Concentrate For Solution For Infusion Vials [For 2 Deliveries]
Qty: 6 vials

2/ Prednisolone 2.5mg Enteric Coated Oral Solid Preparation Preferably Tablet
Qty: 20 x 28's

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
22 Ogos 2026, Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
18 Ogos 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
1 September 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 024 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Pemeliharaan Bekalan Air Di Labi Dan Pedalaman Selama 3 Tahun.

No. Projek :
2026ADKB/2106/002-002-004

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
18 Ogos, 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
1 September, 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 023 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Pemeliharaan Bekalan Air Bagi Kawasan Seria Selama 3 Tahun.

No. Projek :
2026ADKB/2106/002-002-003

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV & V

Kategori :
B01, KA01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 16 / CQS / 2026-T / V

Nama Projek:
Retrofitting Of The Public Works Department Headquaters With Green Initiatives – Double Glazed Window Works

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
11 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 September 2026,
Tidak lewat jam
2.00 Petang

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPH / 001 / SH / 2573 / 2026 - 2027
Membekalkan Pelan Insurans / Takaful Berkelompok Bagi Pegawai Dan Kakitangan

Bahagian Industri Perkayuan, Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Hutan, Pusat Nadi Borneo Dan Seksyen Pemulihan Hutan Dan Perubahan Iklim, Jabatan Perhutanan

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
[Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Untuk Membeli Dokumen Sebut Harga :
Khamis
13 Ogos 2026
9.00 Pagi

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2026 / 09 Provision Of Pest And Wildlife Control Services For The Department Of Councils Of State Brunei Darussalam For A Period Of (12 Months)

Yuran Tawaran: Percuma

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN peserta pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diadakan di Dewan Munawwarah, Setia Point, Berakas. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBILANGAN penuntut-penuntut sekolah yang turut serta pada Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 yang diadakan di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.

PARA pelajar Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD) kelihatan begitu tekun semasa mengikuti Pertandingan Kuiz 'Muraja'ah Quest : Digital Quiz Challenge'. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SALAH satu persembahan tarian semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

PARA peserta yang menyertai The Huntr Challenge bersempena Brunei Fitness Festival 2026 yang diadakan di Dewan BRIDEX 2, Jerudong. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

AKSI peserta pada Kejohanan Taekwondo Brunei Darussalam Piala Duta Korea Kali Ke-6 yang berlangsung selama tiga hari di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

سرواه سوچي

مميليهارا کسوچين أية-أية القرآن: تڠݢوڠجواب ستياڤ مسلم

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠکتکن کإيمانن کڤدڽ. سسوڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن کيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ، براوله کجيأن دان کسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الواقعة أية ٧٧-٧٨:

سسوڠݢوهڽ (اڤ يڠ دتورونکن کڤد نبي محمد صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) ايت اياله القرآن يڠ موليا. ددالم کتاب يڠ ترسيمڤن دڠن بايك (لوح محفوظ).

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسوڠݢوهڽ ساله ساتو نعمة يڠ تيدق ترنيلاي اياله الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ تقديرکن کيت هيدوڤ منجادي أومة نبي محمد صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أومة يڠ ترباي مڠاتسي أومة-أومة تردهولو کران دتورونکن کتاب سوچي القرآن. ملالوءي القرآن إينله کيت منداڤت سومبر کمولياٴن يڠ مڠاڠکت کدودوقن دان ممرتابتکن کهيدوڤن کيت.

القرآن اياله کَلَامُ الله يڠ ساڠت موليا. إي بوکن سقدر توليسن اونتوق دباچ اتاو هياسن اونتوق دڤاميرکن، بهکن مروڤاکن وحيو إلهي يڠ منجادي ڤتونجوق هيدوڤ مأنسي اݢر سنتياس برادا دباوه رحمة دان کريضأنڽ. اوليه ايت، منجادي کواجيڤن کيت ستياڤ أية القرآن واجب دحرمتي، دمولياکن دان دڤليهارا کسوچيأنڽ درڤد سبارڠ بنتوق ڤنچمران. مڠحرمتي القرآن تيدق هاڽ ترباتس منچاڤاي اداب سوقتو ممباچڽ، اي منونتوت ڤنچاڬأن يڠ راڤي مليڤوتي تاتاچارا ميمڤن، ڤروسيس منچيتق، قاعده ممڤاميرکن ماهوڤون دالم حال مڠݢوناکن أية-أية سوچي ترسبوت. إيڠتله اڤ جوا بنتوق ڤڠݢوناٴن أية القرآن هندقله سلارس دڠن تونتوتن شريعة. کيت دتونتوت اونتوق بروسڤادا اݢر تيدق منددهکن کليمة-کليمة سوچي اين کڤد ڤربواتن يڠ مرنده-رندهکن، اتو ملتقکنڽ دالم کأدأن يڠ بوله مڠهيلڠکن راس حورمت ترهادڤ کسوچيانڽ، اتو منچتوسکن کأدأن يڠ بوليه منجحسکن کمولياٴنڽ. انتارا چونتوه ڤات دالم مسأله اين اياله ڤنوليسن أية-أية القرآن اتاو ذِکِر اتاو دعاء-دعاء يڠ مڠندوڠي نام-نام يڠ دأݢوڠکن ڤد کاين کاڤن. تيندقن سدميکيان سبنرڽ منددهکن کليمة-کليمة سوچي ترسبوت کڤد ريسيکو ڤنچمرن کحرمتنڽ، سڤرتي ترکنا صَدِيد يأيت چاير ناته برچمڤور داره درڤد توبوه جنازه يڠ دکاڤنکن. منددهکن اڤ يڠ واجب دمولياکن دان دحرمتي کڤد ڤرکارا-ڤرکارا يڠ بوليه منچمرکن کمولياٴن دان مرندهکن کحرمتنڽ اداله حرام حکومڽ دسيسي شرع.

جماعه يڠ درحمتي الله،

إيڠتله بهوا لاراڠن اين بوکنله سواتو ڤرکارا يڠ دريکا-ريکا، ملاينکن اي اداله کتتڤن يڠ تله دکاريسکن اوله ڤارا علماء مُعْتَبر. ددالم کتاب حَاشِيَتاً: القَلْيُوبِي وَعُمَيْرَة اد دسبوتکن يڠ مقصودڽ: "ڤارا علماء تله سڤاکت برکات: بهوا حرام حکومڽ منوليسکن سسواتو دري أية القرآن اتاو نام يڠ دأݢوڠکن ڤد سسواتو أوبجيك يڠ برکايتن دڠن مَايِتْ کران اي اکن منددهکن کليمة سوچي برکنأن کڤد نجيس عقيبة ترکنا صَدِيد يأيت چاير ناته برچمڤور داره درڤد توبوه جنازه." ماله ڤنکسن حکوم يڠ سام توروت دسبوتکن ددالم کتاب فقه يڠ مشهور يأيت فَتْحُ المعِين يڠ مڽاتاکن بهوا حرام منوليسکن سسواتو دري أية القرآن دان نام-نام الله تعالى ڤد کاين کاڤن.

بکيتو جوݢ ڤرسوألن تنتڠ أية، دعاء اتاو ذِکِر يڠ دتوليسکن ڤد کاين ڤنوتوڤ کرندا، تيدق بايك بربيذا دڠن ڤرسوألن ڤنوليسنڽ ڤد کاين کاڤن. ولوڤون توجوان ڤنوليسن اداله بايك، يأيت اونتوق تَبَرُّك، نامون لاراڠنڽ تتڤ سروڤا. حال اين کران کاين ڤنوتوڤ کرندا يڠ برتوليس ڤدڽ اية-اية سوچي القرآن اتو نام-نام يڠ دأݢوڠکن دجاديکن ڤنوتوڤ کرندا کران توجوان مڠمبيل برکة ايت أمت موده تردده کڤد ڤنچمرن کوتورن دان کرڤ کالي دسنتوه اوله مريك يڠ تيدق مماوياي وضوء. ملك سوده تنتو، توجوان اونتوق مڠمبيل برکة ايت تيدق اکن ترچاڤاي سام سکالي، لبيه-لبيه لاݢي تيدق اد سوروهن منوليسکنڽ يڠ جلس دري شرع اونتوق منوليس کليمة-کليمة برکنأن ڤد أوبجيك سدميکيان. إيڠتله، توجوان تَبَرُّك هاڽ اکن ترچاڤاي جك تيدق تيمبول اڤ-اڤ ڤرکارا يڠ بوليه ممبطلکن توجوان ايت، چونتوهڽ ممباوا أية-أية القرآن دالم ساکو باجو دڠن توجوان تبرك، تتاڤي توجوان تبرك اين تيدق اکن ترچاڤاي اڤبيل کاين ترسبوت تردده کڤد ڤنچمرن کحرمتنڽ ، سڤرتي اورڠ يڠ مماکاي باجو ايت دالم کأدأن برحدث بسر اتاو ممباواڽ کتمڤت-تمڤت برنجيس.

ملك جلسله کڤد کيت بهوا ڤنوليسن أية-أية القرآن دکاين اتاو أوبجيك يڠ دجاديکن ڤنوتوڤ کرندا، مماوياي حکوم يڠ سام دڠن ڤنوليسن دعاء-دعاء ترسبوت ڤد کاين کاڤن، يأيت دري سودوت کترددهنڽ کڤد کوتورن دان تيدق ادڽ نَصْ شرع يڠ صَرِيح يڠ ميوروه منوليسکنڽ. سسوڠݢوهڽ مڠحرمتي أية-أية القرآن اداله واجب. حرام ملتقکنڽ ڤد تمڤت يڠ کوتور اتاو نجيس اتاو يڠ تردده کڤد کوتورن اتاو نجيس، اتاو ڤد تمڤت يڠ هينا اتاو تردده کڤد ڤڠهينأن، سڤرتي ممباواڽ کتنديس موسوه يڠ دخواطيري اکن ميبابکن منداڤت ڤڠهينأن، حرام منچوالڽ کڤد اورڠ يڠ بوکن إسلام دان ميتوهڽ تنڤا اد وضوء.

فرمان الله سُبْحَانَهُۥ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الواقعة أية ٧٩:

يڠ تيدق دسنتوه ملاينکن اوليه همبا-همبا يڠ تله برسوچي.

اوليه يڠ دمکين، سبارڠ بنتوق ڤنوليسنڽ ڤد کاين يڠ سنتياس تردده کڤد ڤڠابايين دان کڤد سنتوهن اورڠ عوام ايت اداله لبيه بايك إياڽ دتياداکن دمي منجاݢ کحرمتنڽ. اين ترماسوق جوݢ ترينڤ ممڤاميرکن ڤلکت أية-أية القرآن، ذِکِر اتاو دعاء أومڤامڽ ڤد بهاݢين اتاو سودوت کندرأن يڠ تيدق سڤاتوتڽ. عملن يڠ کرڤ کيت سقسيکن ڤد هاري اين سبنرڽ أمت دبيمبڠي بوليه مڠهيريت کَلَامُ الله کڤد مرندهکن کحورمتن دان ڤڠابايين اداب سڤرتي ترکنا نجيس بوروڠ اتو ڤلکت يڠ روسق ميبابکن مقصود أصل أية القرآن منجادي ترکتتوڠ اتو ساله.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سام-سامله کيت مميليهارا کسوچين القرآن دالم ستياڤ أسڤيك کهيدوڤن. ديديقله أهل کلوارݢ کيت سوڤاي ممهمي اداب ترهادڤ القرآن سجق کچيل. جك کيت بنر-بنر منچينتاي القرآن، ملك کيت اکن سنتياس منجاݢ کمولياٴنڽ درڤد سبارڠ بنتوق ڤڽالهݢوناٴن اتاو ڤڠهينأن، سام اد دسڠهاجاکن اتوڤون تيدق. سکيراڽ کيت مميليکي کاين، سڤندوق، بيڠکاي اتاو باهن لاين يڠ مڠندوڠي أية-أية القرآن، هندقله دڤستيکن ڤڠݢوناٴنڽ تيدق منجحسکن کسوچيان کَلَامُ الله. جك سوده روسق اتاو تيدق لاݢي دݢوناکن، أوروسکنله ڤلوڤوسنڽ مڠيکوت تاتا چارا يڠ تله دتتڤکن اوليه ڤيهق برکواس أݢام. ماريله کيت سام- سام منجاديکن القرآن سباݢاي ڤندوان هيدوڤ، ممباچڽ ستياڤ هاري، منتدبر معناڽ سرتا مڠعملکن سکلا اجرنڽ.

سسوڠݢوهڽ القرآن اين ممبري ڤتونجوق (کجالن) يڠ لبيه لوروس دان ميمڤايکن خبر ݢمبيرا کڤد اورڠ-اورڠ برإيمان يڠ مڠرجاکن عملن- عملن صالح بهاوا سسوڠݢوهڽ باݢي مريك ڤهلا يڠ بسر.

{ سورة الإسراء أية: ٩ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.

تامن هربا بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه

Oleh : Amalina Junggal dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

ڤركاتاءن 'هربا' براصل درڤد بهاس لاتين herba يڠ برمقصود رومڤوت اتاو تومبوهن. ڤركاتاءن اين كمودينث دسرف كدالم بهاس ايڠكريس سباكاي herb، سبلوم ماسوق كدالم بهاس ملايو دڠن معنا يڠ لبيه خصوس، ياءيت تومبوهن يڠ دكوناكن اونتوق توجوان ڤراوبتن، ماسقن اتاو اروماتيك.

هربا اتاو تومبوه-تومبوهن باڤق دسبوت دالم القرءان، حديث رسول الله ﷺ دان رواية ڤارا صحابة. دالم القرءان، تومبوه-تومبوهن دسبوت لبيه درڤد ١٠٠ كالي، مرڠكومي بيجي-بيجين، بواه-بواهن، ڤڤوهون دان ڤلباكاي تانمن لاءين سڤرتي كورما، هليا، زيتون، دليما دان بيدارا. سبوتن ترسبوت مڠكمبركن تومبوه-تومبوهن سباكاي تندا كبسرن الله ﷻ، سومبر رزقي سرتا منفعت دالم كهيدوڤن ترماسوق كصيحتن. ماله، كدودوقن تومبوه-تومبوهن توروت دمولياكن سباكايمان فرمان الله ﷻ دالم سورة التين، ايات ١، **وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ (١)**، ترجمهنث: دمي بواه تين دان بواه زيتون.

رسول الله ﷺ ساڠت مڠنجوركن اومتث اكر مڠكوناكن ڤراوبتن براساسكن تومبوهن دان باهن سمولا جادي سڤرتي مادو، كورما، حبة السوداء، ميڤق زيتون دان هليا. بكيندا ﷺ منكنكن بهاوا ستياڤ ڤياكيت ممڤوڤاءي اوبتث دان باڤق دأنتاراث داتڠ درڤد تومبوهن يڠ الله ﷻ جاديكن سباكاي نعمت سرتا ڤمبوه. حال اين دتكسكن دالم حديث يڠ دروايتكن اوليه إمام البخاري درڤد عائشة: **إِنَّ هَذِهِ الحَبَّةَ السَّوْدَاءَ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ، إِلَّا مِنَ السَّامِ، قُلْتُ: وَمَا السَّامُ؟ قَالَ: المَوْتُ.** مقصودث: سسوڠكوهن حبة السوداء اداله ڤناور باكي سكالا ڤياكيت، ملاءينكن السام. اكو برتاث: اڤاكه السام ايت؟ بكيندا منجواب: كماتين.

بالاي خزانه إسلام سلطان حاج حسن البلقيه (BKISHHB) بوكن سهاج برڤرانن سباكاي ديستيناسي لاوتن، ماله توروت منجادي ڤوست كعلموان يڠ ملقساناكن ڤلباكاي اكتيؤيتي علمية. سلاءين منجالنكن كاجين ترهادڤ ارتيفك، مصحف دان مانوسكريڤ، BKISHHB توروت مميليقي سبواه تامن هربا يڠ برفوڠسي سباكاي باهن كاجين دان سومبر ڤمبلاجرن. ڤلباكاي جنيس تومبوهن دان هربا دتانم دتامن ترسبوت، منجاديكنث ساله ساتو سومبر علمو يڠ برنيلاي كڤد ڤڤونجوڠ دان ڤڤليديق.

تامن هربا دBKISHHB دڤنوهي دڠن ڤلباكاي جنيس هربا دان تومبوه-تومبوهن يڠ ممڤوڤاءي كاءيتن راڤت دڠن بودايا ملايو دان ترادِيسي إسلام. كباڤقن هربا يڠ دتانم دBKISHHB جوك سوده دكنلي سچارا ملواس اوليه مشاركت بروني دان توروت دتانم دكديامن ماسيڠ[٢].

تامن هربا BKISHHB مڠهيمڤونكن ڤلباكاي تومبوهن ترادِيسيونل دان مودن يڠ دكوناكن دالم ڤراوبتن، ماسقن، سرتا بودايا إسلام-ملايو. انتارا هربا يڠ دتانم دBKISHHB اياله سامبوڠ ڤاوا، كالا ڤيريڠ، همڤدو تانه، ڤوكوق عجاءيب، داءون سيريه، داءون كادوق، ليماو كونيڠ اتاو ليمون، داءون كاري، سراي، مهكوتا ديوا، توڠكت علي، هربا مانيس Aztec، ميساي كوچيڠ، جينسڠ، بواه تين، اوريكانو، داءون سجومبوق، داءون ڤودينا، كوكورن، اولم راج اتاو رانچاه[٢]، بوڠا تاهي ايم چينا، ليده بوايا، كماڠي بيني اتاو سلاسيه هيتم، كماڠي لاكي اتاو سلاسيه ڤوتيه، داءون تاور[٢]، ايكور كوچيڠ، بايم كارڠ، كوپيت، كوپيت هيتم، كوپيت ڤوتيه، بوڠا اوڠو، تمو كونچي، تمولاواق، ڤوكوق ڤودينا Pennyroyal، داءون ڤڠكاڭ، بلالاي كاجه، لاڠكواس، سومبوي[٢]، ڤاته[٢] تولڠ، داءون كورڤ، لوكوت، ڤوكوق جاروم توجوه بيله دان كنتن.

داري سكي ڤڠكوناءن، هربا برداءون لازيمث دماكن سچارا لڠسوڠ سباكاي اولم-اولمن. سلاءين ايت، ترداڤت جوك هربا يڠ دكوناكن دڠن چارا دكيسر اتاو دربوس اونتوق دجاديكن مينومن. سأيريڠ ڤركمبڠن سماس، سبهاكين هربا ترسبوت توروت دڤروسيس دالم بنتوق ايكسترك دان كڤسول سباكاي سوڤليمن.

سلاءين دكوناكن اونتوق توجوان ڤراوبتن، سبيلڠن هربا توروت دمنفعتكن سباكاي سومبر اروما، سڤرتي سراي، داءون ڤودينا دان ليمون. هربا جوك ممڤوڤاءي خاصيت لاءين، انتاراث سباكاي باهن دالم ڤرودوك كوسميتيك دان ڤنجاكاءن كوليت سرتا توبوه بادن، سڤرتي ليده بوايا، داءون سيريه دان كوپيت.

دالم عملن ترادِيسي، سبهاكين هربا توروت دڤرچاياءي ممڤوڤاءي خاصيت ترتنتو كڤد توبوه بادن دان دكوناكن سباكاي اختيار ڤنجاكاءن كصيحتن، ترماسوق باكي ممبنتو منجاڭ تاهڤ كصيحتن سڤرتي تكنن داره تيڠكي، كنچيڠ مانيس، ساكيت جنتوڠ دان ڤياكيت لاءين. نامون دمكين، ڤڠكوناءنث ڤرلوله دبوات سچارا سدرهان دان تيدق مڠكنتيكن نصيحت سرتا راوتن درڤد ڤيهق يڠ بركلايقن.

سچارا كسيمڤولنث، هربا دان تومبوه-تومبوهن ممڤوڤاءي نيلاي يڠ بسر دالم كهيدوڤن مشاركت. كاجين لنجوت سچارا علمية اداله ڤنتيڠ باكي مڠنل ڤستي منفعت، قاعده ڤڠكوناءن دان تاهڤ كسلامتن سسواتو هربا سوڤايا معلومت مڠناءيث داڤت دجاديكن ڤندوان كڤد مشاركت عموم. سهوبوڠن ايت، BKISHHB مڤالو-الوكن ڤارا ڤپليديق اونتوق منجالنكن كاجين بركاءيتن هربا دان تومبوه-تومبوهن يڠ ترداڤت دتامن هربا بركناءن سباكاي اوسها ممڤركاي سومبر علمو دان ڤپليديقن.

PELITA BRUNEI

Masjid Omar ‘Ali Saifuddien simbol keagungan syiar Islam NBD, terindah di Asia Tenggara

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

MASJID Omar ‘Ali Saifuddien yang berdiri megah di tengah-tengah ibu kota Bandar Seri Begawan (BSB) merupakan simbol keagungan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD). Masjid ini merupakan antara masjid yang terindah di Asia Tenggara, kini berusia 68 tahun dan merupakan masjid yang tertua di negara ini yang dibina dalam tahun 50-an.

Masjid Omar ‘Ali Saifuddien yang dibina di atas tapak seluas dua hektar berdekatan pinggir Sungai Brunei boleh menampung seramai 3,000 jemaah. Masjid yang dibina ini menggabungkan seni bina Islam yang diadun dengan reka seni tempatan.

Reka bentuk kalat digunakan pada tiang-tiang luar masjid. Bahagian dalaman masjid pula dihias dengan pelbagai hiasan. Masjid ini juga mempunyai 34 buah jendela manakala bingkai jendela pula diperbuat daripada tembaga serta dihiasi dengan kaca berwarna-warni yang ditempah khas dari England.

Masjid Omar 'Ali Saifuddien

Lakaran reka bentuk Masjid Omar ‘Ali Saifuddien mula dilukis dalam tahun 1953. Masjid Omar ‘Ali Saifuddien ini dibina pada Khamis, 1 Jamadilakhir 1373 bersamaan dengan 4 Februari 1954 dengan titah dan diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan pembukaan Masjid Omar 'Ali Saifuddien ini telah dirasmikan pada Jumaat, 12.25 tengah hari, 13 Rabiulawal 1378 bersamaan dengan 26 September 1958 oleh baginda sendiri.

Masjid ini merupakan sebuah masjid utama yang dibina di NBD dan masjid negara pertama yang boleh memuatkan seramai 3,000 jemaah dan juga merupakan masjid tumpuan utama bagi majlis-majlis sempena hari-hari kebesaran Islam dan negara serta majlis pernikahan diraja. Masjid ini diwartakan pada tahun 2011 di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam 1967, semakan 1984; 1991; 2002.

Selain itu, lampu candelier yang terdapat di dalam masjid ini merupakan rekaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (Al-Marhum) sungguh cantik dan menyerikan lagi suasana dalam masjid. Di setiap masjid terdapat kaligrafi tulisan khat, potongan ayat suci Al-Quran yang begitu halus seni khatnya. Sementara lantai masjid dan dinding masjid pula dihiasi dengan batu marmar yang ditempah khas dari Itali.

Di ruang tengah masjid di sebelah atasnya terbentuk satu kubah setinggi 44 meter yang pada kubah itu terdapat satu ayat khas yang membawa maksud :

"Apa yang ada di langit dan
apa yang ada di bumi sentiasa
bertasbih kepada Allah,
bagi-Nya segala kekuasaan dan
bagi-Nya segala pujian, dan
Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu".

Di persekitaran perkarangan masjid terdapat sebuah lagun juga sebuah bahtera Diraja abad Ke-16 yang dihubungkan dengan sebuah jambatan.

Bahtera Mahligai

Di tengah-tengah lagun terbina sebuah replika bahtera abad Ke-16 bernama Bahtera Mahligai berukuran 157 kaki panjang dan 31 kaki lebar. Bahtera ini merupakan mercu tanda bagi memperingati peristiwa turunnya Kitab Suci Al-Quran yang ke-1400 dan telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Ramadan 1387 bersamaan 18 Disember 1967.

Reka bentuk Kenaikan Diraja ini menelan belanja kira-kira BND500,000.00. Bahtera ini juga pernah dijadikan Astaka bagi mengadakan beberapa acara keagamaan seperti pertandingan membaca ayat suci Al-Quran yang pernah diadakan hujung tahun 1960-an dan 1970-an. Acara-acara keagamaan yang diadakan di atas Bahtera Mahligai ini juga melambangkan hasrat dan usaha pihak kerajaan dalam mengembangkan syiar agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Selain itu, sebuah kolam pancutan air yang dibina di perkarangan masjid memberikan satu suasana sejuk ke ruang dalam masjid. Manakala tembok yang dibina sepanjang 559 meter yang mengelilingi masjid ini mencipta sebuah lagun yang memberikan gambaran seolah-olah Masjid Omar 'Ali Saifuddien ini terapung di atas air dan sekali gus memperlihatkan lagi keunikannya.

Sementara itu, Menara Masjid Omar ‘Ali Saifuddien setinggi 44 meter m erupakan salah satu ciri masjid yang paling menonjol dan dari Menara inilah azan berkumandang menyeru kaum Muslimin untuk menunaikan kewajipan kepada Allah yang Maha Esa.

Apa yang paling menonjol dan unik serta jadi perhatian kepada pelancong dari negara luar apabila berkunjung ke negara ini dan menyaksikan sendiri keindahan serta keunikan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien ini ialah Kubah Emas masjid ini yang diseliputi ratusan mozek emas adalah bahagian yang paling menarik pada masjid ini. Dengan ketinggian 52 meter, Kubah Emas ini mendominasikan panorama BSB.

Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang mempunyai ciri-ciri seni bina India atau Mughal Architure memang mempunyai bentuk yang cukup unik dari segi sukat-sukatnya, ketinggian serta kelebarannya, penggunaan *dome* atau kubah yang memang diseragamkan dengan bentuk elemen-elemen lain yang terdapat pada masjid ini.

Apa yang menjadi kemegahan dari segi seni binanya ialah keunikannya yang mempunyai monumen teliti atau seni bina sculpture yang membentuk dan memecah ruang di persekitaran bandar, dari segi bentuk-bentuk ukiran yang ada pada bangunan ini memanglah mempunyai jiwa seni yang memaparkan identiti-identiti kebruneian, dan ini sesuai dengan titah Al-Marhum sendiri yang mana mengatakan NBD adalah sebuah negara yang tua yang cukup indah dalam segalanya dan dengan izin Allah, insyaaAllah kemasyhuran dan ketulenan itu akan kita majukan selama-lamanya.

Masjid ini merupakan Rancangan Kemajuan Negara pertama sekali yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien (Al-Marhum) dan menelan belanja sebanyak tujuh perpuluhan tujuh juta ringgit Brunei.

Bagi para penduduk di negara ini, masjid ini lebih daripada simbol kegemilangan syiar Islam. Masjid ini mempunyai banyak keistimewaannya, antaranya pada 31 Disember 1983 telah diadakan Majlis Sembahyang Berjemaah dan Membaca Doa Kesyukuran sempena Hari Kemerdekaan NBD yang berlangsung di masjid ini dan juga beberapa Majlis Pernikahan Diraja turut dilangsungkan di masjid ini.

Selain itu, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien Sa’adul Khairi Waddien juga pernah melaungkan azan di masjid berkenaan. Baginda melaungkan azan pertama kali apabila masjid ini siap pembinaannya, juga semasa Al-Marhum dijunjung oleh Menteri Ugama pada ketika itu untuk melafazkan azan.

Sebagaimana ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien yang telah membaca Khutbah Jumaat di masjid ini pada 22 Februari 1963, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah membaca khutbah pada tahun 1992 sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Masjid ini juga masih diiktiraf dunia dan juga Asia Tenggara sebagai sebuah dan antara masjid yang terindah dan menjadi tumpuan para pelancong untuk berkunjung menyaksikan sendiri keunikan dan keindahan simbol keislaman di negara ini.

Selain sebagai tempat beribadah, pelbagai aktiviti keagamaan turut diadakan di masjid ini seperti kelas pelajaran Muqaddam dan Al-Quran, selain aktiviti ceramah agama yang merupakan lambang kegemilangan Islam di NBD.

MENYEMARAKKAN BUDAYA ILMU, MEMPERLUAS PERKONGSIAN INTELEKTUAL

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BICARA Santai Bersama Ilmuan bersempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Kali Ke-16 yang berlangsung di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan program Bicara Santai Bersama Ilmuan bersempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Kali Ke-16.

Program berlangsung di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim.

Program berkenaan menampilkan dua ahli panel, iaitu Profesor dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail; dan Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Sesi bicara dikendalikan oleh Penolong Pendaftar Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin, selaku Moderator.

Melalui pendekatan perbincangan yang santai dan interaktif, para panel berkongsi pandangan, pengalaman serta ilmu yang bermanfaat kepada para hadirin. Program berkenaan turut menyediakan ruang kepada peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan ahli panel serta mengemukakan persoalan berkaitan topik yang dibincangkan.

Antara perkara yang disampaikan ialah khazanah Islam dan sejarah Negara Brunei Darussalam (NBD) memperlihatkan bahawa ilmu, pendidikan dan nilai keagamaan telah menjadi asas penting dalam membentuk identiti, pemerintahan serta kehidupan masyarakat.

Semangat berkenaan selari dengan keteladanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat yang sentiasa mengutamakan usaha menuntut ilmu sebagai jalan memperkukuh iman, membina akhlak dan memajukan ummah.

Dalam mendepani dunia Kecerdasan Buatan (AI), ia perlu dimanfaatkan bukan sebagai pengganti pemikiran manusia, tetapi sebagai pencetus pemikiran, pemangkin kreativiti dan alat untuk memperluas penerokaan ilmu.

Penganjuran program berkenaan merupakan salah satu pengisian Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang bertujuan menyemarakkan budaya ilmu, memperluas perkongsian intelektual dan menggalakkan pertukaran pandangan dalam kalangan warga universiti.

Program berkenaan juga mencerminkan komitmen UNISSA dalam membentuk generasi yang berilmu, berfikiran terbuka dan berakhlak mulia, selaras dengan aspirasi universiti untuk melahirkan Khayra Ummah yang mampu memberikan sumbangan bermakna kepada agama, masyarakat dan negara.

Pelajar NBD pamer bakat kreatif cemerlang di pentas global

DAYANG Siti Nurhasmah Rabiatul binti Muhammad Zulkamal dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, yang meraih tempat pertama dalam pemilihan peringkat kebangsaan menerusi karya beliau yang berjudul 'Adai-Adai'.

Berita dan Foto : Ihsan Asri Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Festival Seni Antarabangsa bagi pelajar Sekolah Menengah (International High School Art Festival), yang dianjurkan oleh International Foundation for Arts & Culture (IFAC), menawarkan platform unik kepada pelajar sekolah menengah atas untuk mempamerkan bakat kreatif mereka yang cemerlang di pentas global.

Setiap tahun, antara 10,000 hingga 15,000 karya seni dihantar oleh pelajar dari seluruh dunia, dengan 500 karya terbaik dipilih untuk dipamerkan di National Art Centre yang berprestij di Tokyo.

Karya-karya berkenaan menonjolkan perspektif budaya yang unik dari negara-negara peserta.

Pada tahun ini, empat karya seni dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah terpilih untuk dipamerkan. Mewakili negara dalam Majlis Penyampaian Anugerah ialah Dayang Siti Nurhasmah Rabiatul binti Muhammad Zulkamal dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES), yang meraih tempat pertama dalam pemilihan peringkat kebangsaan menerusi karya beliau yang berjudul 'Adai-Adai'.

Pada 5 Ogos 2026, Dayang Siti Nurhasmah Rabiatul telah menerima anugerah berprestij berkenaan dalam satu majlis yang berlangsung di The Ritz-Carlton, Tokyo.

Dalam ucapan penerimaannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IFAC kerana menganjurkan festival yang begitu bermakna dalam menghimpunkan para pelajar dari seluruh dunia untuk berinteraksi serta menzahirkan keindahan dan identiti negara masing-masing melalui seni.

Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada keluarga dan guru atas sokongan dan dorongan yang berterusan, serta kepada Kementerian Pendidikan dan jawatankuasa penganjur kerana memberikan peluang yang begitu berharga untuk mewakili negara di persada antarabangsa.

Pencapaian Dayang Siti Nurhasmah Rabiatul sekali lagi menjadi satu kebanggaan buat PTES, susulan kejayaan Dayang Aina Adrianna binti Ariffeen dan Awang Asrol bin Purot, kedua-duanya dari PTES, yang turut menerima penghormatan yang sama dalam dua tahun berturut-turut sebelum ini.

Selain karya Dayang Siti Nurhasmah Rabiatul, tiga lagi karya seni dari NBD turut dipamerkan di National Art Centre, Tokyo.

Pemenang tempat kedua dan ketiga, masing-masing diraih oleh Awang Muhammad Syafiq Aiman bin Rosmadi dan Dayang Iffa Nadia binti Suhaimy, kedua-duanya dari PTES. Manakala pemenang tempat keempat ialah Awang Muhammad Danish Qawi bin Mohammad Hairul Iswandi dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Pengiktirafan antarabangsa berkenaan menjadi bukti kepada kreativiti dan potensi besar anak-anak muda NBD, sekali gus memberi inspirasi kepada mereka untuk terus mengejar minat serta membentuk masa depan seni negara.

Memperkukuh penghargaan khazanah kesusasteraan, kebudayaan Melayu

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menganjurkan Pertandingan Menambang Syair Rakis bersempena Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16, bertempat di Auditorium Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Profesor Madya Dr. Khatijah binti Othman.

Pertandingan berkenaan disertai oleh para pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Pusat Tingkatan Enam (PTE) dan sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' bagi pelajar IPT, manakala Kategori 'B' pula bagi pelajar PTE serta sekolah menengah.

Bagi Kategori 'A', tempat pertama dimenangi oleh Dayang Halimatus Rabeatul Saiedah binti Haji Huzaimi dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), manakala tempat kedua disandang oleh Dayang Nurin Hayati binti Abdul Samad dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), sementara tempat ketiga diraih oleh Dayang Nurnazatul Aiman Zafirah binti Muhd. Hafizchin dari UNISSA.

Sementara itu bagi Kategori 'B' pula, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Zainab Awwahah binti Haji Aji dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), manakala tempat kedua disandang oleh Awangku Muhammad Farish Adrian al-Qusyairi bin Pengiran Indra Jaya dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sementara Awangku Mohammad Iman Rifqi bin Pengiran Mohd. Rafiuddin dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan meraih tempat ketiga.

Dua hakim yang diundang bagi menilai persembahan para peserta ialah Dayang Hajah Rokiah binti Awang Ismail, guru bersara; dan Dr. Hajah Maiza binti Haji Aji, iaitu Pakar Penyelidikan Pendidikan.

Penganjuran pertandingan berkenaan bertujuan untuk memelihara dan memperkenalkan semula seni menambang syair kepada generasi muda, di samping memperkukuh penghargaan terhadap khazanah kesusasteraan dan kebudayaan Melayu NBD.

Pertandingan berkenaan juga menjadi wadah bagi para pelajar menyerlahkan bakat, meningkatkan keyakinan diri serta menghayati nilai bahasa dan pemikiran yang terkandung dalam karya Syair Rakis.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan sesi bergambar ramai.

DEKAN Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Profesor Madya Dr. Khatijah binti Othman hadir selaku tetamu kehormat majlis.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

ARAB SAUDI PERKASA PENGALAMAN DIGITAL DUA MASJID SUCI MENERUSI APLIKASI 'IMAMZ'

MAKKAH, 9 Ogos. - Presidensi Hal Ehwal Agama Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Arab Saudi terus memperkasa perkhidmatan digital menerusi aplikasi 'Imamz' yang menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan bersepadu serta kandungan keagamaan berkaitan Dua Masjid Suci, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Aplikasi itu membolehkan pengguna mengikuti waktu solat di Dua Masjid Suci yang tepat dan dikemas kini setiap hari, melihat jadual imam dan bilal serta mengakses jadual khas imam bagi Solat Tarawih dan Tahajud sepanjang Ramadan.

Aplikasi itu turut menyediakan arkib digital solat harian dalam bentuk rakaman audio dan video, arkib Khutbah Jumaat dengan pilihan untuk didengar dan ditonton, serta Al-Quran audio visual yang menampilkan bacaan imam Dua Masjid Suci yang diselaraskan dengan teks Al-Quran.

Kandungan tambahan termasuk mesej kerohanian yang memberi inspirasi serta klip pilihan daripada bacaan Al-Quran serta petikan khutbah imam serta khatib Dua Masjid Suci, sekali gus membantu memperluas penyampaian mesej kedua-dua masjid berkenaan menerusi platform digital moden. - ©BERNAMA

21 maut, 37 cedera dua bas bertembung di barat Niger

NIAMEY, 9 Ogos. - Sekurang-kurangnya 21 orang maut manakala 37 lagi cedera selepas dua bas penumpang bertembung di barat Niger pada Jumaat, lapor Xinhua memetik laporan Agensi Berita Niger (ANP) pada Sabtu.

Menurut ANP, kemalangan itu berlaku di jalan Maradi-Madaoua, kira-kira 55 kilometer dari bandar Madaoua.

Siasatan telah dilancarkan bagi mengenal pasti punca kemalangan.

Kemalangan itu berlaku ketika pihak berkuasa Niger mempergiat kempen kesedaran keselamatan jalan raya susulan kejadian kemalangan yang kerap berlaku di negara berkenaan.

Menurut laporan Agensi Keselamatan Jalan Raya Niger yang dipetik ANP, lebih 7,100 kemalangan jalan raya direkodkan di negara itu pada 2025, mengorbankan lebih 1,200 orang dan menyebabkan lebih 4,400 lagi cedera parah. - ©BERNAMA

2 maut helikopter terhempas ketika bantu padam kebakaran hutan di Utah

LOS ANGELES, 9 Ogos. - Dua maut selepas sebuah helikopter terhempas ketika membantu operasi memadam kebakaran hutan di Utah, Amerika Syarikat (AS), lapor Xinhua.

Pusat Kebakaran Antara Agensi Kebangsaan AS memaklumkan helikopter yang digunakan oleh Perkhidmatan Hutan AS itu terlibat dalam kemalangan ketika operasi menangani kebakaran Widemouth 2, mengorbankan juruterbang dan seorang kru.

Identiti kedua-dua mangsa belum didedahkan. Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) berkata pesawat jenis Sikorsky S-64 itu terhempas berhampiran Richfield kira-kira 10 pagi waktu tempatan pada Jumaat.

Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (NTSB) mengetuai siasatan terhadap kejadian itu. Maklumat awal menunjukkan helikopter berkenaan terhempas di kawasan terpencil atas sebab yang masih belum diketahui ketika operasi memadam kebakaran sedang dijalankan.

Pegawai tempatan berkata kebakaran yang masih aktif serta bentuk muka bumi yang sukar pada mulanya menghalang pasukan daripada menghampiri lokasi nahas. Pegawai bomba berkata nahas itu turut mencetuskan kebakaran baharu, sekali gus menyukarkan akses dan meningkatkan risiko keselamatan kepada anggota penyelamat.

Gabenor Utah Spencer Cox berkata kejadian itu menggambarkan bahaya yang dihadapi anggota bomba dalam operasi kebakaran hutan. "Memadam kebakaran hutan adalah antara pekerjaan paling berbahaya di dunia. Hari ini menjadi peringatan menyedihkan mengenai risiko luar biasa yang dihadapi anggota ini demi melindungi kita," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau turut meminta penduduk memberi ruang dan masa kepada penyiasat serta anggota kecemasan untuk meneruskan tugas. Kebakaran Widemouth 2 bermula pada 27 Julai selepas petir menyambar kayu-kayan kering, belukar dan rumput di Hutan Negara Fishlake berhampiran Kanosh, sebuah komuniti kecil di tengah Utah.

Kebakaran itu merebak dengan pantas susulan cuaca kering, suhu tinggi dan angin tidak menentu, sehingga memaksa pemindahan penduduk serta menyebabkan kerosakan harta benda. Pegawai berkata sekurang-kurangnya enam struktur musnah.

Menurut Utah Fire Info, sumber maklumat awam antara agensi mengenai kebakaran hutan di negeri itu, kebakaran berkenaan telah memusnahkan lebih 114,000 ekar (kira-kira 461 kilometer persegi) dan setakat ini 24 peratus berjaya dikawal. - ©BERNAMA

Gelombang haba ekstrem terus landa Republik Korea

SEOUL, 8 Ogos. - Kebanyakan bahagian Republik Korea diramal panas terik susulan gelombang haba melampau dan bahang dijangka berterusan dengan paras tertinggi siang hari mencecah 37°C,menurut agensi perkhidmatan cuaca pada Sabtu, lapor Agensi Berita Yonhap.

Hujan lebat sehingga 100 milimeter (mm) dijangka berlaku di bahagian pantai timur dan kawasan pergunungan di Wilayah Gangwon, manakala kawasan ibu kota yang lebih besar dan kawasan tengah juga akan menerima sehingga 40mm hujan bertaburan mulai tengah hari, menurut Pentadbiran Meteorologi Korea (KMA).

Suhu dijangka berkurangan buat sementara waktu di kawasan yang dilanda hujan lebat namun haba dan kelembapan akan kembali semula sebaik hujan berhenti, tambahnya.

Paras tertinggi pada waktu siang diramalkan pada 26°C hingga 37°C, dengan suhu mencecah sehingga 35°C di kawasan metropolitan Seoul dan 36°C di pusat bandar Daejeon.

Pihak Berkuasa Trafik Jalan Raya Korea berkata ia akan mengurangkan atau menangguhkan ujian pemanduan buat sementara waktu di tengah gelombang haba yang berpanjangan, memetik kebimbangan mengenai penyakit berkaitan haba dalam kalangan peserta dan kakitangan. - ©BERNAMA

Abelardo de la Espriella angkat sumpah sebagai Presiden Colombia dalam majlis bersejarah

BOGOTA (Colombia), 8 Ogos. - Peguam dan orang baharu dalam politik Abelardo de la Espriella mengangkat sumpah pada Jumaat sebagai Presiden Colombia dalam satu majlis di bandar barat daya Cali, lapor Anadolu Ajansi (AA). Upacara di luar ibu negara, Bogota, buat kali pertama itu memecah tradisi lebih seabad.

Majlis rasmi berkenaan menandakan pangsi ideologi untuk Colombia apabila De la Espriella menggantikan Gustavo Petro, yang tempoh empat tahunnya berakhir di tengah-tengah polarisasi politik dan masalah ekonomi.

Upacara angkat sumpah presiden secara tradisionalnya diadakan di Plaza de Bolívar yang bersejarah di Bogotá, namun majlis itu kali ini berlangsung di Arena USC di dalam Universiti Santiago de Cali. Pemilihan *venue* tersebut menyusuli beberapa minggu perdebatan institusi yang sengit antara pentadbiran baharu dan terdahulu.

De la Espriella pada mulanya mencadangkan untuk mengangkat sumpah di sebuah fasiliti tentera di Cauca yang dilanda konflik sebagai penghormatan kepada angkatan bersenjata Colombia. Petro, bagaimanapun, menentang keras langkah itu, menegaskan bahawa pangkalan tentera tidak boleh menjadi *venue* acara politik selagi beliau masih ketua komander.

Berikutan kelulusan kongres untuk memindahkan majlis itu, De la Espriella memilih Cali, ibu kota Valle del Cauca, merangka keputusan tersebut sebagai komitmen terhadap pengagihan kuasa pentadbiran dan keselamatan serantau.

Sebagai isyarat kepada angkatan tentera, De la Espriella menjadualkan tindakan rasmi pertamanya sebagai presiden di Pangkalan Tentera Udara Marco Fidel Suarez di Cali sejurus selepas perasmian. Majlis itu dihadiri perwakilan antarabangsa terutamanya pemimpin konservatif di seluruh Amerika dan Eropah.

Antara ketua negara berprofil tinggi dan orang kenamaan yang hadir termasuk Raja Felipe VI dari Sepanyol dan Presiden Argentina Javier Milei. Ketidakhadiran yang ketara termasuk Petro, yang melanggar tradisi dengan memilih untuk tidak menghadiri majlis.

Sementara itu, penganalisis daripada gabungan Pacto Histórico Petro memboikot upacara berkenaan dan mengadakan tunjuk perasaan di bandar utama, termasuk Cali. - ©BERNAMA

Republik Indonesia mula pembinaan kapal selam Scorpene secara domestik pertama

JAKARTA, 8 Ogos. - Republik Indonesia telah memulakan pembinaan kapal selam kelas Scorpene secara domestik yang pertama, dengan syarikat pembuat kapal milik kerajaan PT PAL Indonesia dijangka menyiapkan kapal itu dalam tempoh lapan tahun.

Panglima Tentera Laut Republik Indonesia Laksamana Muhammad Ali berkata pembinaan secara rasmi dimulakan dengan upacara pemotongan keluli pertama di limbungan PT PAL di Surabaya, Jawa Timur, pada Jumaat, menandakan permulaan pengeluaran fizikal kapal selam itu.

Beliau berkata kapal selam itu sedang dibina oleh kakitangan tempatan dengan sokongan dan bimbingan daripada syarikat pertahanan laut Perancis Naval Group sebagai sebahagian usaha memperkukuh keupayaan industri pertahanan domestik negara.

"Scorpene yang kami bina adalah lebih maju daripada varian sebelumnya yang dibina di negara lain. Ini ialah versi terkini dan terbaharu," katanya, menurut Agensi Berita Antara.

Berukuran hampir 72 meter panjang, kapal selam itu akan mampu menyelam lebih dalam dan kekal tenggelam untuk tempoh yang lebih lama daripada varian terdahulu, selain dilengkapi torpedo serta peluru berpandu berpandu.

Muhammad Ali berkata Tentera Laut juga telah menubuhkan pasukan petugas untuk mengendalikan kapal selam itu, dengan kakitangan dihantar secara beransur-ansur ke Republik Perancis untuk latihan bersama dengan Tentera Laut dan Kumpulan Tentera Laut Republik Perancis. - ©BERNAMA

Presiden baharu, AS umum pakej keselamatan USD1 bilion untuk Colombia

WASHINGTON, 8 Ogos. - Pentadbiran Trump mengumumkan pada Jumaat, Amerika Syarikat (AS) merancang untuk memberikan bantuan AS$1 bilion kepada Colombia sebagai sebahagian daripada pakej keselamatan baharu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Langkah itu bertujuan mengukuhkan kerjasama dengan kerajaan Presiden Abelardo de la Espriella yang baharu dilantik.

Delegasi presiden AS diketuai Pemangku Peguam Negara Todd Blanche mewakili Washington pada majlis angkat sumpah De la Espriella pada 7 Ogos, yang menurut Jabatan Negara menunjukkan komitmen pentadbiran untuk 'mengeratkan semula' hubungan AS-Colombia dan memperdalam kerjasama keselamatan serta ekonomi kedua-dua negara.

"Sebagai asas perkongsian yang diperbaharui ini, AS, bekerjasama dengan Kongres, berhasrat untuk mengumumkan bantuan $1 bilion sebagai sebahagian daripada pakej keselamatan bagi menyokong Pentadbiran Presiden De la Espriella dalam mencapai matlamat bersama kami," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut agensi itu, ia akan bekerjasama dengan Colombia untuk mengukuhkan pasukan keselamatannya melalui teknologi AS, meningkatkan kecekapan perbelanjaan pertahanan, saling kendali ketenteraan yang lebih baik dan menyelaraskan operasi dengan pasukan AS.

"Membina persahabatan selama lebih 200 tahun, Pentadbiran Trump berharap dapat bekerjasama rapat dengan pentadbiran baharu bagi memastikan keselamatan dan kemakmuran bagi AS, Colombia dan hemisfera kita," katanya.

De la Espriella mengangkat sumpah sebagai presiden Colombia pada Jumaat di Cali dan bukannya di ibu negara, Bogota, melanggar tradisi dalam langkah yang bertujuan untuk menekankan pendiriannya terhadap kumpulan bersenjata di rantau itu.

Beliau berikrar untuk mengambil pendekatan lebih tegas terhadap pengedaran dadah sambil melaksanakan langkah penjimatan bagi mengukuhkan ekonomi dan memulihkan keyakinan pelabur. - ©BERNAMA

ATLET 2 BERADIK MENANG GANGSA PADA KEJOHANAN TAEKWONDO ASIA INDONESIA 2026

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Atlet Poomsae (taekwondo) negara berjaya mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) di persada antarabangsa apabila gandingan Hyde Nathania Hijium dan Hyde Nachman Hijium berjaya meraih pingat gangsa dalam acara Recognized Pair Bawah 30 Tahun pada Kejohanan Terbuka Taekwondo Asia Indonesia Ke-8, 2026 baru-baru ini.

Kejohanan bertaraf antarabangsa yang berlangsung dari 1 hingga 5 Ogos 2026 di Tennis Indoor Stadium Senayan, Jakarta, Republik Indonesia berkenaan merupakan Kejohanan World Taekwondo G2, sekali gus menawarkan mata *ranking* dunia yang amat penting sebagai persediaan menghadapi kejohanan-kejohanan utama pada masa hadapan.

Sebanyak 478 atlet daripada 36 buah negara mengambil bahagian dalam kejohanan berprestij berkenaan, sekali gus menjadikannya pentas persaingan sengit yang menghimpunkan para atlet taekwondo terbaik dari Asia dan seluruh dunia.

Di bawah bimbingan Jurulatih Poomsae Kebangsaan, Habibah Mutiara, pasangan negara berkenaan mempamerkan persembahan Poomsae yang mantap, kemas dan penuh keserasian sehingga berjaya menempatkan diri di podium, sekali gus menghadiahkan pingat gangsa kepada NBD.

Kejayaan berkenaan menambah lagi koleksi pencapaian antarabangsa negara dalam disiplin Poomsae serta membuktikan perkembangan memberangsangkan program pembangunan taekwondo NBD.

Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam (BDTA) merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kedua-dua atlet serta Jurulatih Poomsae Kebangsaan atas dedikasi, disiplin dan komitmen tinggi dalam mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Menurut BDTA, kejayaan berkenaan bukan sahaja mencerminkan kemajuan berterusan program Poomsae negara, malah diharap menjadi sumber inspirasi kepada generasi baharu atlet taekwondo untuk terus mengejar kecemerlangan.

BDTA turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas sokongan berterusan dalam memperkasa pembangunan sukan taekwondo di negara ini.

Persatuan berkenaan menegaskan komitmennya untuk terus membimbing atlet-atlet berbakat serta menyediakan lebih banyak peluang bagi mereka bersaing di kejohanan bertaraf dunia, di samping memperkukuh lagi kedudukan NBD dalam arena taekwondo antarabangsa.

ATLET taekwondo negara, Hyde Nathania Hijium dan Hyde Nachman Hijium berjaya meraih pingat gangsa dalam acara Recognized Pair Bawah 30 Tahun pada Kejohanan Terbuka Taekwondo Asia Indonesia Ke-8, 2026 di Tennis Indoor Stadium Senayan, Jakarta, Republik Indonesia, baru-baru ini.

Rumah Lumut Lunting juara Kejohanan Rentas Desa SM SMJA

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam

RUMAH Lumut Lunting yang diketuai oleh Awang Almanylie bin Haji Alamin dan Dayang Siti Norassimah binti Haji Kassim berjaya memenangi juara keseluruhan bagi kejohanan tersebut (atas). Sementara gambar bawah, sesi bergambar ramai pada acara berkenaan yang telah mengambil tempat di kawasan bawah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Sungai Kebun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Kejohanan Rentas Desa Antara Rumah-rumah Sukan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) kali Ke-36, Tahun 2026 telah diadakan baru-baru ini, bertempat di kawasan bawah Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAS), Sungai Kebun.

Sebanyak empat buah rumah sukan menyertai kejohanan berkenaan, iaitu Pulau Chermin (kuning), Jong Batu (biru), Berambang (hijau) dan Lumut Lunting (merah).

Acara kejohanan yang diadakan selang dua tahun sekali berkenaan mempertandingkan beberapa kategori, iaitu Kategori Guru-guru dan Kakitangan Sekolah Lelaki, Kategori Guru-guru dan Kakitangan Sekolah Perempuan, Kategori 'B' Lelaki, Kategori 'B' Perempuan, Kategori 'C' Lelaki, dan Kategori 'C' Perempuan.

Juara keseluruhan bagi kejohanan disandang oleh Rumah Lumut Lunting, yang juga merupakan juara bagi acara sukan yang diadakan pada 2025. Rumah berkenaan diketuai oleh Awang Almanylie bin Haji Alamin dan Dayang Siti Norassimah binti Haji Kassim.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah dan doa oleh Prefek-prefek, Awang Md. Nur Syakir Danish bin Shahrul, Awang Md. Ashraff Mirza bin Khairul Hasfalilah, Awang Danial Hisyamuddin bin Aming; diikuti dengan senamrobik Zumba yang diketuai oleh Dayang Fatin Syahirah binti Haji Yusdi.

Turut hadir ialah ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Penyampaian pingat turut disampaikan oleh Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohd. Salleh; Timbalan Pengetua Akademik, Dayang Paridah binti Haji Bayong; Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Suhana binti Ramli; dan wakil Ahli PIBG, Awang Yahya bin Haji Sapar (PIBG Unit Sukan dan Riadah).

Dewan Badminton AR Riyadah raikan ulang tahun pertama

Berita dan Foto : Ihsan AR Riyadah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Dewan Badminton AR Riyadah (ARBC) meraikan ulang tahun pertama penubuhannya dengan mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah dan Penghargaan Kejohanan Badminton ARBC yang berlangsung di Dewan Indah Biru, Perindustrian Lugu baru-baru ini.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan terhadap semangat kesukanan dan komitmen para peserta yang telah memeriahkan Kejohanan Badminton ARBC sepanjang tahun pertama operasi dewan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Low Ser Yer, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang. Turut hadir ialah barisan pengurusan AR Riyadah, para penaja, peserta kejohanan serta ahli keluarga mereka.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemilik AR Riyadah, Pengiran Haji Alit bin Pengiran Haji Damit, melahirkan rasa syukur dan bangga atas sambutan menggalakkan yang diterima terhadap pelbagai kejohanan serta aktiviti yang dianjurkan sepanjang tempoh setahun beroperasi.

Menurut beliau, AR Riyadah bukan sahaja menjadi lokasi untuk aktiviti sukan badminton, malah telah berkembang sebagai platform yang menyatukan komuniti, mencungkil bakat baharu serta memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Beliau turut menegaskan komitmen AR Riyadah untuk terus menganjurkan lebih banyak program dan kejohanan pada masa akan datang bagi mengembangkan lagi sukan badminton di negara ini.

Kejohanan tersebut mempertandingkan empat kategori, iaitu Beregu Lelaki Veteran 120 Tahun Ke Atas, Beregu Wanita, Beregu Campuran dan Beregu Lelaki, dengan penyertaan seramai 96 peserta dari sekitar Daerah Brunei dan Muara.

Para pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai, pingat dan raket bagi johan, yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja, jawatankuasa penganjur serta sukarelawan sebagai pengiktirafan atas sumbangan mereka dalam menjayakan kejohanan berkenaan.

Suasana majlis turut dimeriahkan dengan cabutan nama bertuah serta jamuan mesra yang menghimpunkan para peserta bersama ahli keluarga mereka.

Mengakhiri majlis, pihak AR Riyadah merakamkan penghargaan kepada semua peserta, penaja dan rakan strategik yang telah memberikan sokongan padu sepanjang penganjuran kejohanan, di samping menyasarkan penganjuran Kejohanan Badminton ARBC edisi kedua pada tahun 2027 dengan skala yang lebih besar dan penyertaan yang lebih meluas.

SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Penghargaan Kejohanan Badminton ARBC yang berlangsung di Dewan Indah Biru, Perindustrian Lugu baru-baru ini.

PELITA BRUNEI

PASUKAN KERMA NEGARA JOHAN KEJOHANAN SEPAK TAKRAW REGU

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Ahad, 9 Ogos. - Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Daerah Belait telah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Regu pada 2 dan 9 Ogos 2026 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Sukan Mumong, di sini.

Kejohanan yang disertai oleh 13 buah pasukan daripada mukim dan kampung di Daerah Belait ini bertujuan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping mengeratkan perpaduan masyarakat melalui sukan.

Kejohanan tersebut juga menjadi salah satu langkah awal dalam mengenal pasti pemain-pemain berpotensi bagi persiapan Kontinjen Daerah Belait menuju Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Kali Ke-V, Tahun 2026. Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi perlawanan akhir tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Turut hadir, Ketua Cawangan Jabatan Belia dan Sukan Daerah Belait, Dayang Norulhoda binti Muhammad Iskandar selaku Pengerusi Kejohanan serta jemputan-jemputan khas. Pasukan Kerma Negara muncul sebagai johan setelah menewaskan Pasukan Kampung Pandan dengan kiraan set 2 - 0 dan tempat ketiga pula disandang oleh Pasukan Kampung Sungai Teraban. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu kehormat majlis.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Bukit Sawat hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas kanan). Manakala gambar kanan, antara aksi yang dipaparkan semasa perlawanan tersebut.

Lebih 500 sertai Scavenger Hunt 2026

SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof hadir selaku tetamu kehormat di acara yang telah mengambil tempat di Hab Tenaga Brunei, Dermaga Diraja, di ibu negara.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 9 Ogos. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) pagi tadi menganjurkan Scavenger Hunt 2026 bertempat di Hab Tenaga Brunei, Dermaga Diraja, di ibu negara.

Acara yang merupakan salah satu acara utama Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam 2026 itu menghimpunkan lebih 500 peserta bagi meraikan warisan maritim negara melalui semangat kerjasama berpasukan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman, yang menekankan pentingnya penglibatan masyarakat dalam menghargai dan memelihara warisan pelayaran negara.

Kapten (B) Zil Husam juga menyatakan, peningkatan jumlah peserta yang amat ketara ini jelas menunjukkan sambutan dan minat yang semakin meningkat terhadap acara berkenaan, di mana semangat dan keterujaan para peserta merupakan nadi utama acara, dan pihak MPABD menzahirkan penghargaan kerana menjadikan hasrat ini satu kejayaan yang begitu membanggakan.

"Kita berkumpul pada hari ini di Dermaga Diraja, sebuah lokasi yang begitu erat kaitannya dengan sejarah maritim Negara Brunei Darussalam. Selama berabad-abad, perairan ini telah menjadi penghubung antara masyarakat, perdagangan dan kebudayaan.

"Pada hari ini, ketika kita berdiri di persisiran bersejarah ini, kita bukan sekadar mengenang warisan yang kaya, malah terus membina dan mengembangkannya.

"Apa yang bermula tiga tahun lalu sebagai satu inisiatif sederhana bagi mengeratkan hubungan masyarakat kini telah berkembang menjadi salah satu acara penglibatan awam utama dalam Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam.

"Scavenger Hunt pada hari ini bukan sekadar perlumbaan mencari khazanah tersembunyi di sekitar bandar. Dibahagikan kepada kumpulan yang terdiri daripada lima orang, awda perlu mengharungi pelbagai cabaran yang memerlukan pemikiran pantas, strategi yang mantap, ketahanan fizikal dan, yang paling utama, kepercayaan serta kerjasama yang erat," terang beliau.

Pertandingan kemudiannya dimulakan secara rasmi dengan acara pelepasan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sambutan orang ramai terhadap acara berkenaan amat menggalakkan apabila semua slot pendaftaran yang disediakan habis diisi dalam tempoh sehari selepas dibuka, sekali gus mencatatkan rekod penyertaan seramai 500 peserta.

Sepanjang pertandingan, kumpulan yang terdiri daripada lima orang menguji pengetahuan mengenai maritim, pemikiran kritis dan ketahanan fizikal masing-masing dengan menyelesaikan pelbagai petunjuk serta cabaran interaktif di sekitar Dermaga Diraja.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada kumpulan yang berjaya.

Kumpulan juara menerima hadiah utama sebanyak BND2,500 berserta trofi dan pingat, manakala menduduki tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima BND1,500 dan BND1,000, berserta trofi dan pingat.

Selain itu, tujuh pemenang hadiah sagu hati masing-masing menerima BND250 dan barangan eksklusif sebagai penghargaan atas usaha dan pencapaian yang ditunjukkan sepanjang pertandingan.

Selain menjadi wadah bagi menggalakkan persaingan sihat, Scavenger Hunt MPABD 2026 turut memperkukuh kesedaran orang ramai mengenai sejarah dan warisan maritim Brunei, di samping memupuk perpaduan, ketahanan dan kelestarian selaras dengan matlamat Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam 2026.